



2013

LAPORAN TAHUNAN



S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

2013

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA, 2014

© Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
Emel: humanrights@suhakam.org.my
URL: <http://www.suhakam.org.my>

Direka dan dicetak di Malaysia oleh

SALZ-TERACHI DESIGN SDN BHD

36-01-10, Block 36, Kemuncak Shah Alam
Jalan Tengku Ampuan Rahimah 9/20
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-58804591
Fax : 03-58804531
Email : salzterachi@myjaring.net.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISSBN: 1675-1159

ANGGOTA SURUHANJAYA APRIL 2010-APRIL 2013

- 1. TAN SRI HASMY AGAM** (Pengerusi)
- 2. PROF DATUK DR KHAW LAKE TEE** (Naib-Pengerusi)
- 3. PROF EMERITUS DATO' DR MAHMOOD ZUHDI HJ AB MAJID**
- 4. DATUK DETTA SAMEN**
- 5. PUAN JANNIE LASIMBANG**
- 6. ENCIK MUHAMMAD SHA'ANI ABDULLAH**
- 7. ENCIK JAMES NAYAGAM**

ANGGOTA SURUHANJAYA 2013



1. **Tan Sri Hasmy Agam** (Pengerusi)
2. **Datuk Dr Khaw Lake Tee** (Naib-Pengerusi)
3. **Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid**
4. **Encik Nordin Kasim Madating**
5. **Prof Dato' Dr Aishah Bidin**
6. **Encik Francis John Adam**
7. **Encik James Nayagam**
8. **Puan Rodziah Abdul** (Setiausaha)

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2013

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI	1	
RINGKASAN EKSEKUTIF	5	
ISU-ISU UTAMA	8	
BAB 1	LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM	17
	I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI	18
	II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM	29
BAB 2	LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI	41
	I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN	42
	II. BAHAGIAN INKUIRI	59
BAB 3	LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR	77
	I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR	78
	II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA	102
BAB 4	LAPORAN PEJABAT SABAH	117
BAB 5	LAPORAN PEJABAT SARAWAK	125

LAMPIRAN

LAMPIRAN I	KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2013	138
LAMPIRAN II	KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA	165
LAMPIRAN III	AKTIVITI SURUHANJAYA 2013	177
LAMPIRAN IV	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN - NASIONAL 2013	194
LAMPIRAN V	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN - ANTARABANGSA 2013	204
LAMPIRAN VI	PENERBITAN SURUHANJAYA 2013	208
LAMPIRAN VII	MESYUARAT BULANAN 2013 - KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA	209
LAMPIRAN VIII	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA	213
SENARAI SINGKATAN		230

PERUTUSAN Pengerusi



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Sejak penubuhannya pada tahun 1999, Suruhanjaya telah mengemukakan setiap Laporan Tahunannya ke Parlimen sejajar dengan mandat yang termaktub di bawah seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Laporan Tahunan yang ke-13 ini merekodkan aktiviti dan tindakan Suruhanjaya serta syor berkaitan isu yang memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak, antaranya pihak Kerajaan.

Dalam menerajui perkembangan hak-hak sivil, kebudayaan, ekonomi, politik dan sosial sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah memantau kesan hak asasi manusia hasil daripada pembaharuan undang-undang oleh Kerajaan; pelaksanaan kebebasan berhimpun dan keadaan di pusat tahanan. Selain itu, Suruhanjaya turut memperluaskan hak golongan rentan seperti kanak-kanak, wanita, warga emas, Orang Asal, Orang Kurang Upaya, pekerja migran, pelarian, pencari suaka dan tahanan.

Suruhanjaya telah menerima 624 aduan yang mana 403 kes adalah di bawah bidang kuasanya. Suruhanjaya telah menyelesaikan 173 kes dan masih menjalankan tindakan susulan ke atas 230 kes yang selebihnya. Kebanyakan aduan adalah berkenaan kematian dalam tahanan polis; tangkapan dan penahanan; hak pekerja dan pekerja migran, pelarian dan pencari suaka; gangguan terhadap pembela hak asasi manusia, empangan Murum; hak kepada pendidikan atau tindakan pentadbiran sekolah dan pilihan raya kampus.

Suruhanjaya telah melaksanakan tugas pemantauannya dengan mengadakan 30 lawatan berkala ke pusat tahanan imigresen, penjara, dan lokap polis untuk memantau keadaan dan situasi tahanan dan banduan serta pegawai yang bertanggungjawab. Suruhanjaya tetap bimbang terhadap kesejahteraan kanak-kanak di pusat tahanan imigresen terutamanya akses kepada pendidikan tidak formal dan tempoh penahanan mereka.

Bagi empat tahun berturut-turut, Malaysia diletakkan di Kedudukan Kedua dalam Senarai Pemerhati oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai pemerdagangan orang. Kedudukan ini disebabkan oleh kekurangan kemajuan yang penting daripada pihak Kerajaan dalam menangani pemerdagangan orang berbanding tahun sebelumnya. Sebagai ahli Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Suruhanjaya telah terlibat secara aktif dalam menyediakan input mengenai perkara seperti pemeriksaan tempat tinggal, prosedur operasi standard serta tinjauan mengenai pengurusan risiko.

Berikutan pengumuman awam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal di Malaysia (Laporan NI), Suruhanjaya telah merancang untuk mengambil inisiatif ke arah pelaksanaan syor-syor yang terkandung dalam Laporan NI. Namun demikian, sebelum Suruhanjaya dapat berbuat demikian, pihak Kerajaan mengumumkan keputusannya untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk mengkaji Laporan NI. Dalam mengalu-alukan keputusan Kerajaan ini, Suruhanjaya telah menekankan pentingnya untuk pelaksanaan awal dan efektif bagi syor-syor tersebut. Pada pandangannya, adalah penting untuk isu ini diselesaikan secepat mungkin memandangkan ia telah berlarutan sekian lama dan menimbulkan kekecewaan di kalangan Orang Asal.

Suruhanjaya mengekalkan profil yang tinggi dalam penglibatannya dengan badan hak asasi manusia serantau dan antarabangsa, terutamanya Majlis Hak Asasi Manusia (HRC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Antara perkembangan yang nyata adalah penglibatannya dalam semakan kedua Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia dan pelantikan sebagai Pengerusi Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI).

Suruhanjaya percaya bahawa triti hak asasi manusia antarabangsa adalah rangka kerja utama dalam mencerminkan komitmen Negara terhadap standard sejagat. Memandangkan rekod Malaysia yang kurang memuaskan dalam menyertai triti teras hak asasi manusia antarabangsa yang mana hanya menyertai tiga daripada sembilan instrumen PBB sehingga kini, Suruhanjaya berpendapat perlunya untuk proses tersebut dipercepatkan. Kerajaan harus memulakan usahanya dengan empat triti yang mana ia telah komited untuk menyertai semasa kitaran pertama UPR iaitu Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik; Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan; dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman; dan Konvensyen Menentang Penyeksaan, Hukuman Lain yang Zalim dan Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah.

Memandangkan keahlian dan penglibatan aktif Malaysia dalam PBB dan agensinya seperti HRC sehingga baru-baru ini dan usaha terkini dalam bertanding untuk mendapatkan keahlian di Majlis Keselamatan PBB, Suruhanjaya berpendapat wujudnya alasan yang kukuh untuk Malaysia menjadi negara contoh dalam menegakkan hak asasi manusia. Ini bukan setakat untuk menghormati hak asasi manusia malahan untuk membantu Malaysia dalam aspirasinya untuk mencapai status Negara maju menjelang akhir dekad ini.

Suruhanjaya sedar akan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam lingkungan hak asasi manusia terutamanya tanggapan salah di kalangan sesetengah kumpulan bahawa hak asasi manusia merupakan 'agenda dorongan Barat' dan seruan mereka agar Malaysia tidak tunduk

kepada tekanan untuk mematuhi apa yang mereka anggap sebagai standard hak asasi manusia yang 'asing'.

Walaupun setiap orang berhak untuk memberi pendapat, Suruhanjaya kesal dengan kegagalan kumpulan tersebut dalam memahami hakikat bahawa Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) merupakan satu pengisytiharan yang merangkumi kesemua aspek hak asasi manusia yang mana Malaysia, selaku Ahli Anggota PBB, harus menegakkannya. Sebaliknya, mereka tetap berpegang teguh kepada tanggapan salah bahawa UDHR hanya berkaitan dengan isu seperti kebebasan beragama dan hak komuniti *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender*. Kekurangan pemahaman dalam perkara ini dan kelewatan Negara dalam menyertai konvensyen-konvensyen teras tersebut akan menghalang Negara daripada mengambil langkah progresif ke arah pencapaian matlamatnya menjadi sebuah Negara maju dalam semua aspek menjelang 2020.

Dalam menangani isu ini, Suruhanjaya berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam terhadap hak asasi manusia menerusi program pendidikan, promosi dan juga dialog yang konstruktif. Suruhanjaya berpendapat adalah penting untuk semua orang memahami kepentingan hak asasi manusia kepada demokrasi. Untuk tujuan ini, Suruhanjaya mempergiatkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mempromosi amalan hak asasi manusia di kalangan komuniti sekolah melalui program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah. Suruhanjaya akan menarik perhatian KPM akan pentingnya menyemai nilai hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia di peringkat seawal sekolah rendah seperti yang dilakukan oleh beberapa negara yang lain.

Berikutan peningkatan kesedaran isu hak asasi manusia di kalangan rakyat Malaysia, Suruhanjaya melihat perkembangannya dalam memainkan peranan yang lebih besar dan efektif sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI). Oleh itu, Suruhanjaya memperjuangkan beberapa pindaan tambahan terhadap undang-undang penubuhannya yang bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan dalam melaksanakan fungsinya sebagai NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap cadangan pindaan Akta ini dan pada masa yang sama, memenuhi komitmennya di bawah Pengisytiharan Vienna dan Program Tindakan 1993. Kesemua ini mengesahkan peranan penting NHRI dan keperluan untuk Negara Anggota mewujudkan dan mengukuhkan NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris.


Suruhanjaya mengulangi seruannya agar tindakan diambil bagi memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen. Sebagai sebuah NHRI yang diwujudkan di bawah Akta Parlimen, Suruhanjaya berpendapat adalah penting bagi penggubal undang-undang memandang serius isu dan syor yang dikemukakan dalam Laporan Tahunannya. Suruhanjaya mengulangi advokasinya terhadap penubuhan satu Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai Hak Asasi Manusia, berikutan pengumuman Kerajaan pada Oktober 2012 tentang usulnya berbuat demikian. Ini merupakan satu langkah sementara ke arah merealisasikan matlamat utama bagi mewujudkan satu perbahasan di Parlimen yang sepenuhnya terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya dan kesemua isu hak asasi manusia yang memperkukuhkan proses demokrasi.

Perutusan Pengerusi

Tahun ini menyaksikan pelantikan semula empat Anggota Suruhanjaya, termasuk saya sendiri untuk tempoh tiga tahun lagi serta pelantikan tiga Anggota Suruhanjaya baru. Dalam mengucapkan tahniah kepada Datuk Dr Khaw Lake Tee, Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Encik James Nayagam atas pelantikan semula mereka, saya juga mengucapkan terima kasih atas komitmen dan sokongan berterusan mereka dalam membantu Suruhanjaya menjalankan fungsinya. Saya amat berterima kasih kepada Datuk Dr Khaw Lake Tee atas sumbangan besar beliau selaku Naib-Pengerusi Suruhanjaya dan Pengerusi Jawatankuasa Laporan Tahunan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada bekas Anggota Suruhanjaya iaitu Encik Muhammad Sha'ani Abdullah, Datuk Detta Samen dan Puan Jannie Lasimbang atas dedikasi mereka sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Dalam mengalu-alukan tiga Anggota Suruhanjaya yang baru - Prof Dato' Dr Aishah Bidin, Encik Francis John Adam, Encik Nordin Kasim Madating yang menyertai Suruhanjaya pada 3 Jun, saya berharap dapat bekerjasama dengan mereka sepanjang tiga tahun akan datang.

Dalam melangkaui tahun ke-14, Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama erat dengan semua pihak berkepentingan dalam memperjuangkan pematuhan hak asasi manusia yang lebih tinggi di kalangan semua rakyat Malaysia.



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun ini Suruhanjaya telah merangka Pelan Kerja bagi mencapai objektif Pelan Strategik yang merangkumi lima bidang tematik hak asasi manusia melibatkan Orang Asal, Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran, Warga Emas, Sektor Perniagaan dan Perjanjian Perdagangan Bebas termasuklah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik. Ini merupakan aktiviti tambahan kepada jadual aktiviti yang padat dalam menghargai dan menerima pakai hak asasi manusia yang mencakupi seluruh lapisan masyarakat termasuk memulakan inisiatif baru bagi memperluaskan skop pelaksanaan dan memberi maklum balas terhadap isu semasa yang perlu ditangani.

Seperti biasa, Suruhanjaya bergantung kepada rakan sekutunya serta pembela hak asasi manusia untuk membantu menyampaikan dua matlamat utamanya iaitu mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Ia berinteraksi dengan Kerajaan dan agensinya, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Hak Asasi Manusia Nasional, wakil agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), badan profesional dan masyarakat akar umbi.

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Bahagian Pendidikan dan Promosi telah meluaskan jangkauannya ke sekolah-sekolah melalui perkongsian pintar yang berterusan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hasil kerjasama tersebut, KPM telah menubuhkan satu jawatankuasa berhubung pelaksanaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Ia juga bersetuju untuk menambah lagi penyertaan 121 buah sekolah dalam program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM), menjadikan jumlah keseluruhannya 138 buah sekolah.

Program turut dilaksanakan untuk Sekolah Khas dan di bawah Program Pendidikan Khas Integriti untuk menarik perhatian guru tentang aspek hak asasi manusia.

Usaha yang sama juga diteruskan kepada guru kanak-kanak Orang Asli dan juga di Sekolah Agama Rakyat. Kemuncak usaha sama Suruhanjaya dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dicapai apabila Universiti Malaya mengesahkan cadangan Suruhanjaya untuk menubuhkan satu Pusat Hak Asasi Manusia di kampus.

Bahagian Perhubungan Awam telah meningkatkan pemahaman umum tentang hak asasi manusia menerusi kenyataan media, wawancara dan maklum balas terhadap isu berkaitan kepentingan awam. Terdapat penglibatan secara langsung dengan pihak berkepentingan melalui beberapa program seperti pengumuman awam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012, Pertandingan Booklet Hak Asasi Manusia di bawah Program ATHAM, Anugerah Hak Asasi Manusia dan panel perbincangan bagi meraikan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia.

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

Bahagian Aduan dan Pemantauan telah menerima sebanyak 624 aduan. Buat pertama kali, aduan dianalisis mengikut aspek khusus hak asasi manusia yang didakwa telah dicabuli. Mekanisme pengendalian aduan telah dinaiktaraf untuk menjadi lebih mudah dan cekap. Selain itu, prosedur mengemukakan aduan turut dikaji semula termasuk penambahbaikan tempoh masa yang diambil untuk memberi maklum balas.

Sebelum pengumuman awam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (Laporan NI) pada bulan Ogos, **Bahagian Inkuiri** telah memberi taklimat kepada pihak berkepentingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia berkenaan hasil dapatan laporan itu. Perjumpaan turut diadakan dengan pegawai kanan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk membangkitkan isu berkaitan.

Dalam mengerakkan kempen untuk menamatkan penahanan Imigresen terhadap kanak-kanak, Bahagian ini telah mengadakan Perbincangan Meja Bulat (PMB) dalam mengenal pasti alternatif dan kecekapan prosedur. Satu PMB yang berasingan turut diadakan dalam mengekalkan tekanan untuk tindakan bagi kematian dalam tahanan. Isu berkaitan kebebasan berhimpun merupakan satu lagi perkara yang memerlukan perhatian. Bahagian ini juga telah memantau tiga perhimpunan awam iaitu 'KL 112', bantahan Anti-Lynas, dan demonstrasi terhadap cadangan pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah.

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar telah memulakan penyelidikan ke atas dua kajian tematik berkenaan Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran dan Hak Warga Emas – Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga. Sebagai sebahagian usahanya dalam meneruskan fokusnya terhadap Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, satu penyelidikan telah dijalankan ke atas dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh industri pembalakan dan perladangan; serta kesan terhadap hak asasi manusia yang mungkin terdapat dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik.

Bahagian ini juga telah memantau pelaksanaan obligasi Malaysia di bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Dalam jangkauan penyerahan Laporan Negara kepada Badan Tritis berkenaan, Suruhanjaya telah menyiapkan Laporan Bebas mengenai CEDAW, dan pada masa Laporan Tahunan ini ditulis, Suruhanjaya sedang menyiapkan Laporan CRC dan CRPD masing-masing.

Perbincangan telah diadakan bersama agensi Kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil mengenai kemungkinan penyertaan Malaysia kepada empat daripada sembilan triti teras hak asasi manusia iaitu Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR); Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR); Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT) serta Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD).

Bahagian Koordinasi Antarabangsa telah membantu tugas Suruhanjaya di peringkat antarabangsa. Sebagai Pengerusi baru Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI), Suruhanjaya telah mengetuai penyerahan satu *Communiqué* kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel. Pada mesyuarat dwitahunan CFNHRI, Suruhanjaya berkongsi maklumat mengenai kajiannya terhadap hak warga emas. Dua kenyataan video telah dikemukakan semasa Sesi Tetap ke 24 Majlis Hak Asasi Manusia.

Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian dalam proses Penilaian Penggalan Sejagat PBB dengan mengemukakan laporannya sebagai pihak berkepentingan untuk semakan UPR Malaysia kali kedua. Laporan tersebut disediakan berikutan rundingan bersama Kerajaan, NGO, media dan korp diplomatik. Suruhanjaya menghadiri proses semakan semula tersebut sebagai pemerhati, yang mana 232 cadangan telah dikemukakan kepada Malaysia. Pihak Kerajaan komited ke arah penerimaan awal hasil laporan UPR.

Pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan cadangan kertas kerja mengenai teras pelan tindakan dan bagaimana ia akan digubal. Suruhanjaya mencadangkan penyertaan wakil organisasi masyarakat sivil dalam Jawatankuasa Pemandu, di samping menekankan perlunya satu pelan tindakan yang praktikal.

LAPORAN PEJABAT SABAH

Pejabat Suruhanjaya Sabah telah menerima sebanyak 235 aduan yang mana 94 aduan melibatkan hal tanah. Ia turut menyediakan sokongan logistik bagi aktiviti Suruhanjaya berkenaan Inkuiri Nasional (NI), Forum Mengenai Hak Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran dan Seminar Mengenai Warga Emas.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Isu berkaitan tanah terus menjadi aduan utama yang diterima oleh Pejabat Suruhanjaya Sarawak. Daripada 23 aduan yang direkodkan, 19 aduan melibatkan hak tanah adat Anak Negeri. Selaras dengan kajian tematik Suruhanjaya, Pejabat Sarawak terlibat dalam menganjurkan Forum Mengenai Hak Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran dan Seminar Mengenai Warga Emas.

ISU-ISU UTAMA

Pada dasarnya, kita tidak boleh mencapai keamanan atau suasana yang mana keamanan boleh berkembang, melainkan kita mengiktiraf hak setiap individu... peranan dan maruah mereka... serta bersetuju itu adalah perkara asas yang perlu diterima di seluruh dunia.

Eleanor Roosevelt

1. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

Kerajaan telah menjalankan kajian semula ke atas beberapa undang-undang termasuklah Akta Pencegahan Jenayah 1959, Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak dirujuk ketika proses kajian semula tersebut.

(a) Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan & Pemerluasan) 2013

Walaupun Suruhanjaya menghargai usaha Kerajaan dalam menangani jenayah secara serius, ia masih bimbang dengan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan & Pemerluasan) 2013 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan September. Suruhanjaya memerhatikan bahawa terdapat sesetengah peruntukan dalam Akta tersebut tidak selaras dengan prinsip asas hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) iaitu:

- Seksyen 9(5) dan 9A(2) menafikan hak seseorang untuk mendapatkan khidmat guaman;
- Seksyen 7C melanggar hak seseorang untuk perbicaraan yang adil dan perlindungan terhadap perbicaraan berulang serta hak untuk kesaksamaan di sisi undang-undang dan dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah; dan

- Seksyen 15A menafikan seseorang individu yang terkilan menggunakan haknya untuk akses kepada Mahkamah dengan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.

Suruhanjaya mengesyorkan supaya Akta tersebut dikaji semula dengan mengambilkira prinsip hak asasi manusia berikut:

- Penahanan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya;
- Penahanan mestilah berdasarkan alasan dan prosedur yang telah ditetapkan;
- Maklumat berhubung sebab penahan perlu dimaklumkan kepada tahanan; dan
- Hak kepada perbicaraan yang adil dan akses kepada khidmat guaman mesti dilindungi dan dipertahankan.

(b) Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013

Suruhanjaya mengalu-alukan pindaan terhadap Kanun Keseksaan, terutamanya seksyen 326A, 352A, 375B, 376(2), 376B, 377CA dan 377E, yang memberi perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak. Ini adalah satu langkah positif dalam melaksanakan tanggungjawab Kerajaan di bawah CEDAW dan CRC.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berasa bimbang bahawa rogol dalam perkahwinan masih terus dikecualikan daripada definisi rogol di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan. Suruhanjaya mengulangi saranannya kepada Kerajaan supaya mengambil kira Artikel 16(1)(c) CEDAW dan Komen Kesimpulan No.22 oleh Jawatankuasa CEDAW, serta Artikel 2 Pengisytiharan PBB mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita, dengan menjatuhkan hukuman ke atas jenayah rogol dalam perkahwinan.

Suruhanjaya turut mengambil berat tentang seksyen 203A yang menjadikan sebarang pendedahan atau kebocoran maklumat yang boleh menjejaskan keselamatan negara sebagai satu kesalahan. Suruhanjaya berpendapat bahawa ini merupakan satu sekatan tambahan terhadap hak untuk memperoleh maklumat. Sehubungan itu, Suruhanjaya menyeru agar pihak berkuasa memastikan keseimbangan antara keselamatan negara dan hak individu.

(c) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013

Akta Pindaan itu memasukkan dua jenis kesalahan baru sebagai kesalahan keselamatan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2013 (SOSMA) – iaitu berkaitan dengan jenayah terancang di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan; dan mengenai penyeludupan migran di bawah Bahagian IIIA dalam Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Memandangkan SOSMA bertujuan untuk menangani aktiviti penganas, Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah lebih sesuai bagi tertuduh di dalam kes-kes berkaitan dengan jenayah terancang dan penyeludupan migran disiasat, didakwa dan dihukum di bawah undang-undang yang berkenaan.

(d) Rang Undang-Undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) 2013

Peruntukan yang telah diperkenalkan dalam Akta-Akta induk di atas bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada saksi agar mereka dapat memberi keterangan tanpa mendedahkan identiti. Walaupun Suruhanjaya mengakui pentingnya keperluan melindungi saksi, ia bimbang bahawa hak seseorang tertuduh kepada perbicaraan yang adil mungkin akan mengalami prejudis apabila berdepan dengan peruntukan kerahsiaan tersebut. Tertuduh atau peguam mereka turut dinafikan akses kehakiman kepada saksi. Walaupun kedua-dua Rang Undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh Parlimen bagi membolehkan pindaan-pindaan yang disyorkan diperhalusi, Suruhanjaya berharap agar ia akan dirujuk ketika proses kajian semula.

2. AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Fungsi dan kuasa Suruhanjaya sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional perlu diperkukuhkan. Pada 2 Disember, Suruhanjaya telah mengemukakan sembilan syor bagi meminda akta penubuhannya kepada YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Suruhanjaya berharap Kerajaan akan memberikan pertimbangan sewajarnya ke atas syor yang telah dikemukakan seperti berikut:

- Mengukuhkan proses pemilihan Anggota Suruhanjaya;
- Melantik Anggota Suruhanjaya sepenuh masa dan/atau separuh masa;
- Menambahkan tempoh masa lantikan Anggota Suruhanjaya;
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan mengejut dari semasa ke semasa ke tempat tahanan;
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan mediasi;
- Memformalkan proses konsultasi Kerajaan bersama Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang;
- Memastikan pemberian dana tahunan yang mencukupi kepada Suruhanjaya menerusi Parlimen;
- Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah yang membabitkan pencabulan hak asasi manusia; dan
- Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.

Suruhanjaya merujuk kepada komitmen Kerajaan yang dibuat semasa kitaran pertama UPR pada tahun 2009, bahawa ia akan mengambil langkah untuk menyertai empat triti - iaitu ICESCR, ICCPR, ICERD dan CAT. Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan mempercepatkan usahanya menerusi Jawatankuasa Tetap antara agensi mengenai Hak Asasi Manusia yang telah ditubuhkan untuk mengkaji isu berkaitan.

3. TRITI ANTARABANGSA

Memandangkan Kerajaan masih belum menyertai enam lagi triti teras hak asasi manusia, Suruhanjaya telah mengadakan satu siri perbincangan mengenai kemungkinan penyertaan Malaysia terhadap tiga triti teras utama iaitu Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sipil dan Politik (ICCPR), Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD).

Suruhanjaya merujuk kepada komitmen Kerajaan yang dibuat semasa kitaran pertama UPR pada tahun 2009, bahawa ia akan mengambil langkah untuk menyertai empat triti - iaitu ICESCR, ICCPR, ICERD dan Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT). Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan mempercepatkan usahanya menerusi Jawatankuasa Tetap antara Agensi mengenai Hak Asasi Manusia yang telah ditubuhkan untuk mengkaji isu berkaitan.

4. HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Walaupun Malaysia telah meratifikasi CRC dan CRPD, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat sebilangan besar Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD) masih lagi tercicir daripada mendapatkan pendidikan rendah. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk menggalakkan kemasukan CWLD ke dalam pendidikan rendah yang berkualiti dan inklusif. Suruhanjaya turut menjalankan misi pemerhatian ke sekolah dan pusat yang dikendalikan oleh NGO. Beberapa kelemahan telah dikenalpasti di sesetengah sekolah kendalian Kerajaan dari segi ruang pembelajaran, kekurangan latihan dan peralatan untuk guru pendidikan khas, kekeliruan guru terhadap Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan kekurangan kemudahan bagi meningkatkan pembangunan fizikal dan emosi CWLD.

Susulan daripada forum mengenai Hak kepada Pendidikan bagi CWLD yang telah diadakan di tiga kawasan, beberapa isu telah diutarakan iaitu:

- Terdapat kekeliruan dalam kriteria kemasukan bagi program pendidikan khas, terutama sekali peranan agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan. KPM seharusnya menghebahkan kepada orang ramai mengenai kriteria kemasukan tersebut dan memperbaiki kerjasama antara agensi.
- Program pencegahan awal harus dipertingkatkan bagi memastikan kelancaran integrasi CWLD ke dalam program pendidikan arus perdana.
- Kerajaan perlu mempertingkatkan kemudahan di sekolah khas untuk memastikan ianya memenuhi keperluan CWLD, dan mendapatkan penaja korporat untuk bantuan sekiranya perlu.

- Bilangan sekolah yang menawarkan program pendidikan khas perlu ditambah terutamanya di kawasan pedalaman memandangkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti tidak mempunyai fungsi yang sama seperti sekolah sedemikian.
- Pertimbangan sewajarnya harus diberikan berhubung penempatan guru terlatih dalam Program Pendidikan Khas; guru dan pembantu mereka perlu diberikan latihan berterusan bagi meningkatkan kemahiran mereka.

5. HAK WARGA EMAS

Suruhanjaya telah mengenal pasti kajian terhadap warga emas sebagai bidang yang perlu diberi keutamaan pada tahun ini. Sebagai langkah permulaan yang praktikal, Suruhanjaya telah meneliti isu berkenaan perkhidmatan jagaan dan sokongan kepada penjaga. Rundingan dengan pihak berkepentingan menekankan bahawa:

- Ketidaksesuaian pembinaan beberapa fasiliti yang menimbulkan halangan fizikal dan cabaran kepada warga emas.
- Terdapat warga emas yang dinafikan akses kepada perkhidmatan kewangan terutamanya kemudahan pinjaman, kerana mereka dianggap tidak berkemampuan melangsaikan pinjaman atas sebab usia.
- Ramai di kalangan warga emas menghadapi masalah kewangan selepas bersara terutamanya mereka yang berkerja sendiri.
- Masalah kesihatan warga emas seharusnya melayakkan mereka mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan dan mudah diakses.
- Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan sumber dan ini telah menjejaskan perkhidmatan yang disediakan.

Adalah dicadangkan agar Kerajaan meneroka jalinan kerjasama dengan pihak swasta dalam memperluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan, di samping melatih kakitangan perubatan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada warga emas. Dasar Warga Emas Negara, Pelan Tindakan untuk Warga Emas dan undang-undang berkaitan harus diperketatkan bagi memastikan perlindungan penuh terhadap hak kumpulan sasaran ini.

6. KEBEBASAN BERHIMPUN

Di dalam Laporan Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012, Suruhanjaya telah mengutarakan peranan penting pihak berkuasa dalam memudahkan perhimpunan aman dan mencadangkan Prosedur Operasi Standard polis dikaji semula agar selari dengan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan standard hak asasi manusia antarabangsa. Suruhanjaya turut menggesa penganjur dan peserta perhimpunan menghormati

peranan pihak berkuasa dan menghasilkan garis panduan bagi mengelakkan insiden yang tidak diingini.

Melihat kepada perhimpunan awam yang diadakan sepanjang tahun ini, Suruhanjaya memerhatikan beberapa perubahan dalam operasi pihak berkuasa, terutamanya semasa perhimpunan 'KL 112' pada 12 Januari di Kuala Lumpur. Ini adalah satu contoh perhimpunan aman yang baik, hasil kerjasama di antara pihak berkuasa, penganjur dan peserta. Keadaan yang sama turut diperhatikan semasa perhimpunan anti-kenaikan harga yang diketuai oleh Gerakan Turun Kos Sara Hidup pada 31 Disember di Kuala Lumpur, meskipun pihak berkuasa berada dalam keadaan berwaspada berikutan dakwaan beberapa pihak bahawa perhimpunan tersebut bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan.

Menyedari peranan penting dan keselamatan pengamal media dalam menjalankan tugas, Suruhanjaya berpendapat pihak polis perlu memberi taklimat dan latihan kepada anggotanya dalam mengurus dan memudahkan kerja media sewaktu perhimpunan berlangsung.

Suruhanjaya turut berpendapat bahawa pihak polis perlu mengekalkan tatacara komunikasi sewaktu perhimpunan berlangsung bagi mengelakkan kekeliruan terhadap arahan yang diberikan oleh pegawai kepada anggota yang bertugas. Pihak polis juga perlu menegakkan hak orang yang ditahan, khususnya hak mereka untuk mendapatkan wakil perundangan dan dimaklumkan sebab penahanan.

Suruhanjaya turut berpendapat bahawa pihak polis perlu mengekalkan tatacara komunikasi sewaktu perhimpunan berlangsung bagi mengelakkan kekeliruan terhadap arahan yang diberikan oleh pegawai kepada anggota yang bertugas. Pihak polis juga perlu menegakkan hak orang yang ditahan, khususnya hak mereka untuk mendapatkan wakil perundangan dan dimaklumkan sebab penahanan.

*Artikel 12 (1)
Pengisytiharan Pembela Hak Asasi Manusia menyatakan: 'Setiap orang secara individu atau berkumpulan, berhak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti aman yang menentang pelanggaran hak asasi manusia dan kebebasan.'*

7. PEMBELA HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya mengambil berat tentang cabaran yang dihadapi oleh pembela hak asasi manusia dalam menjalankan tugas dan mengamalkan hak asasi dan kebebasan mereka. Gangguan dan tangkapan terhadap pembela hak asasi manusia masih berlaku seperti dalam kes Lena Hendry dari Pusat Komunikasi Masyarakat dan beberapa aktivis dari Jaringan Rakyat Tertindas. Terdapat beberapa ahli parti politik dan wakil rakyat turut menghadapi kekangan yang sama semasa menjalankan tugas mereka untuk melindungi hak asasi manusia orang ramai.

Artikel 12[1] Pengisytiharan Pembela Hak Asasi Manusia menyatakan: 'Setiap orang secara individu atau berkumpulan, berhak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti aman yang menentang pelanggaran hak asasi manusia dan kebebasan.' Suruhanjaya berpendapat adalah penting bagi Kerajaan memastikan semua pembela hak asasi manusia beroperasi secara bebas dan dilindungi secara berkesan daripada ugutan, gangguan dan pelanggaran hak serta kebebasan mereka oleh pihak berkuasa atau kumpulan atau individu yang lain.

8. PILIHAN RAYA UMUM KE-13

Suruhanjaya telah menerima 59 aduan berkenaan Pilihan Raya Umum (PRU) ke 13 yang diadakan pada 5 Mei. Daripada jumlah ini, tiga adalah mengenai perkara am, manakala 56 aduan berkaitan dengan prosedur dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk tindakan selanjutnya.

Berdasarkan perbincangan Suruhanjaya dan pemerhati bebas yang dilantik oleh SPR untuk memantau proses pilihan raya, lapan syor telah dikemukakan:

- Terdapat keperluan bagi SPR untuk memperbaiki daftar pemilih.
- Saiz kawasan pilihan raya perlu ditetapkan bagi mengurangkan perbezaan dan memastikan perbezaan tidak melebihi 15% daripada purata kawasan di setiap negeri.
- SPR seharusnya bebas daripada Jabatan Perdana Menteri dan ahlinya harus dilantik oleh, dan dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Khas Parlimen yang kekal dan dwipartisan.
- SPR perlu diberi kuasa untuk melantik kakitangan sendiri dan bebas daripada perkhidmatan awam.
- Peranan Kerajaan sementara hendaklah ditakrifkan dan diperuntukkan dalam undang-undang bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menyedari peranan dan tugas mereka untuk menjamin kelancaran pentadbiran negara semasa pilihan raya umum.
- Orang Kurang Upaya (OKU) harus mendapat akses kepada kemudahan pilihan raya yang sama seperti pengundi lain.
- Pemerhati pilihan raya harus dilantik secara kekal dalam setiap PRU; proses pelantikan perlu diperbaiki dan latihan perlu disediakan dengan memberi penekanan terhadap amalan terbaik negara Asia Pasifik.
- Semua calon pilihan raya perlu mendapat akses yang sama kepada saluran komunikasi Kerajaan, yang tidak memihak kepada mana-mana parti dan tidak berat sebelah dalam melaporkan hal ehwal negara. Semua syarikat media milik Kerajaan mestilah bebas dalam laporan mereka dan menghentikan serangan tidak berasas kepada parti pembangkang.

9. TEMPAT TAHANAN

Berdasarkan lawatan berkala yang dijalankan, Suruhanjaya mendapati keadaan di pusat tahanan secara umumnya memenuhi standard minimum. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan:

- Sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan harus ditempatkan di pusat tahanan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada kakitangan dan tahanan, serta nasihat mengenai makanan yang bersesuaian untuk tahanan yang sakit.
- Peruntukan bajet makanan untuk tahanan perlu dikaji semula dari semasa ke semasa dan diseragamkan untuk semua pusat tahanan.
- Kerajaan perlu menangani kekurangan sumber manusia di penjara dan pusat tahanan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pemulihan untuk banduan dan tahanan.
- Kerajaan perlu meneliti hak, kebajikan dan keadaan persekitaran kerja kakitangan di semua pusat tahanan, terutamanya mereka yang terdedah kepada penyakit berjangkit.

10. LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA (LAPORAN NI)

Suruhanjaya telah melengkapkan Laporan NI pada bulan April dan mengumumkan kepada orang awam pada 5 Ogos, berikutan keputusan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji hasil dapatan, syor dan cadangan laporan tersebut. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan maklum balas serta merta daripada Kerajaan, ia berpandangan bahawa Laporan NI tersebut harus dibincangkan di Parlimen.

Memandangkan kepentingan hasil dapatan terhadap kesejahteraan Orang Asal, Suruhanjaya berharap agar Pasukan Petugas Khas akan melengkapkan hasil dapatannya dalam tempoh yang munasabah. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terlibat harus memastikan pelaksanaan syor dan cadangan di bawah enam tema Laporan NI dengan segera dan secara berkesan.

Memandangkan kepentingan hasil dapatan terhadap kesejahteraan Orang Asal, Suruhanjaya berharap agar Pasukan Petugas Khas akan melengkapkan hasil dapatannya dalam tempoh yang munasabah.

Terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf hak tanah Orang Asal. Suruhanjaya berpendapat adalah penting bagi Kerajaan mengiktiraf sepenuhnya hak ini memandangkan Orang Asal adalah antara kumpulan yang paling terpinggir dan kurang bernasib baik di Malaysia.

11. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Malaysia menerima 232 syor mengenai isu hak asasi manusia semasa kitaran kedua UPR. Kajian ini telah dijalankan oleh Kumpulan Kerja UPR Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada 24 Oktober. Syornya adalah seperti berikut:

- Penyertaan kepada enam triti teras antarabangsa hak asasi manusia dan menarik balik reservasi terhadap triti yang telah diratifikasi
- Kebebasan bersuara
- Kebebasan berhimpun dan berpersatuan
- Kebebasan beragama
- Keadaan Orang Asal, migran dan individu yang tiada status kewarganegaraan
- Akses kepada perumahan, penjagaan kesihatan dan pendidikan
- Memperkasakan wanita, kanak-kanak dan OKU
- Pelaksanaan hukuman mati
- Salah laku anggota penguatkuasa undang-undang
- Kajian semula/pembaruaran undang-undang yang tidak selari dengan prinsip hak asasi manusia
- Pengukuhan dan kerjasama dengan Suruhanjaya
- Antipemerdagangan orang

Malaysia mempunyai hak perogatif sama ada untuk menyokong syor tersebut atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan menyokong sebanyak mungkin syor yang boleh dilaksanakan ke arah mewujudkan standard yang lebih baik dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

12. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Inisiatif Kerajaan dalam membangunkan NHRAP adalah dihargai. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya melahirkan kebimbangan dengan perkembangan pembangunan pelan tersebut yang perlahan. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan memberi keutamaan untuk melengkapkan NHRAP, di samping memastikan skop pelan boleh dilaksana dan dihasilkan berdasarkan rundingan bermakna dengan semua pihak berkepentingan, termasuk kumpulan masyarakat sivil.

13. MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA 2012

Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan 2012, dan seperti tahun sebelumnya, ia tidak dapat menilai sama ada Kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah memberi pertimbangan terhadap hasil dapatan dan syor-syor Suruhanjaya bagi memperbaiki keadaan hak asasi manusia sepertimana yang terkandung dalam Laporan itu. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah memasukkan penilaiannya, setakat mana yang berkenaan, berhubung maklum balas Kerajaan terhadap beberapa isu yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2011.

BAB

LAPORAN BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

- Bahagian Pendidikan dan Promosi
- Bahagian Perhubungan Awam

I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

Moyang saya mengajar suaminya membaca dalam keadaan yang membahayakan nyawa. Mereka boleh dibunuh disebabkan itu. Mengapa? Kerana sekiranya seseorang itu tahu membaca, sudah tentu, kamu akan mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan ke atas kamu adalah salah, bahawa perhambaan adalah salah. Kamu akan memperolehi beberapa pendapat. Akan ada pertukaran idea, dan untuk mengekalkan perhambaan, kamu tidak boleh ada sebarang pertukaran idea. Untuk mengekalkan sebarang bentuk sistem yang terbatas, kamu tidak boleh ada sebarang pertukaran idea.

James Earl Jones

Bagi meningkatkan penerimaan dan amalan hak asasi manusia oleh masyarakat, Bahagian Pendidikan dan Promosi menyediakan pendidikan, latihan dan maklumat. Berdasarkan jalinan perhubungan dan usaha sebelum ini, Bahagian ini telah mengukuhkan keupayaannya untuk menyebarkan pengetahuan di kalangan pegawai Kerajaan secara khususnya dan kepada masyarakat secara amnya.

Bahagian ini telah menambah program berasaskan sekolah sepanjang tahun ini. Pada kali ini, ia melibatkan guru daripada Sekolah Khas dan Sekolah Agama Rakyat. Ini selaras dengan matlamat Suruhanjaya untuk mendedahkan semua rakyat Malaysia kepada prinsip hak asasi manusia dari usia yang muda.

Suruhanjaya meneruskan usahanya melalui program seperti pameran, *road show*, bengkel dan seminar bagi mempromosi hak asasi manusia, serta mengekalkan interaksi berterusan dengan agensi Kerajaan, universiti, NGO, Institusi Hak Asasi Manusia Nasional dan agensi PBB.

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)

Sebanyak 17 buah sekolah yang telah dikenal pasti oleh KPM kini terlibat dalam program teras jangka panjang ini. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia di kalangan pelajar supaya nilai ini dapat diamalkan secara bertanggungjawab ke arah mencapai keharmonian sosial.

Pada 3-5 April, Suruhanjaya bekerjasama dengan KPM mengadakan bengkel untuk guru daripada 26 buah sekolah Orang Asli. Mereka diminta untuk menyediakan pelan tindakan yang akan dilaksanakan di dalam program ATHAM di sekolah masing-masing, dengan menumpukan kepada pembentukan personaliti dan sahsiah pelajar, untuk membantu mereka terus belajar di sekolah. Ia merupakan perkara pokok memandangkan kehadiran penuh di sekolah menjadi masalah utama di kalangan kanak-kanak orang asli. Suruhanjaya mengambil maklum komitmen dan minat guru yang sepenuhnya dalam program ini.

Pada bulan Mei, KPM telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa CRC – dipengerusikan oleh Ketua Pengarah KPM - sebagai satu cabang Jawatankuasa ATHAM. Suruhanjaya merupakan ahli tetap dalam jawatankuasa ini. Melalui jawatankuasa ini, KPM telah bersetuju untuk menambah 121 buah sekolah dalam program ini, menjadikan jumlah keseluruhan 138 buah sekolah menjelang penghujung tahun ini.

Pada 3 dan 4 Disember, Suruhanjaya telah mengadakan seminar untuk 83 buah sekolah di Semenanjung Malaysia yang telah terpilih untuk melaksanakan program ATHAM. Tujuh puluh orang wakil sekolah hadir ke seminar manakala yang selainnya tidak dapat hadir disebabkan banjir. Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri, Pengetua dan Guru Besar telah diberi taklimat mengenai konsep program ini. Mereka telah memberi maklum balas dan sokongan yang menggalakkan. Seminar bagi 55 buah sekolah di Sabah dan Sarawak akan diadakan pada tahun akan datang.

KPM telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa CRC – dipengerusikan oleh Ketua Pengarah. Melalui jawatankuasa ini, KPM telah bersetuju untuk menambah 121 buah sekolah dalam program ini, menjadikan jumlah keseluruhan 138 buah sekolah menjelang penghujung tahun ini.



Penerangan mengenai ATHAM kepada Pegawai-pegawai dan Pengetua Jabatan Pelajaran Negeri

Untuk memantau pelaksanaan program ini, Suruhanjaya telah melawat 15 daripada 17 buah sekolah asal yang mengambil bahagian bagi meninjau perkembangan serta memberi bimbingan dan nasihat mengikut keperluan.

- (i) Terdapat kemajuan yang menggalakkan dalam pelaksanaan program. Guru dan pelajar lebih banyak terlibat dan menyedari tentang hak asasi manusia serta hak kanak-kanak dalam amalan mereka. Kebanyakan sekolah menekankan program ini pada hari-hari istimewa seperti Hari Kemerdekaan, Maulidul Rasul, Hari Ko-kurikulum dan Hari Sukan. Suruhanjaya mendapati bahawa pemahaman dan kerjasama di kalangan pengetua dan guru bertambah baik pada masa kini.
- (ii) Kebanyakan sekolah telah merekodkan aktiviti ATHAM mereka bagi tujuan bukti dan rujukan. Amalan baik ini membantu untuk menyebarkan pengetahuan, seterusnya memberikan kesedaran kepada guru dan pelajar yang belum terlibat dalam program ini.
- (iii) Terdapat kekurangan bahan mengenai hak asasi manusia dan ATHAM di sekolah. Kebanyakan sekolah masih bergantung kepada Suruhanjaya untuk membekalkan bahan. Suruhanjaya telah membantu dalam usaha ini dengan menganjurkan pertandingan 'Booklet Hak Asasi Manusia' antara sekolah ini, mengedarkan risalah mengenai program ATHAM ke sekolah yang dilawati, dan berusaha untuk mendapatkan bahan tambahan, terutamanya untuk sekolah Tamil dan Cina.

(b) Institusi Pengajian Tinggi

Pada 2 April, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah menjemput Suruhanjaya untuk menyampaikan ceramah mengenai Hak Asasi Manusia kepada pelajar Fakulti Seni Halus. Suruhanjaya telah berusaha untuk mengatasi cabaran dalam menyampaikan maklumat mengenai hak asasi manusia menerusi langkah yang kreatif. Usaha yang dilakukan menerima sambutan yang baik dan Suruhanjaya memperolehi pengalaman yang berharga dalam mengambil pendekatan yang berbeza terhadap subjek berkenaan.

Untuk menggalakkan universiti bersifat proaktif dalam bidang hak asasi manusia, Suruhanjaya telah mencadangkan kepada beberapa institusi untuk menubuhkan Pusat Hak Asasi Manusia. Universiti Malaya telah menerima cadangan tersebut dan mula menubuhkan sebuah pusat di bawah Kluster Sains Sosial dan Perlakuan. Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama dengan mereka pada masa akan datang.

(c) Sekolah Orang Asli

- (i) Pengaruh ibu bapa dan masyarakat
Penglilibatan ibu bapa dalam perkembangan kanak-kanak, seperti yang ditetapkan dalam Artikel 5 dan Artikel 18 CRC, telah diiktiraf dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Pasca Menengah).¹ KPM telah menyatakan bahawa ianya akan melibatkan ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta sebagai rakan kongsi.

¹ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Pasca Menengah), ms 20-28

Suruhanjaya telah lama menyokong idea mengenai penyertaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak memandangkan mereka mempunyai pengaruh terbesar dalam kehidupan anak mereka. Selain daripada saudara terdekat, masyarakat sekeliling juga memainkan peranan dalam perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, kedua-dua kumpulan ini hendaklah bergiat aktif untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

Semasa lawatan ke sekolah Orang Asli, Suruhanjaya mendapati sikap ibu bapa dan masyarakat jelas mempengaruhi kesinambungan pendidikan anak mereka. Kebanyakan ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan dan sanggup berpisah dengan anak mereka yang terpaksa menginap di asrama disebabkan jarak sekolah yang agak jauh - seperti di Pos Gob dan Pos Hau di Gua Musang, Kelantan, dan Kampung Selaoh di Gerik, Perak. Suruhanjaya mengiktiraf kepentingan pertalian kekeluargaan kepada masyarakat Orang Asli. Berdasarkan tradisi dan budaya, ibu bapa lebih suka untuk tinggal berhampiran dengan anak mereka.

(ii) Infrastruktur Pendidikan

Hak kepada pendidikan berkualiti dan keselamatan kanak-kanak pada dasarnya merupakan tanggungjawab pihak Kerajaan. Suruhanjaya menghargai semua usaha yang telah dijalankan melalui pelbagai jabatan dalam menyediakan bantuan seperti pengangkutan dan penginapan asrama. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menyediakan pengangkutan untuk kanak-kanak Orang Asli tetapi kebanyakan masanya, kenderaan yang disediakan tidak mencukupi atau tidak sesuai. Keadaan jalan raya di kawasan luar bandar juga perlu dipertingkatkan bagi membolehkan akses rutin ke sekolah.

Suruhanjaya telah mengemukakan isu ini dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012. Namun, masalah sedemikian masih berterusan seperti yang diperhatikan semasa lawatan ke beberapa sekolah seperti SK Tohoi di Gua Musang, serta SK Lenjang dan SK Senderut di Kuala Lipis, Pahang. Meskipun beberapa kenderaan baru dan bersesuaian telah disediakan di tempat ini, muatan yang berlebihan menimbulkan masalah serius terhadap aspek keselamatan.

Sekolah seperti SK Betau, SK Lenjang dan SK Sendrut di Pahang, dan SK Pos Kemar di Perak, tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi dan komputer yang berfungsi serta telefon dan akses kepada Internet meskipun program VSAT telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan program 1 BestariNet dilancarkan oleh KPM pada tahun 2011. Sekolah ini juga tidak mempunyai guru yang mencukupi terutamanya guru Bahasa Inggeris.

SK Betau dan SK Pos Kemar telah dipilih sebagai Sekolah K9 yang akan menempatkan kanak-kanak Orang Asli dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3. Salah satu objektif program ini adalah untuk mengurangkan kadar keciciran dan ketidakhadiran ke sekolah. Walaupun ia merupakan program yang baik, Suruhanjaya berpendapat bahawa banyak lagi usaha boleh dilakukan. KPM perlu memastikan kemudahan yang mencukupi seperti bilik darjah, peralatan pengajaran dan pembelajaran, terutamanya bagi mata pelajaran vokasional, dan ruang di asrama dan kuarters guru. Sebagai contoh, lapan hingga sepuluh orang guru di SK Pos Kemar dan SK Lenjang tinggal di kuarters usang dengan kemudahan yang terhad.

Suruhanjaya juga telah melawat asrama. Berdasarkan pemerhatiannya, kebanyakan asrama luar bandar tidak dibekalkan sepenuhnya sama ada bahan atau kakitangan untuk menjaga kanak-kanak. Kebanyakannya tidak mempunyai bekalan air bersih, mendedahkan kepada risiko penyakit bawaan air seperti leptospirosis. Bagi tiga tahun berturut-turut, Laporan Tahunan Suruhanjaya telah mengutarakan keperluan untuk membekalkan air bersih ke beberapa buah sekolah seperti Pos Betau, sekolah pedalaman di daerah Batang Padang, SK Denai dan asrama di SK Bidor. Namun, masalah ini masih timbul. Kekurangan bekalan elektrik selama 24 jam merupakan isu lain yang mana pihak KPM telah mengambil maklum. Perkara ini mengganggu keperluan pelajar menggunakan ICT untuk meningkatkan pembelajaran.

(iii) Rancangan Makanan Tambahan

JAKOA telah menyediakan makan tengahari bagi kanak-kanak yang tidak tinggal di asrama tetapi kualiti makanan tersebut adalah tidak memuaskan. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kebiasaannya, kanak-kanak tersebut diberikan makanan dalam tin seperti sardin atau ayam, berserta nasi atau mi. Kadangkala, mereka dibekalkan dengan buah-buahan sebagai makanan tambahan.

(iv) Inisiatif KPM untuk meningkatkan standard

Satu program latihan khas telah dilancarkan pada tahun 2011 di Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, untuk melatih calon di kalangan masyarakat Orang Asli untuk menjadi guru. Setelah mereka disahkan sebagai guru, mereka akan ditempatkan di sekolah Orang Asli. Di samping itu, Institut Aminudin Baki di Genting Highland sentiasa menganjurkan seminar dan persidangan kepada Pengetua sekolah Orang Asli untuk membina kemahiran dalam pengurusan sekolah dan kurikulum. Program ini merupakan contoh terbaik inisiatif KPM untuk meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Bagi memberi kesedaran kepada komuniti SAR terhadap hak asasi manusia, Suruhanjaya telah menganjurkan tiga seminar kepada guru SAR. Dengan kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Negeri, seminar ini dihadiri seramai 168 orang guru agama dan pentadbir dari sekolah bantuan kerajaan di Pahang dan Kedah. Mereka telah diberikan pendedahan kepada prinsip Terti Hak Asasi Manusia PBB dengan penekanan terhadap hak kanak-kanak.

Semasa lawatan berkala ke SAR, Suruhanjaya telah mengenalpasti beberapa aspek berkenaan pentadbiran dan pengajaran yang memerlukan perhatian yang serius. Isu tersebut telah dilaporkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012 tetapi agensi berkaitan masih belum bertindak ke atas hampir kesemua isu yang dibangkitkan. Sehubungan itu, isu berkenaan diulangi di sini dengan harapan agar langkah pembedahan akan membawa kepada

Isu berkaitan Sekolah Orang Asli dan Sekolah Agama Rakyat telah dilaporkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya yang lalu namun agensi berkaitan masih belum bertindak ke atas hampir kesemua isu ini.

pendidikan yang berkualiti untuk kanak-kanak, sepertimana yang termaktub di dalam CRC dan Perlembagaan Persekutuan.

(i) Infrastruktur dan fasiliti sekolah

Beberapa buah sekolah yang dilawati seperti SMK Agama Darul Naim, SMA Al Ittifaqiyah di Pahang serta Madrasah Tarbiah Islamiah dan SMA Darul Ta'lim di Perak menggunakan meja dan kerusi lama, papan putih, almari dan komputer yang diperolehi daripada sekolah bantuan kerajaan. Ada antara meja dan kerusi yang tidak sama tinggi. Bilik darjah, perabot, alat bantuan mengajar, perpustakaan, makmal sains, peralatan kemahiran hidup, komputer dan perkhidmatan kantin yang sesuai dan cukup masih kekal sebagai perkara yang perlu diberi perhatian serius.

Disebabkan kekurangan dana, kebanyakan sekolah tidak menyediakan ruang yang bersesuaian bagi guru untuk bekerja dan berinteraksi. Pejabat di sekolah tidak dilengkapi dengan peralatan standard seperti komputer, telefon, mesin faks, mesin fotostat atau perabot yang sesuai. Skim gaji untuk guru-guru dan kakitangan sekolah tidak seragam dengan gaji yang berbeza-beza dari RM200 - RM1,200 sebulan. Seseengah guru dibayar sebanyak RM200 - RM450, menjadikan mereka berada dalam kategori miskin tegar.

(ii) Fasiliti Asrama

Kesemua premis yang dilawati didapati mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti air bersih dan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, ada antara bangunan asrama tersebut terlalu sesak, tidak selesa dan tidak selamat kepada kanak-kanak.

Kekurangan kemudahan di asrama, dan sekiranya ada, ianya tidak diselenggara dengan baik. Kebersihan premis merupakan antara isu lain yang memerlukan perhatian pihak bertanggungjawab. Oleh itu, kanak-kanak terlibat telah dinafikan hak terhadap tempat tinggal yang selamat, selesa, bersih dan ceria serta mempunyai ruang privasi yang mencukupi.

(iii) Kelayakan Guru

Majoriti sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM tidak mempunyai perkhidmatan guru terlatih. Kebanyakan guru tidak mempunyai latihan formal dan bergantung kepada pengalaman mereka dan pemerhatian ke atas rakan-rakan guru semasa mengajar. Mereka kekurangan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang pedagogi, psikologi kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak serta kemahiran lain untuk menjadi guru yang efektif. Ini telah menafikan kanak-kanak tersebut kepada pendidikan yang berkualiti.

Hampir tiada pemantauan yang sistematik oleh agensi yang berkaitan. Bagi meningkatkan profesionalisme guru, pihak sekolah menjalankan latihan dalaman dengan menjemput guru terlatih, guru kanan dan pensyarah. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Guru KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri telah menganjurkan kursus jangka pendek tetapi bukan semua guru dapat hadir ke kursus ini.

(iv) Beban Kerja Pelajar

Sekolah agama yang berdaftar dengan KPM mengendalikan pembelajaran berdasarkan kurikulum kebangsaan dan kurikulum yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Pelajar SAR menduduki peperiksaan kebangsaan awam (PMR dan SPM) serta peperiksaan khas bagi pengajian agama yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Suruhanjaya berpendapat bahawa sistem ini terlalu membebankan kanak-kanak dan menafikan hak mereka untuk aktiviti rekreasi.

(v) Aktiviti kokurikulum

Kebanyakan sekolah tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk aktiviti rekreasi dan sukan, yang juga merupakan perkara yang tidak diberi keutamaan, khususnya bagi pelajar yang tinggal di asrama. Pelajar memerlukan peluang untuk bermain dan bersosial bagi tujuan pembangunan diri sepenuhnya, pembentukan sahsiah dan keyakinan diri. Memandangkan kebanyakan guru tidak dilatih secara profesional, mereka tidak mampu membimbing kanak-kanak ini menerusi aktiviti kokurikulum.

(vi) Bantuan Kewangan dan bahan

Kesemua sekolah yang dilawati telah menerima bantuan kewangan daripada KPM pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, sehingga Oktober tahun ini, sekolah tersebut masih belum menerima sebarang bantuan kewangan. Dana ini bertujuan untuk urusan pentadbiran, infrastruktur, latihan guru dan kemudahan perpustakaan.

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak yang belajar di SAR swasta terpaksa membayar yuran penuh bagi peperiksaan awam walaupun Kerajaan telah memansuhkan yuran ini bagi sekolah di bawah bidang kuasa KPM. Suruhanjaya juga dimaklumkan bahawa Bahagian Buku Teks hanya membekalkan bantuan buku ke sekolah yang berdaftar dengan KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri. Pelajar di sekolah agama jenis lain perlu membeli buku teks meskipun Kerajaan mempunyai dasar berkaitan buku teks percuma.

Isu ini membelenggu kebanyakan SAR yang dikendalikan oleh entiti bebas seperti Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Hal Ehwal Agama Negeri, NGO, syarikat swasta dan individu. Suruhanjaya turut mengambil maklum bahawa walaupun terdapat beberapa sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Kerajaan Negeri menerima dana, terdapat juga yang tidak memperolehi dana. Ada antaranya masih dalam proses pendaftaran.

Suruhanjaya berpendapat bahawa bantuan yang diberikan kepada sekolah di bawah bidang kuasa KPM perlu diperluaskan kepada SAR, tanpa mengira status. Pertimbangan dan perhatian perlu diberikan kepada SAR bagi membolehkan pelajar berjaya dalam pendidikan dan kehidupan.

(e) Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa siri bengkel (Jadual 1) mengenai Hak Asasi Manusia kepada Guru Pendidikan Khas yang mengajar di Sekolah Pendidikan Khas (Penglihatan dan Pendengaran) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI Bermasalah Pembelajaran) mengikut zon di Semenanjung Malaysia. Bengkel tersebut menyediakan maklumat mengenai hak kanak-kanak dan mengenalpasti keperluan pendidikan yang berkaitan kepada mereka.

Jadual 1: Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Guru SPK/PPKI, 2013

NO.	ZON	NEGERI	TARIKH
1.	Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak	26-28 Jun
2.	Timur	Kelantan, Terengganu, Pahang	29-31 Oktober

Para peserta telah mengutarakan isu-isu yang melibatkan pendidikan kanak-kanak:

- (i) Standard soalan
Standard yang digunapakai ke atas kanak-kanak berkeperluan khas adalah sama dengan pelajar arus perdana. 'Pengubahsuaian' ke atas kertas soalan untuk pelajar berkeperluan khas pendengaran atau dalam buku teks tidak bermaksud merendahkan tahap kesukaran, tetapi hanya memasukkan 'kod tangan' sahaja. Tambahan pula, penambahan kod tangan dalam buku teks hanya melibatkan beberapa subjek sahaja seperti Bahasa Malaysia, Matematik dan Sains.
- (ii) Hala tuju pelajar berkeperluan khas yang cemerlang dalam bidang sukan
Tiada sekolah sukan khas disediakan kepada pelajar-pelajar ini. Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar tidak mempunyai kemudahan yang bersesuaian dengan pelajar berkeperluan khas.
- (iii) Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPBS)
SPBS tidak bersesuaian dengan pelajar berkeperluan khas. Guru mengalami kesukaran untuk menilai prestasi mereka disebabkan keperluan khas pelajar itu sendiri.
- (iv) Salah tanggapan guru arus perdana
Mereka sering menyalahkan pelajar berkeperluan khas dengan dakwaan bahawa pelajar ini menurunkan indeks prestasi sekolah.
- (v) Kekurangan penyeliaan
Unit Pendidikan Khas Jabatan Pelajaran Negeri masih belum melawat kesemua SPK dan PPKI. Kekurangan penyeliaan boleh mewujudkan jurang di antara dasar dan realiti sebenar



Guru-guru mengambil bahagian dalam aktiviti di bengkel hak asasi manusia

Syor para peserta

1. Dalam peperiksaan umum seperti UPSR, standard yang berbeza perlu diguna pakai ke atas pelajar berkeperluan khas dengan mengambil kira tahap kemampuan mereka.
2. Kertas soalan peperiksaan bagi pelajar berkeperluan khas perlu ditanda dan dinilai oleh guru pendidikan khas kerana guru arus perdana tidak memahami cara pelajar ini menjawab soalan.
3. Memandangkan dasar pendidikan masa kini yang bermatlamatkan peperiksaan, latihan vokasional perlu diperluaskan kepada kanak-kanak berkeperluan khas untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan.
4. Guru Pendidikan Khas perlu dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi membolehkan mereka mengajar kemahiran vokasional serta memberi pengesahan kepada pelajar di bawah skim ini.

Suruhanjaya akan mengetengahkan isu ini kepada pihak yang berkaitan untuk mendapatkan jalan penyelesaian yang dapat memberikan manfaat kepada semua pihak, terutamanya pelajar.

(f) Beban Kerja Guru

Suruhanjaya sebelum ini telah menarik perhatian KPM mengenai keperluan untuk memasukkan pendidikan hak asasi manusia dalam sistem sekolah, memandangkan tahap kesedaran masih sangat rendah atau langsung tiada. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya sedar bahawa guru mempunyai bebanan kerja yang berat dan tidak bercadang untuk melaksanakan aktiviti kurikulum tambahan berkaitan hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap agar dapat bekerjasama rapat dengan KPM untuk menerapkan hak asasi manusia dalam kurikulum bagi memberikan pendedahan awal kepada pelajar.

2. LATIHAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

(a) Polis Diraja Malaysia

Suruhanjaya telah mengadakan ceramah hak asasi manusia dan program latihan kepada pegawai polis dan kakitangannya sejak tahun 2002, dengan kerjasama Bahagian Latihan Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Bahagian Latihan Polis dan Suruhanjaya terus bekerjasama rapat untuk mempertingkatkan kurikulum.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah mengadakan bengkel di Pusat Latihan Polis Langkawi, dan menyampaikan empat ceramah di Pusat Latihan di Cheras dan Kuala Kubu Baru, Selangor.

Latihan seperti ini perlu dijalankan secara tetap dan konsisten untuk memastikan hak asasi manusia diamalkan oleh anggota polis semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab. Program ini mendedahkan peserta kepada keperluan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, dan membangunkan keupayaan mereka untuk menyediakan prosedur yang berlandaskan hak asasi manusia kepada anggota bawahan semasa menjalankan tugas seharian.

(b) Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA)

Suruhanjaya telah menganjurkan dua bengkel kesedaran hak asasi manusia kepada pegawai daerah RELA dan ahli baru bagi membolehkan mereka memahami dan menegakkan hak asasi manusia masyarakat umum. Program ini yang telah dimulakan sejak tahun 2007, bertujuan membantu mereka untuk menguji prosedur dan tindakan mereka berhubung hak asasi manusia.

(c) Jabatan Penjara

Di bawah program berterusan, tiga bengkel telah dikendalikan untuk menerapkan konsep hak asasi manusia dalam tugas harian dengan penekanan diberikan ke atas pemulihan banduan. Program ini turut menerangkan standard hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan dengan bidang tugas pegawai penjara dan keperluan mereka untuk memahami dan menghormati hak banduan, terutamanya kanak-kanak, wanita dan banduan muda.

Suruhanjaya telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara untuk merangka kurikulum hak asasi manusia kepada pegawai penjara. Kurikulum ini telah dilaksanakan dalam kursus latihan pada tahun ini. Seramai 10 orang pegawai Jabatan Penjara telah membantu Suruhanjaya untuk merangka kurikulum ini dan menjalankan kursus *Training of Trainers* (TOT). Mereka akan terus menjalankan program hak asasi manusia untuk rakan sejawat dengan sokongan Suruhanjaya.

(d) Pihak Berkuasa Tempatan

Suruhanjaya telah memperluaskan kursus hak asasi manusia kepada pegawai penguatkuasa daripada semua majlis tempatan di Negeri Perak. Pada tahun sebelumnya, Suruhanjaya telah menjalankan kursus di Selangor dan Pulau Pinang, dengan kerjasama Pusat Latihan Majlis

Tempatan. Matlamat utama program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada pegawai penguatkuasa mengenai hak asasi manusia semasa menjalankan tugas.

Ceramah ini menekankan hak asasi pegawai penguatkuasa, hak OKU, kanak-kanak dan wanita. Suruhanjaya turut berkongsi aduan yang diterima bersama pihak berkuasa tempatan ke arah mencari jalan penyelesaian yang praktikal untuk menangani isu yang dibangkitkan seperti kekurangan kemudahan di tempat awam yang memenuhi keperluan OKU.

3. HAK WARGA EMAS

Bahagian Pendidikan dan Promosi bekerjasama dengan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar untuk mengenalpasti isu hak asasi manusia yang menjejaskan warga emas. Persediaan awal adalah penting kerana Malaysia akan mencapai status 'negara tua' pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk.

Pada 23 April, Suruhanjaya telah melawat tiga pusat di Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat mengenai kemudahan yang disediakan. Pusat tersebut adalah Rumah Seri Kenangan yang dikendalikan oleh Kerajaan; Pusat Jagaan Harian Warga Emas yang diuruskan oleh Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia di Cheras; dan pusat jagaan *Lecadia Primacare Centre* di Pudu, Kuala Lumpur. Bahagian Pendidikan dan Promosi telah merancang aktiviti dan kempen kesedaran bagi membolehkan lebih ramai masyarakat menghargai keperluan di samping memahami hak warga emas.

4. SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT

Maklumat mengenai hak asasi manusia telah disebarluaskan di peringkat akar umbi melalui beberapa satu siri *road show* yang diadakan di Dewan Resideni Kangar, Perlis, Dewan Residen Kuala Lipis, Pahang, dan Majlis Daerah Gerik, Perak.

Isu utama hak asasi manusia yang dibangkitkan semasa sesi soal jawab termasuk:

- Kebebasan bersuara dan memberi pendapat melalui blog bagi penjawat awam;
- Isu berkaitan Undang-undang Syariah, termasuk cadangan mengenai penyeragamannya di semua negeri; dan
- Kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Berdasarkan sambutan yang diterima, Suruhanjaya berpendapat bahawa program ini menyediakan satu platform yang berkesan kepada masyarakat untuk berkongsi maklumat dan berbincang mengenai hak asasi manusia di peringkat masyarakat.

II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Pendidikan mewujudkan kesedaran dan pemahaman tentang prinsip-prinsip sejagat dan norma hak asasi manusia serta membina sifat toleransi sifar terhadap sebarang jenis penindasan.

Tan Sri Hasmy Agam

Menyedari akan keperluan untuk menjadikan hak asasi manusia lebih mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat melalui cara-cara yang lebih kreatif, Suruhanjaya telah memulakan dua projek baharu pada tahun ini – 'Komik Hak Asasi Manusia' dan 'Video Hak Asasi Manusia'.

Aktiviti yang lain termasuklah pengumuman awam Laporan Tahunan 2012 dan Pertandingan Booklet Hak Asasi Manusia 2013 di bawah program ATHAM. Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia turut diadakan sempena sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Satu perbincangan panel yang bertemakan 'Menuju 2020: Hak Asasi Manusia dan Pembangunan' telah dianjurkan bersama *United Nations Country Team* (UNCT).

Suruhanjaya telah mengekalkan program kemasyarakatannya dan mengadakan perjumpaan bersama pegawai kanan Kerajaan. Suruhanjaya juga menerima lawatan daripada sekolah, universiti, Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI), NGO dan agensi PBB. Dalam berinteraksi dengan media, Suruhanjaya mengeluarkan kenyataan media (lihat Lampiran I) dan mengambil bahagian dalam sesi wawancara serta memberi maklum balas terhadap isu hak asasi manusia yang timbul.

1. PENGUMUMAN AWAM LAPORAN TAHUNAN 2012

Pada 9 Julai, Suruhanjaya telah mengadakan satu forum terbuka untuk mengutarakan isu dan syor utama yang terkandung dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012. Program tersebut dihadiri oleh 102 orang peserta daripada agensi Kerajaan, NGO, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan media.

Perbincangan tersebut meliputi isu pemerdagangan orang, undang-undang penahanan pencegahan, pelaksanaan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) dan Inkuiri Nasional

Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli Di Malaysia (NI). Suruhanjaya juga menjelaskan fokusnya terhadap lima isu tematik untuk tahun 2013 dan isu penting hak asasi manusia yang lain.

(a) Pemerdagangan Orang

Seorang peserta bertanya tentang status aduan yang telah dikemukakan kepada Suruhanjaya sejak tahun 2008 mengenai dakwaan penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis dan Jabatan Imigresen dalam kes pemerdagangan orang. Suruhanjaya memberi jaminan bahawa semua aduan yang diterima akan diberi perhatian yang sama.

(b) Undang-undang Penahanan Pencegahan

Satu perbincangan yang menarik di antara Suruhanjaya dengan seorang wakil polis berkenaan sokongan beliau terhadap suatu cadangan untuk mengembalikan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) (EO) untuk mengawal kadar jenayah. Suruhanjaya mengulangi bantahannya terhadap cadangan tersebut kerana EO membenarkan penahanan tanpa bicara yang mana bercanggah dengan prinsip asas hak asasi manusia. Suruhanjaya menganggap sebarang bentuk pelaksanaan semula undang-undang tersebut adalah satu langkah mundur dalam rekod hak asasi manusia negara.

Suruhanjaya juga menekankan keperluan untuk pihak polis mencontohi amalan terbaik pencegahan jenayah seperti diamalkan oleh *Royal Canadian Mounted Police*, *Scotland Yard*, *Interpol*, Jabatan Polis Los Angeles dan Polis Victoria.

Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada pihak Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan menggantikannya dengan Akta Keharmonian Nasional. Suruhanjaya menyatakan harapannya agar Akta yang dicadangkan ini akan digubal selari dengan prinsip asas hak asasi manusia.

Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada pihak Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan menggantikannya dengan Akta Keharmonian Nasional. Suruhanjaya menyatakan harapannya agar Akta dicadangkan ini akan digubal selari dengan prinsip asas hak asasi manusia.

(c) Pelaksanaan CEDAW di Malaysia

Suruhanjaya mempunyai kebimbangan yang sama terhadap isu yang dikemukakan oleh seorang peserta berkenaan perkembangan pihak Kerajaan dalam menghantar Laporan Negara Berkala ketiga dan keempat kepada Jawatankuasa CEDAW untuk semakan terhadap pelaksanaan Konvensyen tersebut di peringkat nasional. Dalam memberitahu bahawa ia belum menerima salinan Laporan Negara tersebut, Suruhanjaya juga memaklumkan bahawa ia sedang dalam proses menyediakan laporannya untuk dihantar kepada Jawatankuasa CEDAW dalam masa yang sewajarnya. Suruhanjaya juga menyedari keperluan untuknya memastikan pihak Kerajaan menghantar Laporan Berkala Negara tepat pada masanya.

(d) Perkembangan NHRAP

Seorang peserta memberi komen terhadap kelewatan pihak Kerajaan dalam membangunkan NHRAP dan menyeru Suruhanjaya memainkan peranan yang lebih proaktif untuk menggerakkan perkara ini. Suruhanjaya berjanji untuk bekerjasama secara erat dengan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam perkara ini.

(e) Lima Isu Tematik untuk Tahun 2013 dan Isu Penting Hak Asasi Manusia Lain

Suruhanjaya ditanya sama ada ia hanya akan berfokus kepada lima isu tematik yang dikenal pasti dalam pelan strategi 2013 atau turut memberikan perhatian kepada isu penting lain yang melibatkan kebebasan bersuara dan kebebasan asas. Suruhanjaya memberikan penjelasan bahawa ia akan terus memantau semua isu yang berkaitan, khususnya cabaran yang dihadapi oleh para pembela hak asasi manusia.

(f) Laporan NI

Wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) membangkitkan persoalan mengenai tarikh pengumuman awam Laporan NI Suruhanjaya memandangkan ia akan menjadi satu dokumen rujukan yang penting dalam pembangunan polisi dan garis panduan pihak Kementerian.

Suruhanjaya menjelaskan bahawa pada asalnya, ia merancang untuk menghantar laporan tersebut ke Parlimen pada awal tahun dengan harapan laporan tersebut akan diperbahaskan sepenuhnya, memandangkan kepentingan hasil dapatan dan syor-syor laporan tersebut terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asal. Walau bagaimanapun, PRU ke 13 yang telah diumumkan telah membawa kepada pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Oleh sebab itu, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menangguhkan pengumuman laporan tersebut sehingga Parlimen, Kerajaan Persekutuan, DUN dan Kerajaan Negeri yang baharu telah dibentuk.

2. PERTANDINGAN *BOOKLET* HAK ASASI MANUSIA DI BAWAH PROGRAM ATHAM

Suruhanjaya telah melancarkan pertandingan ini di lapan buah sekolah rendah dan sembilan buah sekolah menengah yang terlibat dalam program ATHAM. Objektif pertandingan tersebut adalah untuk menilai tahap pemahaman para pelajar tentang prinsip asas hak asasi manusia, dan juga untuk menerokai tahap kreativiti mereka dalam menterjemahkan nilai hak asasi manusia kepada booklet yang mesra kanak-kanak melalui kerja berkumpulan.

Suruhanjaya telah menerima penyertaan daripada 26 buah kumpulan, yang mana terdapat beberapa buah sekolah yang menghantar penyertaan lebih daripada satu kumpulan. Proses penilaian adalah berdasarkan tiga kriteria utama iaitu kreativiti dan keunikan, tahap pemahaman tentang nilai hak asasi manusia dan semangat berpasukan. Hadiah telah disampaikan pada 13 September kepada tiga pemenang bagi setiap kategori:

- (i) Sekolah Rendah:
 - SK Penderas, Pahang
 - SJK(T) Thiruvalluvar, Kedah
 - SJK(C) Chio Chiao, Selangor

- (ii) Sekolah Menengah:
 - SMK Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur
 - SMK Munshi Abdullah, Melaka
 - SMK Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur

Suruhanjaya berbesar hati bahawa pertandingan tersebut telah menjadi satu medium yang berkesan dalam menerapkan nilai hak asasi manusia di kalangan pelajar. Suruhanjaya juga kagum dengan kebolehan pelajar dalam menyampaikan pemahaman mereka terhadap hak asasi manusia melalui karya seni yang kreatif. Beberapa penyertaan yang dipilih sebagai pemenang akan dimasukkan ke dalam sebuah booklet CRC versi ringkas. Ia akan diterbitkan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil untuk tujuan pendidikan.



Anggota Suruhanjaya bersama para pemenang Pertandingan Booklet Hak Asasi Manusia

3. ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA 2013

Majlis Anugerah telah diadakan pada 10 Disember sempena sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Anugerah tersebut adalah bertujuan untuk memperakui dan memberi pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang telah menyumbang ke arah mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

(a) Pencalonan

Suruhanjaya menerima sebanyak 39 pencalonan bagi empat kategori utama iaitu:

- Anugerah Individu, dianugerahkan kepada individu (berumur lebih daripada 21 tahun) dan belia (berumur kurang daripada 21 tahun) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam memajukan hak asasi manusia dalam komuniti atas dasar bukan untuk keuntungan;
- Anugerah Organisasi/Kumpulan Komuniti, dianugerahkan kepada organisasi bukan atas dasar keuntungan yang berdaftar atau kumpulan advokasi tidak berdaftar yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam memajukan hak asasi manusia dalam komuniti atas dasar bukan untuk keuntungan;
- Anugerah Media, dianugerahkan kepada individu dan/atau agensi daripada media cetak, atas talian dan penyiaran yang pernah menerbitkan atau mengeluarkan laporan/dokumentari/rancangan hak asasi manusia yang penting dalam jangka masa dua tahun yang lepas sehingga 31 Julai 2013; dan
- Anugerah Khas, dianugerahkan kepada agensi Kerajaan, badan berkanun, GLC atau entiti perniagaan persendirian yang telah menunjukkan amalan terbaik hak asasi manusia dalam aspek polisi dan peraturan, norma dan standard serta penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan aktiviti.

(b) Penerima Anugerah 2013

(i) Anugerah Individu

Encik Andrew Khoo Chin Hock, seorang peguam, telah dipilih atas kerja beliau dalam bidang hak asasi manusia, termasuklah advokasi untuk pembaharuan pilihan raya dan pilihan raya kerajaan tempatan serta hak golongan rentan dan minoriti.



Puan Ivy Khoo menerima Anugerah Individu bagi pihak anaknya, Encik Andrew Khoo Chin Hock

(ii) Anugerah Organisasi Komuniti

Anugerah telah diberikan kepada Pusat Seri Mengasih untuk CWLD di Kota Kinabalu, Sabah, atas usaha dan kerja yang penting dalam menyediakan latihan dan program pendidikan.



Cik Lee Fui Chin dan Datuk Mohd Safari Manan menerima Anugerah Organisasi Komuniti bagi pihak Pusat Seri Mengasih

(iii) Anugerah Media

Wartawan Astro Awani, Cik Tan Su Lin telah memenangi anugerah kategori Media Penyiaran manakala penolong editor *The Star*, Cik Shaila Koshy telah memenangi anugerah kategori Media Cetak. Cik Tan telah menerbitkan sebuah dokumentari yang bertajuk 'Perjuangan Hak Tanah Orang Asli' yang memberi tumpuan ke atas hak tanah Orang Asal di Malaysia. Cik Shaila Koshy diiktiraf atas laporannya mengenai isu hak asasi manusia selama 24 tahun, secara khususnya yang berkaitan dengan Orang Asal.



Cik Tan Su Lin menerima Anugerah Media (Kategori Media Penyiaran) bagi dokumentarinya mengenai hak tanah Orang Asal



Cik Shaila Koshy menerima Anugerah Media (Kategori Media Cetak) untuk liputan berkaitan isu hak asasi manusia

(iv) Anugerah Khas

Dua anugerah telah diberikan kepada - SK Lemoi, sebuah sekolah pedalaman di Cameron Highlands, Pahang dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO). SK Lemoi telah dipilih atas inisiatif pihak pentadbir sekolah yang berjaya meningkatkan kualiti pendidikan murid Orang Asli. SOCSO pula diiktiraf bagi programnya iaitu 'Return to Work' (RTW) yang telah membantu seramai 6,294 orang pekerja, yang telah mengalami ketidakupayaan disebabkan oleh kecederaan atau penyakit untuk kembali berkerja.



Encik Omardani Mohd Noor menerima Anugerah Khas bagi pihak SK Lemoi



Datuk K Selvarajah, Ketua Eksekutif SOCSO, menerima Anugerah Khas bagi pihak organisasi



Anggota Suruhanjaya bersama penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2013

4. PANEL PERBINCANGAN SUHAKAM-UNCT

Suruhanjaya dengan kerjasama UNCT telah menganjurkan Panel Perbincangan mengenai 'Menuju 2020: Hak Asasi Manusia dan Pembangunan' pada 10 Disember, sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Acara ini telah dihadiri 120 peserta daripada perkhidmatan awam, wakil diplomatik, syarikat korporat, NGO, agensi PBB dan media.

Cik Michelle Gyles-McDonnough, Penyelaras Residen PBB di Malaysia, telah menyampaikan ucapan pembukaan manakala Dr Chandra Muzaffar, Presiden Pergerakan Antarabangsa untuk Dunia Keadilan (JUST), menjadi moderator bagi panel perbincangan ini.

Lima ahli panel terdiri daripada Dato' Saifuddin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF); Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif *Asian Strategy and Leadership Institute* (ASLI); Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib-Pengerusi Suruhanjaya; Encik Daniel Lo Soo Jeng, Pegawai Khas Hak Asasi Manusia di Pejabat YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Encik Jerald Joseph, Pengarah Pusat KOMAS. Ucapan penutup telah disampaikan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam.

Program ini telah menyediakan platform untuk membincangkan penerapan hak asasi manusia dalam agenda pembangunan nasional serta menegaskan bahawa hak asasi manusia dan pembangunan saling memperkukuh dan melengkapi antara satu sama lain.



*Ahli panel semasa
Perbincangan SUHAKAM-
UNCT Menuju 2020:
Hak Asasi Manusia dan
Pembangunan*

5. HAK ASASI MANUSIA DAN SENI

Suruhanjaya menerokai pendekatan yang kreatif dalam mempromosikan hak asasi manusia melalui seni, dengan dua projek baharu.

(a) Komik Hak Asasi Manusia

Memandangkan populariti komik di kalangan kanak-kanak hari ini, Suruhanjaya berasa bahawa komik boleh menjadi satu medium yang menarik dalam membawa mesej hak asasi manusia di dalam dan di luar persekitaran sekolah. Ilustrasi kartun adalah berdasarkan kepada satu set cerita yang mengutarakan nilai hak asasi manusia yang berkaitan dengan kehidupan seharian kanak-kanak. Komik dijangka akan diterbitkan pada tahun 2014.

(b) Video Hak Asasi Manusia

Suruhanjaya melantik Fakulti Filem, Teater dan Animasi Universiti Teknologi MARA untuk menghasilkan video tersebut. Ia akan digunakan sebagai kaedah tambahan dalam mempromosi nilai hak asasi manusia kepada masyarakat awam. Projek ini dijadualkan siap pada 2014.

6. CERAMAH DAN PAMERAN

Suruhanjaya menggiatkan penglibatannya bersama masyarakat akar umbi menerusi program kemasyarakatan di:

- (i) Perlis: 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' di Kangar dan lawatan ke *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC), pusat pemulihan bagi penagih dadah di Chabang pada 21 Februari;
- (ii) Pahang: 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' di Kuala Lipis dan lawatan ke CCRC di Benta pada 2 Julai; dan
- (iii) Perak: 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' di Gerik pada 1 Oktober.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap bidang kerja Suruhanjaya di samping membolehkan peserta bertukar pandangan tentang isu hak asasi manusia dan menyuarakan sungutan mereka terhadap dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Antara isu yang dibangkitkan berkaitan dengan hak wanita dalam lingkungan Undang-undang Syariah, keperluan untuk keseragaman dalam mentadbir undang-undang Islam di semua negeri, kekurangan bantuan Kerajaan untuk SAR dan keperluan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan awam kerana kebanyakan warga Malaysia mendapati kos penjagaan kesihatan swasta terlalu tinggi.

Pameran juga turut dianjurkan menerusi program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' dan jemputan daripada tiga buah institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (29-31 Januari); Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (26-30 April) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (11 Mei).

7. KUNJUNGAN HORMAT

Sebanyak 16 delegasi daripada organisasi tempatan dan luar negara telah mengunjungi Suruhanjaya untuk mengetahui lebih lanjut bidang tugasnya.

(a) Lawatan oleh delegasi tempatan dan luar negara

Pada 20 Februari, Suruhanjaya mengalu-alukan delegasi daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Malaysia (SIAP) yang diketuai oleh Cik Foo Hui Yi. Delegasi ini berharap untuk mencontohi amalan terbaik Suruhanjaya dalam menjalankan siasatan awam yang meliputi cabaran dan kekangan serta aspek kewangan dan teknikal.

Pada 26 Februari, Suruhanjaya menerima kunjungan delegasi daripada gabungan dua organisasi iaitu *Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights* dan *Cross Cultural Foundation of Thailand*. Delegasi ini berminat untuk mengetahui lebih lanjut peranan dan fungsi Suruhanjaya, khususnya kerja advokasi dan proses penyelesaian aduan.

Pada 8 Mac, Pesuruhjaya Kazi Hoque daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangladesh telah berkongsi pengalaman beliau mengenai tindakan susulan kepada hasil UPR. Mesyuarat ini membolehkan wakil kedua-dua Suruhanjaya bertukar idea dan pandangan mengenai kaedah yang berkesan untuk mempromosi hasil semakan pertama UPR.

Pada 12 Mac, Suruhanjaya mengalu-alukan delegasi yang terdiri daripada kakitangan akademik daripada Afghanistan dan wakil *Global Rights*. Lawatan ini yang telah dirancang sebagai sebahagian daripada jadual lawatan sambil belajar delegasi ini ke Malaysia, bertujuan untuk mengetahui bidang kerja Suruhanjaya dan isu utama hak asasi manusia.

Pada 24 Julai, satu delegasi yang diketuai oleh Profesor Kwong-Whan Ahn dari Forum Asia untuk Hak Asasi Manusia dan Pembangunan (Forum Asia) mengunjungi Suruhanjaya sebagai sebahagian daripada misi mencari fakta untuk menilai keadaan kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman di Malaysia selepas PRU ke 13. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam dan Pesuruhjaya James Nayagam berkongsi pemerhatian dan pendapat mereka mengenai usaha Suruhanjaya dalam melaksanakan mandatnya sebagai NHRI.

Pada 7 November, Suruhanjaya telah menerima kunjungan delegasi yang diketuai oleh TYT Dr Abdul Rahim Al Awadi, Penolong Menteri, Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang Kementerian Luar Negeri di Emiriah Arab Bersatu (UAE). Objektif lawatan adalah untuk mengetahui sejarah penubuhan, fungsi dan bidang kerja Suruhanjaya memandangkan UAE sedang meneroka kemungkinan mewujudkan sebuah NHRI sebagai sebahagian daripada tindakan susulan UPR.

Pada 14 November, Suruhanjaya mengalu-alukan delegasi daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Indonesia yang diketuai oleh Naib-Pengerusi Hal Ehwal Dalaman, Encik Muhammad Imdadun Rahmat. Kedua-dua Suruhanjaya bertukar pandangan dan amalan terbaik dalam mengendalikannya isu berkenaan kebebasan beragama, antara isu hak asasi manusia yang lain.

Pada 16 Disember, Encik Olivier De Schutter, Pelapor Khas PBB mengenai Hak kepada Makanan melawat Suruhanjaya selaras dengan misinya ke Malaysia. Beliau memberi perhatian khas terhadap NI, kemajuan Kerajaan dalam merangka NHRAP serta penyertaan Malaysia dalam perjanjian teras hak asasi manusia antarabangsa.

Pada 17 Disember, Duta Besar Joseph Y Yun dari Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur mengunjungi Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam untuk membincangkan, antara lain, isu pemerdagangan orang di Malaysia.



Anggota Suruhanjaya bersama Encik Olivier De Schutter, Pelapor Khas PBB Mengenai Hak Kepada Makanan, wakil Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia dan Kementerian Luar Negeri.

(b) Kunjungan hormat dan perjumpaan

Suruhanjaya telah menghadiri tiga kali kunjungan hormat untuk memberikan taklimat kepada pegawai kanan Kerajaan mengenai hasil dapatan utama NI iaitu:

- Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada 5 Mac;
- Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 4 April; dan
- Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada 9 April.

Pada 19 Ogos, Suruhanjaya telah bertemu dengan KSN dan Dato' Haji Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU. Perbincangan menyentuh perkara berkenaan ketiadaan perbahasan tentang Laporan Tahunan Suruhanjaya di Parlimen; cadangan pindaan ke atas Akta penubuhan Suruhanjaya; keperluan bagi Malaysia menyertai instrumen teras hak asasi manusia; isu berkenaan NI dan NHRAP; serta dana dan sumber Kerajaan untuk tujuan operasi Suruhanjaya.

Pada 10 Oktober, Suruhanjaya telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Hajah Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai hak wanita, kanak-kanak, OKU serta instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan dengan kumpulan rentan ini.

Pada 2 Disember, Suruhanjaya mengunjungi YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membincangkan beberapa isu hak asasi manusia yang penting. Ini termasuklah cadangan pindaan ke atas Akta penubuhan Suruhanjaya; kemajuan Kerajaan dalam merangka NHRAP; cadangan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia dan pemakaian norma hak asasi manusia oleh badan Kehakiman.

8. HUBUNGAN MEDIA

Pada tahun ini, Suruhanjaya telah mengeluarkan 17 kenyataan media; memberikan 17 wawancara eksklusif dan memberi maklum balas kepada 18 pertanyaan media mengenai pelbagai isu termasuklah kematian dalam tahanan, undang-undang penahanan pencegahan, PRU ke 13, pembaharuan dalam penjara, NI, pemerdagangan orang, UPR, pekerja migran, Bajet 2014 dan isu yang melibatkan kumpulan masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Usaha berterusan juga diambil oleh Suruhanjaya dalam memperluaskan jangkauan menerusi media sosial. Setakat 31 Disember, akaun Twitter Suruhanjaya mempunyai 7,163 pengikut manakala halaman Facebook mempunyai 3,086 peminat berbanding 3,800 dan 2,500, masing-masing pada Disember 2012. Peningkatan ini mencerminkan kesedaran awam terhadap isu hak asasi manusia dan bidang kerja Suruhanjaya.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun 2014, **Bahagian Pendidikan dan Promosi** akan meningkatkan latihan dan kerjasama dengan agensi Kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil supaya kesedaran terhadap pelbagai hak asasi manusia dapat dipertingkatkan. Projek dan pendekatan yang baru akan digunakan untuk mencapai matlamat ini. Beberapa siri bengkel hak asasi manusia untuk guru pendidikan khas akan diselesaikan manakala satu kempen akan dilancarkan bagi mempromosi dan melindungi hak warga emas.

Bahagian Perhubungan Awam akan meneroka strategi dan kaedah yang lebih berkesan untuk mempromosi hak asasi manusia dan meluaskan lagi penglibatan Suruhanjaya dengan pihak-pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara.

BAB

2

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

- Bahagian Aduan dan Pemantauan
- Bahagian Inkuiri

I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

Menafikan hak asasi manusia setiap insan adalah seperti mencabar nilai kemanusiaan mereka

Nelson Mandela

Bahagian ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengkaji semula dan memperkukuhkan prosedur kerja bagi memastikan keberkesanan pengurusan aduan. Ini termasuklah penyediaan Manual Pengurusan Aduan dan Prosedur Operasi Standard Mengenai Pemantauan Perhimpunan Awam.

Suruhanjaya telah membuat pengelasan semula bagi kategori aduan berdasarkan kebebasan asasi yang tertera dalam Perlembagaan Persekutuan, UDHR, dan kewajipan Negara di bawah triti antarabangsa berkenaan hak kanak-kanak, wanita, orang kurang upaya dan Orang Asal serta penghapusan diskriminasi antara kaum. Pengelasan ini telah membolehkan Suruhanjaya mengenal pasti jenis pelanggaran hak asasi manusia pada bila-bila masa aduan diterima.

Prosedur aduan juga telah disediakan bagi memastikan pengadu dimaklumkan seawal yang boleh mengenai tindakan Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu mengambil kira kekangan perundangan apabila melibatkan kes mahkamah dan juga sumber manusia yang sedia ada.


Perkhidmatan aduan atas talian telah disediakan bagi menerima sebarang aduan berhubung pelanggaran hak asasi manusia semasa PRU ke 13 yang berlangsung pada 5 Mei. Daripada 59 aduan yang diterima, tiga aduan adalah berkenaan perkara umum manakala 56 aduan adalah berkenaan isu prosedur dalam pilihan raya dan telah dirujuk kepada SPR untuk tindakan selanjutnya.

1. PENYELESAIAN ADUAN

(a) Statistik

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah menerima sejumlah 624 aduan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur (357), Pejabat Sabah (235) dan Pejabat Sarawak (32). Daripada jumlah ini, 14 aduan diterima dalam bentuk memorandum.

Rajah 1: Aduan Diterima, 2008-2013




Selepas dibincangkan, Suruhanjaya memutuskan bahawa 221 aduan adalah di luar bidang kuasanya, termasuklah:

- Pertikaian yang belum selesai di mahkamah atau yang telah diselesaikan oleh mahkamah;
- Isu-isu pentadbiran yang perlu ditangani oleh agensi-agensi berkaitan; dan
- Perkara yang berada di bawah bidang kuasa badan profesional.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah membantu pengadu sama ada dengan cara memajukan kes mereka kepada pihak yang bertanggungjawab atau meminta pengadu merujuk kepada agensi yang berkaitan. Daripada 403 aduan yang diterima, Suruhanjaya telah menyelesaikan 173 kes (Rajah 2) manakala selebihnya masih dalam siasatan.


Rajah 2: Kes selesai dan dalam siasatan, 2013



Jumlah aduan yang diterima telah menurun setelah Suruhanjaya mengguna pakai dasar untuk tidak menerima aduan yang dihantar oleh sumber tanpa nama atau aduan yang dihantar kepada agensi lain tetapi dibuat salinan kepada Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya

membuat pengecualian berkenaan dengan aduan yang melibatkan golongan rentan seperti kanak-kanak dan berkenaan perkara serius seperti pemerdagangan orang. Namun, Suruhanjaya bimbang dengan penurunan jumlah aduan yang diterima di Pejabat Kuching di Sarawak.

Rajah 3: Kes selesai dan dalam siasatan, 2009-2013



(b) Manual Pengurusan Aduan

Pengurusan aduan memerlukan pertimbangan dan budi bicara sepanjang proses tersebut dilakukan. Bagi meningkatkan keberkesanan mekanisme yang digunakan dan sebagai panduan dalam proses membuat keputusan, Suruhanjaya telah menyediakan satu Manual Pengurusan Aduan yang dibuat berdasarkan Model Afrika Selatan. Tujuan manual ini adalah untuk menetapkan prosedur pengurusan dalam penerimaan aduan dan memastikan bahawa aduan dapat ditangani secara cekap dan efektif dengan sebaik mungkin berdasarkan sumber yang sedia ada. Amalan dalam pengurusan aduan ini akan terus dibangunkan dengan mengambil kira pengalaman kakitangan Bahagian dan Anggota Suruhanjaya dalam mengaplikasikan prosedur serta keputusan yang dibuat oleh Bahagian.

Suruhanjaya sedang dalam proses untuk membangunkan satu sistem aduan atas talian. Antara lain, sistem ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan, merekod dan mendokumentasi aduan yang diterima.

Jadual 1: Pecahan Aduan, 2013

NO.	ISU MELIBATKAN HAK ASASI	KUALA LUMPUR	SABAH	SARAWAK
1.	Jati diri	2	0	0
2.	Kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, OKU, hubung kait dengan politik)	7	0	0
3.	Hak kepada nyawa	7	0	0
4.	Kebebasan asasi dan keselamatan diri	34	0	0
5.	Pemerdagangan/penyeludupan orang	4	0	0
6.	Tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim	14	0	0
7.	Tangkapan/penahanan secara sewenang-wenangnya	10	3	0
8.	Pembelaan/perbicaraan yang adil	6	0	1
9.	Privasi	1	0	0
10.	Kebebasan bergerak	5	0	0
11.	Satus pencari suaka/pelarian	25	0	0
12.	Kewarganegaraan	8	90	0
13.	Pemilikan harta	6	0	0
14.	Pemikiran dan agama	0	0	0
15.	Pendapat dan bersuara	1	0	0
16.	Kebebasan berhimpun secara aman	1	0	0
17.	kebebasan berpersatuan	2	0	0
18.	Penyertaan dalam Kerajaan/ hak pengundi	4	0	0
19.	Pekerjaan/pekerja migran	34	11	0
20.	Rehat dan masa lapang	0	0	0
21.	Taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan perubatan)	2	3	1
22.	Pendidikan	4	6	1
23.	Penyertaan dalam kegiatan kebudayaan	0	0	0
24.	Alam Sekitar	2	0	0
25.	Hak Tanah Adat Anak Negeri	4	75	21
26.	Lain-lain	2	5	1
JUMLAH		185	193	25

2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

(a) Kematian dalam Tahanan Polis

Jumlah kematian dalam tahanan semakin meningkat dengan 19 kes telah dilaporkan sepanjang tahun ini. Suruhanjaya telah menerima sebanyak tujuh aduan berkaitan isu ini. Pihak yang berkenaan telah mengulangi tuntutan mereka untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis.

Sebagai maklum balas terhadap isu ini, pihak polis telah mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula prosedur operasi standard berkaitan dengan penyiasatan dan layanan suspek ketika berada dalam tahanan. Polis memaklumkan bahawa mereka akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan.

Dalam usaha menangani isu kematian dalam tahanan, pihak Kabinet telah meluluskan penubuhan Mahkamah Koroner dan lokap berpusat di setiap negeri. Berikutan itu, Suruhanjaya telah mengadakan dua sesi Perbincangan Meja Bulat mengenai isu tersebut.

(Sila lihat Laporan di mukasurat 71)

(b) Tangkapan dan Penahanan

Antara aduan yang dimajukan untuk perhatian Suruhanjaya adalah dakwaan terhadap penggunaan kekerasan yang tidak seimbang oleh pihak polis semasa membuat tangkapan dan siasatan; kegagalan untuk menyatakan alasan atas tangkapan yang dibuat; sekatan lawatan oleh pihak keluarga semasa dalam tahanan; dan tiada sebarang tindakan yang diambil ke atas laporan polis yang dibuat (Jadual 2).

Jadual 2: Aduan ke atas Polis, 2013

ADUAN	BILANGAN/LOKASI		
	KUALA LUMPUR	SABAH	SARAWAK
Penggunaan kekerasan yang tidak seimbang semasa tangkapan dan siasatan	14	1	0
Penyalahgunaan kuasa	13	1	0
Tidak bertindak berdasarkan laporan yang dibuat	14	4	1
JUMLAH	41	6	1

Suruhanjaya turut menerima aduan berhubung dakwaan berat sebelah dan penggunaan kekerasan oleh pihak polis semasa membantu Bailif menjalankan perintah mahkamah untuk merobohkan rumah di Kampung Hakka di Mantin, Negeri Sembilan. Berdasarkan imej

visual yang diserahkan kepada Suruhanjaya, polis dilihat menggunakan kekerasan yang tidak munasabah seterusnya menyebabkan kecederaan kepada penduduk kampung dan aktivis.

Walaupun polis bertindak berdasarkan kuasa yang diberikan, polis seharusnya mengambil tindakan secara lebih profesional dalam memelihara keamanan dan semasa melakukan proses penangkapan. Semasa lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Mantin berikutan penangkapan tersebut, Suruhanjaya mendapati polis bertindak kasar ke atas tahanan; melengahkan proses merekod kenyataan; dan menafikan hak mereka yang ditahan untuk mendapatkan peguam.

Suruhanjaya mengulangi syor-syornya dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2011 dan 2012 kepada pihak polis berhubung dengan isu tindakan fizikal semasa tangkapan, siasatan dan layanan kepada mereka yang ditahan. Suruhanjaya mengambil maklum tentang maklum balas pihak polis terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2011 – bahawa mereka sedang mengambil langkah untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di bilik soal siasat bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti pegawai polis. Walau bagaimanapun, pihak polis menyatakan bilangan bilik yang dipasang CCTV adalah kecil berbanding dengan keperluan di peringkat daerah dan kontinjen.

Berhubung dengan syor Suruhanjaya agar setiap tahanan diperiksa oleh pegawai perubatan sebelum dan selepas sesi temuduga/siasatan dijalankan, pihak polis menyatakan bahawa mereka telah bekerjasama dengan pihak hospital mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kekurangan pegawai perubatan, Kementerian Kesihatan tidak dapat menyediakan kakitangan, terutama kepada balai polis yang terletak jauh dari hospital. Polis mengulangi bahawa kelewatan dalam siasatan akan menjejaskan prestasi mereka serta boleh mengancam nyawa mangsa bagi kes seperti penculikan.

(c) Hak Pekerja/Pekerja Migran

Sejumlah 45 aduan yang berkaitan dengan pekerjaan telah diterima daripada rakyat Malaysia dan pekerja migran. Isu gaji merupakan aduan yang paling banyak diterima berdasarkan dakwaan pekerja bahawa mereka tidak dibayar gaji atau gaji mereka telah dikurangkan. Aduan yang diterima turut melibatkan kes pemecatan yang tidak mengikut undang-undang, ketiadaan cuti tahunan dan kegagalan majikan untuk membayar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja walaupun potongan telah dibuat daripada gaji mereka. Terdapat juga aduan berkenaan penganiayaan di tempat kerja dan kekurangan pampasan bagi pekerja yang terlibat. Suruhanjaya meminta bantuan Jabatan Tenaga Kerja dalam menyelesaikan aduan dalam kebanyakan kes yang diterima.

Dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2011, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa pekerja migran diberikan pas khas untuk membolehkan mereka terus bekerja sementara menunggu kes mereka diselesaikan di mahkamah dan pas tersebut harus diberikan secara percuma. Berdasarkan maklum balas Kerajaan, semua pekerja migran memegang satu Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan setiap tahun semasa proses pembaharuan levi. Oleh itu, pekerja migran tidak memerlukan pas lain sekiranya ingin terus bekerja sehingga kes mahkamah mereka selesai.



Wakil dari MTUC menyerahkan memorandum kepada Pesuruhjaya

Suruhanjaya menerima aduan yang mendakwa pihak majikan telah menentang aktiviti kesatuan pekerja. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) mempersoalkan langkah yang telah diambil oleh *Malayan Banking Bhd* (Maybank) untuk menubuhkan satu kesatuan dalaman yang dianggap sebagai satu cara untuk melemahkan kesatuan kebangsaan. NUBE juga telah mencabar perkara tersebut di mahkamah.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan NUBE telah membuat aduan kepada Suruhanjaya berhubung dengan laporan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa pada tahun 2011 bahawa keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (DGTU) untuk mendaftar kesatuan dalaman tersebut adalah sah dan dalam bidang kuasa DGTU sepertimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah Tinggi yang memihak kepada DGTU itu hanya diumumkan pada November 2013. Sehubungan itu, NUBE mempersoalkan bagaimana Menteri boleh memaklumkan keputusan tersebut seawal tahun 2011. Ini mendorong NUBE membuat dakwaan bahawa wujudnya pengaruh Menteri dalam keputusan mahkamah tersebut.

Kesatuan Sekerja Anak Kapal Kabin Penerbangan turut membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai pemecatan presiden mereka oleh Syarikat Penerbangan Malaysia dan keengganannya untuk mengakui kesatuan kebangsaan tersebut.

(d) Pelarian dan Pencari Suaka

Suruhanjaya telah menerima 25 aduan berkenaan pelarian yang telah ditahan sama ada oleh pihak berkuasa polis atau Imigresen kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan. Terdapat dakwaan daripada pengadu yang menyatakan berlakunya penangkapan ke atas mereka yang mempunyai kad pelarian yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (UNHCR). Suruhanjaya telah melawat beberapa orang pelarian yang ditangkap dan merujuk perkara tersebut kepada UNHCR.

Sebahagian besar aduan yang dibuat oleh pelarian adalah berkaitan dakwaan kelewatan UNHCR dalam memproses permohonan mereka. Pengadu terutamanya daripada Myanmar, menyatakan walaupun telah beberapa kali membuat permohonan dan hadir ke pejabat UNHCR,

permohonan mereka telah ditolak atau mereka diminta untuk terus menunggu. Terdapat juga permintaan agar proses penempatan pelarian ke negara ketiga dipercepatkan.

Pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf pelarian telah menyebabkan golongan tersebut semakin terpinggir. Suruhanjaya telah menerima beberapa permintaan untuk mendapatkan bantuan perubatan dan kewangan disebabkan golongan pelarian mudah terdedah kepada pelbagai masalah dan risiko.

(e) Pembela Hak Asasi Manusia

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya mengambil maklum isu gangguan terhadap pembela hak asasi manusia seperti aktivis dari SUARAM dan Pusat Komunikasi Masyarakat (Pusat KOMAS). Lena Hendry daripada Pusat KOMAS telah didakwa di mahkamah kerana menayangkan filem *No Fire Zone: The Killing Fields of Sri Lanka*, yang melanggar seksyen 69(i)(b) Akta Penapisan Filem 2002. Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes tersebut dengan bantuan peguam daripada Majlis Peguam.

Aktivis daripada Jaringan Rakyat Tertindas dan beberapa ahli parti politik dan wakil rakyat telah ditahan semasa aktiviti pencerobohan rumah dan dewan masyarakat di Kampung Hakka di Mantin, Negeri Sembilan. Mereka ditangkap ketika mempertahankan hak penduduk kampung kepada perumahan.

(f) Empangan Murum

Sekumpulan masyarakat Penan serta aktivis telah lama menyuarakan kebimbangan mengenai pembinaan empangan Murum di Sarawak. Menurut mereka, aktiviti pembinaan telah menceroboh kawasan tanah adat yang membawa kesan yang besar terhadap kehidupan, sosio-ekonomi, budaya, tradisi serta kepercayaan masyarakat Penan dan alam sekitar. Masyarakat Penan mendakwa bahawa mereka tidak pernah dibawa berunding dan tiada sebarang proses untuk mendapatkan keizinan berasaskan maklumat awal, bebas dan telus berhubung projek tersebut. Tiada sebarang perjanjian yang telah dibuat mengenai isu penempatan semula, pampasan ataupun remedi kepada masyarakat tersebut.

Sehubungan itu, masyarakat kampung telah membuat sekatan bagi meluahkan bantahan mereka terhadap projek tersebut. Pihak polis telah dipanggil untuk menyuraikan orang ramai. Suruhanjaya telah menerima laporan berhubung tindakan pihak polis yang melepaskan tembakan amaran ke udara serta penahanan yang dibuat ke atas dua orang kanak-kanak.

Suruhanjaya telah menulis kepada Kerajaan Sarawak, *Sarawak Energy Board* dan pihak polis. Ia juga bercadang untuk mengatitkan satu mesyuarat di antara pihak berkuasa dan masyarakat Penan.

(Lihat 'Laporan Pejabat Sarawak' di mukasurat 125)

(g) Pilihan Raya Umum ke-13

Semasa PRU ke-13, Suruhanjaya telah meminta orang awam untuk melaporkan sebarang bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku. Sejumlah 59 aduan telah diterima di mana 56 aduan dibuat berkaitan dengan prosedur pilihan raya dan ianya tertakluk di bawah bidang kuasa SPR. Tiga aduan selebihnya berkaitan dengan perkara am. Penggunaan dakwat kekal dan pensel di pusat mengundi merupakan aduan tertinggi yang diterima. Pada 18 Jun, Suruhanjaya menghantar aduan tersebut dan isu yang dikumpul kepada SPR untuk tindakan mereka. Pada 19 Jun, SPR memaklumkan bahawa mereka telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyiasat penggunaan dakwat kekal. Ia juga meminta maklumat lanjut berkenaan isu lain yang dibangkitkan.

Pada 1 Oktober, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan bersama pemerhati bebas yang telah dilantik oleh SPR untuk memantau proses pilihan raya. Mereka telah menggariskan beberapa isu utama berserta cadangan:

- (i) Daftar pemilih
Terdapat keperluan untuk penambahbaikan daftar pemilih seperti yang dinyatakan oleh pakar yang telah menjalankan kajian yang mendalam.
- (ii) Saiz kawasan pilihan raya dan persempadanan semula
Saiz kawasan pilihan raya perlu diseragamkan dengan memastikan percanggahan sempadan dihadkan dan tidak melebihi 15% daripada kawasan pilihan raya setiap negeri. Ini adalah selari dengan Perlembagaan Persekutuan.
- (iii) Kebebasan SPR
SPR seharusnya bebas daripada Jabatan Perdana Menteri, ahlinya seharusnya dipertanggungjawabkan dan dilantik oleh Jawatankuasa Khas Parlimen yang terdiri daripada ahli kekal dan dwipartisan dan SPR juga harus mempunyai kuasa untuk melantik staf sendiri yang bebas daripada perkhidmatan awam.
- (iv) Peranan kerajaan sementara
Peranan kerajaan sementara perlu ditentukan dan disahkan oleh undang-undang. Ahli politik perlu sedar tentang peranan terhad kerajaan sementara iaitu memastikan kelancaran pentadbiran harian negara semasa pilihan raya umum.
- (v) Akses bagi OKU
OKU harus mendapat akses kepada kemudahan pilihan raya yang sama seperti pengundi lain. Walaupun hak OKU untuk mengundi tidak disebut dengan jelas dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008, hak itu terjamin di dalam Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Oleh itu, SPR harus mengambil langkah untuk menegakkan hak mengundi OKU yang merangkumi 15-20% daripada polulasi mana-mana negara.
- (vi) Pemerhati Pilihan Raya
Pemerhati pilihan raya harus dilantik secara kekal dalam setiap Pilihan Raya Umum. Proses pelantikan harus diperbaiki dan latihan perlu disediakan dengan memberi penekanan terhadap amalan terbaik negara Asia Pasifik.

(vii) Peranan media

Semua calon pilihan raya harus menerima akses yang sama kepada media. Ini penting kerana saluran komunikasi Kerajaan perlu dilihat bersifat neutral dan tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak dalam melaporkan hal ehwal Negara. Semua syarikat media milik Kerajaan harus mengekalkan kebebasan dalam laporan mereka dan menghentikan serangan tidak berasas terhadap pihak pembangkang.

(h) Hak kepada Pendidikan/Cara Pengendalian bagi Pentadbiran Sekolah

Sejumlah sebelas aduan telah diterima oleh Suruhanjaya berhubung dengan hak kepada pendidikan dan perkara berkaitan dengan pentadbiran sekolah.

(i) Hak kepada pendidikan

Pengadu menyatakan bahawa guru di sebuah sekolah rendah tidak menghadiri kelas, terutamanya kelas yang mempunyai pelajar lemah. Para pelajar telah diabaikan walaupun mereka sebenarnya memerlukan lebih banyak perhatian. Sekolah rendah tersebut juga telah memindahkan sebuah bilik darjah ke kawasan yang tidak kondusif untuk memudahkan seorang guru yang mempunyai masalah kesihatan hadir ke kelas. Walaupun Suruhanjaya menghargai inisiatif yang diambil oleh pihak sekolah dalam menangani masalah guru, keputusan mereka menempatkan kelas di kawasan yang tidak kondusif telah menafikan hak pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

(ii) Pentadbiran Sekolah

Suruhanjaya menerima aduan mengenai pentadbiran sekolah termasuklah tindakan pengetua di sesetengah sekolah. Suruhanjaya mendapati bahawa walaupun sebilangan pengetua sekolah telah berusaha memperbaiki sekolah mereka, inisiatif sedemikian tidak disambut baik oleh guru disebabkan masalah komunikasi. Hal ini telah menjejaskan motivasi guru dan kepentingan pelajar.

Suruhanjaya telah melawat sebuah sekolah menengah yang memasang CCTV di pekarangan sekolah dan tandas. Isu pemasangan CCTV ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ibu bapa yang membuat aduan berhubung perkara tersebut.

Walaupun Suruhanjaya memahami bahawa pemasangan CCTV bertujuan menangani masalah laku musnah oleh pelajar, ia berpendapat bahawa mana-mana tindakan tata tertib dan pemantauan yang diambil oleh pihak sekolah perlu dijalankan berdasarkan kepentingan terbaik kanak-kanak dan menerusi cara yang selaras dengan maruah diri mereka seperti yang termaktub di bawah Artikel 3 dan 28(2) CRC. Pertimbangan juga harus diberikan kepada Artikel 16 CRC yang menjamin hak seseorang kanak-kanak kepada perlindungan daripada sebarang bentuk pelanggaran privasi yang tidak mengikut undang-undang atau secara sewenang-wenangnya.

Aduan turut diterima mengenai guru disiplin yang gagal mematuhi syarat dan peraturan apabila menghukum pelajar. Suruhanjaya berpendapat bahawa pihak sekolah harus mempertimbangkan strategi lain yang sesuai dalam menangani masalah tingkah laku dan disiplin di kalangan pelajar dengan matlamat untuk memupuk dan menerapkan nilai dan tanggungjawab sebagai warganegara yang baik, tanpa menjejaskan hak asasi mereka.

(i) Pilihan Raya Kampus

Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada tiga kumpulan pelajar yang mendakwa berlakunya penipuan dan campur tangan oleh pihak pentadbiran universiti masing-masing semasa pilihan raya kampus.

Sekumpulan pelajar daripada Universiti Malaya melahirkan rasa tidak puas hati kerana pihak pentadbiran kampus gagal menetapkan tarikh pilihan raya walaupun tempoh pemegang jawatan di Majlis Pelajar bagi tempoh setahun telah tamat. Pelajar tersebut mendakwa bahawa beberapa syor telah dikemukakan untuk menambahbaik proses pilihan raya kampus tetapi tiada sebarang maklum balas. Mereka mencadangkan agar Jabatan Hal Ehwal Pelajar tidak lagi menguruskan pilihan raya kampus. Mereka juga meminta supaya sistem penzonan dimansuhkan; tarikh pilihan raya ditetapkan; kebebasan berkempen; penambahbaikan sistem pengundian; dan pemantauan pilihan raya.

Pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah mendakwa bahawa pilihan raya kampus telah dimanipulasi. Mereka mendakwa bahawa sistem pengundian atas talian yang digunakan tidak diiktiraf oleh sebarang piawaian antarabangsa serta mempunyai banyak masalah seterusnya menafikan hak mereka kepada pilihan raya yang adil. Tambahan pula, terdapat masalah semasa mengakses ke akaun mengundi; masalah teknikal dalam komputer; dan perbezaan dalam jumlah undian. Mereka menggesa Suruhanjaya untuk memantau proses pilihan raya kampus.

Wakil pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula mendakwa berlakunya pelanggaran dalam pemilihan pemegang jawatan bagi Majlis Pelajar. Mereka mendakwa telah berlaku campur tangan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang bertentangan dengan perlembagaan universiti.

3. LAWATAN BERKALA KE TEMPAT TAHANAN

Lawatan ke pusat tahanan merupakan antara tanggungjawab Suruhanjaya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menjalankan sebanyak 30 lawatan ke pusat tahanan (Jadual 3).

Jadual 3: Lawatan ke Pusat Tahanan, 2013

TEMPAT TAHANAN	LAWATAN BERKALA	LAWATAN KES
Penjara	8	4
Depot Tahanan Imigresen	6	2
Lokap Polis	8	2
JUMLAH	22	8

Suruhanjaya menjalankan lawatan berkala untuk memantau keadaan fizikal pusat tahanan, kemudahan, program pemulihan, rawatan, pemakanan dan peruntukan penjagaan kesihatan

serta kebajikan kakitangan. Lawatan kes pula dijalankan berdasarkan aduan yang diterima dan isu yang dibawa kepada perhatian Suruhanjaya.

Syor Suruhanjaya

Keadaan di pusat tahanan secara amnya mencapai tahap standard minimum. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

1. Penjagaan kesihatan dan rawatan untuk banduan/tahanan yang sakit
Suruhanjaya mendapati penjara terutamanya penjara yang lama, tidak dilengkapi dengan kemudahan atau sumber bagi memenuhi keperluan minimum dan penjagaan kesihatan tahanan. Walaupun terdapat perjawatan untuk pembantu perubatan, perjawatan tersebut tidak diisi. Suruhanjaya percaya perlu ada sekurang-kurangnya seorang kakitangan perubatan di dalam pusat tahanan kerana ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada tahanan tetapi juga kepada kakitangan. Suruhanjaya juga sedar akan masalah kekurangan perubatan asas disebabkan kesesakan dalam pusat tahanan.

Suruhanjaya menerima beberapa aduan berhubung tahanan yang sakit tidak menerima rawatan sewajarnya. Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa tiada diet khas untuk tahanan/banduan yang mengidap diabetes dan mereka hanya diberikan pilihan untuk menggantikan nasi dengan roti putih. Suruhanjaya merasakan bahawa tahanan/banduan harus sekurang-kurangnya diperiksa oleh pegawai perubatan yang mana kemudiannya menasihatkan pihak pengurusan untuk menyediakan makanan yang sesuai. Pihak pentadbir harus mendapatkan garis panduan daripada Kementerian Kesihatan berhubung nutrisi atau diet yang betul bagi tahanan/banduan yang sakit.

2. Peruntukan bajet untuk makanan
Suruhanjaya mendapati peruntukan bajet untuk makanan adalah berbeza daripada satu pusat tahanan dengan pusat tahanan yang lain dan ada kalanya, jumlah yang diperuntukkan itu terlalu rendah. Sebagai contoh, satu depot tahanan Imigresen hanya mempunyai bajet RM 4.50 untuk seorang tahanan sehari – yang mana RM 0.70 untuk sarapan, RM 1.90 untuk makan tengah hari dan RM 1.90 untuk makan malam. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa tender bagi pembekalan makanan diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Suruhanjaya berharap agar peruntukan ini dapat disemak dari semasa ke semasa.



Makan tengahari sedang disediakan di salah satu depot tahanan Imigresen

3. Rawatan tahanan dan program pemulihan

Dengan peningkatan jumlah kes berulang, keutamaan harus diberikan ke atas peranan program pemulihan di penjara. Semasa satu lawatan, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa penjara telah dibahagikan kepada beberapa kategori yang meliputi kesalahan seksual, kes dadah dan kesalahan jenayah. Ini membolehkan pihak berkuasa memberi tumpuan kepada program pemulihan mengikut keperluan setiap kumpulan banduan. Tertakluk kepada kekosongan dan tempoh hukuman, banduan juga ditempatkan di penjara yang paling hampir dengan rumah mereka. Ini memudahkan lawatan oleh pihak keluarga di samping menambaikbaikan proses pemulihan.

Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan sumber manusia terutamanya kakitangan awam – sesetengah penjara tidak dapat menjalankan program pemulihan dengan berkesan. Perkara ini perlu ditangani dengan kadar segera

Selaras dengan moto 'Hak Asasi untuk Semua', Suruhanjaya telah mengambil inisiatif untuk memberi perhatian kepada hak dan kebajikan kakitangan di semua pusat tahanan. Suruhanjaya mendapati bahawa mereka secara berterusan terdedah kepada keadaan kerja yang sukar dan risiko penyakit berjangkit seperti penyakit batuk kering. Kebanyakan mereka juga tidak memiliki kemudahan kerja yang sewajarnya.

4. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN

(a) Perbincangan Meja Bulat

Lanjutan daripada kempen untuk menamatkan penahanan Imigresen terhadap kanak-kanak yang dilancarkan pada bulan April 2012, Suruhanjaya telah menganjurkan satu Perbincangan Meja Bulat (PMB) pada 12 November. Objektif perbincangan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di samping mencari tindakan yang berkesan. Ia telah dianjurkan oleh Suruhanjaya dengan kerjasama *SUKA Society* dan *International Detention Coalition* (IDC).

Peserta terdiri daripada pegawai Imigresen termasuk komandan pusat tahanan, wakil dari Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, UNHCR, *International Committee of the Red Cross*, *Voices of Children* serta ahli jawatankuasa PBB bagi CRC.

IDC dan *International Social Services Hong Kong* (ISSHK) telah berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka tentang alternatif terhadap penahanan kanak-kanak. Para peserta bersetuju bahawa perlunya ada alternatif terhadap penahanan kanak-kanak dan bahawa kanak-kanak - terutamanya mereka yang tidak diiringi penjaga, tidak wajar ditahan. Penahanan hendaklah dilakukan sebagai pilihan terakhir dan dalam tempoh yang paling singkat. Semua pihak yang terlibat dalam perbincangan telah menekankan pentingnya untuk mewujudkan sebuah kumpulan kerja dan program perintis berkenaan alternatif terhadap penahanan kanak-kanak yang memfokuskan kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai pengiring.

(b) Pemantauan Kebajikan Kanak-Kanak

Semasa sesi lawatan berkala ke pusat tahanan Imigresen, Suruhanjaya telah memberikan perhatian khusus terhadap isu kebajikan kanak-kanak.

Jadual 4: Lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen , 2013

NO.	LOKASI	TARIKH
1.	Tanah Merah, Kelantan	20 Januari
2.	Pekan Nenas, Pontian, Johor	20 Februari
3.	KLIA, Sepang, Selangor	26 Mac
4.	Langkap, Perak	16 Julai
5.	Machap Umboo, Melaka	28 Ogos
6.	Ajil, Terengganu	23 Oktober
7.	Juru, Pulau Pinang	25 November

Berdasarkan pemerhatian dan perbincangan dengan bahagian pengurusan setiap pusat tahanan, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak lelaki yang tidak diiringi dan berumur antara 13-18 tahun akan diletakkan di dalam blok yang sama dengan tahanan lelaki dewasa; manakala kanak-kanak perempuan yang tidak diiringi dan berumur antara 13-18 tahun akan diletakkan di dalam blok wanita. Di bawah Peraturan Depot Imigresen, kanak-kanak di bawah 12 tahun yang ditangkap bersama ibu bapa mereka boleh dimasukkan ke pusat tahanan yang sama dengan ibu bapa mereka.



Pegawai Suruhanjaya sedang memeriksa keadaan tempat tahanan

Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa setakat 7 Oktober 2013, sejumlah 197 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan 550 kanak-kanak yang berumur antara 13-18 tahun telah ditahan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak ada aktiviti atau kemudahan khas yang disediakan di pusat tahanan untuk memenuhi keperluan mereka, termasuk akses kepada pendidikan secara tidak formal.

5. PEMERDAGANGAN ORANG

Empat aduan telah dilaporkan kepada Suruhanjaya berhubung insiden pemerdagangan orang. Walaupun Suruhanjaya bukan sebuah agensi penguatkuasa bagi jenayah pemerdagangan orang, ia bertindak sebagai pengantara bagi pengadu dan agensi penguatkuasa untuk memastikan tindakan segera dan sewajarnya diambil ke atas setiap aduan.

Seorang pengadu memaklumkan kepada Suruhanjaya melalui email bahawa abangnya yang bekerja di sebuah ladang di Negeri Sembilan telah dipaksa bekerja tanpa dibayar gaji oleh sindiket pemerdagangan orang. Suruhanjaya dengan segera menghubungi Unit Antipemerdagangan Orang pasukan polis di Bukit Aman, Kuala Lumpur, untuk menyampaikan maklumat tersebut. Polis kemudian telah bertindak dengan menyelamatkan mangsa dan meletakkan beliau di tempat perlindungan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak dimaklumkan mengenai tindakan yang telah diambil terhadap penjenayah tersebut, walaupun pertanyaan secara rasmi telah dibuat kepada pihak polis.

Suruhanjaya turut menghadapi kesukaran untuk menangani kes pemerdagangan orang apabila maklumat yang disampaikan oleh pengadu tidak lengkap atau pengadu tidak memberikan kerjasama sepenuhnya. Sebagai contoh, dua aduan yang diterima melalui email dan surat tidak mempunyai maklumat penting seperti butiran peribadi atau tempat kejadian. Apabila Suruhanjaya cuba menghubungi pengadu, tiada sebarang maklum balas yang diberikan.

6. UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

(a) Tahanan di Kem Tahanan Kamunting

Pada 22 Jun 2012, Kerajaan telah menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dengan Akta Kesalahan-Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Walau bagaimanapun, orang yang ditahan sebelum pemansuhan Akta tersebut kekal di dalam tahanan sehingga perintah tahanan tersebut dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Pada 17 Jun, Gerakan Mansuhkan ISA telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya bagi menuntut pembebasan ke atas semua tahanan.

Menurut Kementerian Dalam Negeri (KDN), terdapat tujuh orang tahanan yang masih ditahan di bawah ISA setakat 17 Oktober 2013 (Jadual 5). Penahanan tersebut dibuat berdasarkan dakwaan atas kesalahan yang berkaitan dengan keganasan dan pemerdagangan orang (Jadual 6).

Jadual 5: Bilangan tahanan di bawah ISA, 2013

NEGARA ASAL	BILANGAN
Malaysia	3
Sri Lanka	1
Indonesia	2
Filipina	1
JUMLAH	7

Jadual 6: Dakwaan Kesalahan Tahanan ISA

DAKWAAN KESALAHAN	BILANGAN KES
Keganasan	6
Pemerdagangan Orang	1
JUMLAH	7

Pihak berkuasa telah membebaskan sejumlah 16 tahanan sepanjang tahun ini (Jadual 7).

Jadual 7: Tahanan yang dibebaskan pada tahun 2013

WARGANEGARA	BILANGAN
Malaysia	5
Pakistan	1
India	1
Indonesia	1
Iraq	1
Sri Lanka	4
Bangladesh	1
Filipina	2
JUMLAH	16

(b) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012¹

Akta ini telah diperkenalkan bagi menggantikan ISA dalam menangani kesalahan keselamatan bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman dan keselamatan awam. Menurut KDN, setakat 6 Disember 2013, sebanyak 33 individu telah ditahan di bawah Akta ini atas dakwaan penglibatan dalam aktiviti keganasan yang mengancam keselamatan negara.²

1 Akta ini diluluskan oleh Parlimen pada 17 April 2012, mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 18 Jun 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2012.

2 Disebut sebagai "aktiviti-aktiviti keganasan yang mengancam keselamatan Negara"

7. AKTIVITI PEMANTAUAN

Suruhanjaya telah memantau tiga perhimpunan awam iaitu - 'KL 112', demonstrasi Anti-Lynas dan bantahan terhadap cadangan pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PCA). Sementara 'KL 112' diadakan di dalam Stadium Merdeka di Kuala Lumpur, dua perhimpunan yang lain diadakan di hadapan Parlimen.

Jadual 8: Aktiviti Pemantauan, 2013

NO.	PERHIMPUNAN	TARIKH
1.	'KL 112'	12 Januari
2.	Anti-Lynas	26 September
3.	Pindaan PCA	30 September

Secara keseluruhan, pihak polis telah mengawal perhimpunan melalui operasi kawalan trafik. Dianggarkan seramai 100,000 orang telah menyertai 'KL 112', yang merupakan perhimpunan terbesar selepas perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012. 'KL 112' menunjukkan pentingnya peranan pihak polis dalam mengawal perhimpunan aman. Ia juga membuktikan bahawa apabila perhimpunan awam dilaksanakan dengan berkesan dan teratur, hak rakyat untuk berhimpun dan menyuarakan pandangan mereka secara aman turut dijamin.



Salah satu himpunan besar yang dipantau oleh Suruhanjaya

Semasa perhimpunan Anti-Lynas dan bantahan Pindaan PCA yang mana bilangannya lebih kecil, pihak polis telah bertindak untuk mengawal dan menguruskan trafik. Wakil pihak yang membantah dibenarkan untuk memasuki Parlimen dan berjumpa dengan ahli Parlimen. Memandangkan Akta Perhimpunan Aman 2012 masih baru, adalah diharapkan bahawa penguatkuasaan akan dijalankan tanpa sebarang sekatan yang bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

II. BAHAGIAN INKUIRI

Masyarakat tidak pernah mengadu mengenai kesejagatan hak asasi manusia, bahkan masyarakat juga tidak melihat hak asasi manusia sebagai satu idea pihak Barat ataupun Utara. Pemikiran ini seringkali dilakukan oleh pemimpin mereka.

Kofi Annan

Bahagian Inkuiri yang ditubuhkan pada tahun 2012 memulakan peranannya untuk membuat tindakan susulan ke atas syor-syor Suruhanjaya sepertimana yang terkandung dalam Laporan Siasatan Awam, terutamanya laporan berhubung dengan kebebasan bagi perhimpunan awam.

Bahagian ini juga mengambil langkah inisiatif ke atas Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (Laporan NI) yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Selain itu, Bahagian ini turut memantau perkembangan Pasukan Petugas Khas yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji dan melaksanakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan NI.

1. LAPORAN NI

Suruhanjaya telah melaporkan aktiviti yang dijalankan dalam melaksanakan NI dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012. NI ini mengambil masa 18 bulan dengan kos sebanyak RM1.23 juta, melibatkan konsultasi dan pendengaran awam serta penyediaan laporan.

Pada tahun yang diteliti, Suruhanjaya telah mengambil tindakan seterusnya dengan mengadakan perbincangan bersama pihak berkepentingan sebelum memuktamadkan laporan dan syor-syor yang dibuat. Sesi berasingan telah diadakan bersama agensi Kerajaan, NGO, sektor swasta serta pihak media. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, Naib-Pengerusi Datuk Dr Khaw Lake Tee, serta Pesuruhjaya Jannie Lasimbang, Pesuruhjaya Datuk Delta Samen, Pesuruhjaya James Nayagam dan Pesuruhjaya Muhammad Sha'ani Abdullah telah menghadiri sesi tersebut yang diadakan di tiga zon (Jadual 9).

Jadual 9: Perbincangan NI, 2013

NO.	RANTAU	TARIH	TEMPAT
1.	Sabah	5 & 6 Mac	Hotel Promenade, Kota Kinabalu
2.	Semenanjung Malaysia	19 & 20 Mac	Dewan Kadaram, Kuala Lumpur
3.	Sarawak	9 & 10 April	Hotel Hilton, Kuching

Wakil daripada Bahagian Inkuiri juga telah menghadiri dua sesi mesyuarat bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membincangkan hasil dapatan dan syor-syor daripada Laporan NI. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan kerjasama bagi pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Mesyuarat pertama telah diadakan pada 16 Julai bersama beberapa pegawai kanan KKLW dan JAKOA. Mesyuarat kedua yang diadakan pada 19 Julai pula telah dipengerusikan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, YBhg Datuk Seri Mohd Shafie Haji Apdal. Kedua-dua mesyuarat tersebut berhasil apabila Suruhanjaya kemudiannya telah dijemput untuk membentangkan hasil dapatan dan syor-syor NI kepada agensi Kerajaan yang berkaitan.

(a) Pengumuman Awam Laporan NI

Laporan NI telah siap sepenuhnya pada bulan April tetapi hanya dilancarkan pada 5 Ogos, iaitu lewat daripada tempoh yang dijadualkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Memandangkan hasil dapatan dan syor-syor NI adalah penting bagi kesejahteraan Orang Asal, Suruhanjaya merasakan perlunya untuk menyerahkan Laporan tersebut terlebih dahulu ke Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan bagi membolehkan wakil rakyat dan pembuat dasar membincangkan isu-isu dan syor-syor tersebut.

Keputusan di atas diambil selaras dengan seksyen 21(3) Akta Suruhanjaya yang menyatakan bahawa 'Suruhanjaya boleh, bila mana dianggapnya perlu berbuat demikian, mengemukakan laporan khas kepada Parlimen berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu yang dirujuk kepadanya dan tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara itu'.

Memandangkan hasil dapatan dan syor-syor NI adalah penting bagi kesejahteraan OA, Suruhanjaya merasakan perlu untuk menyerahkan laporan tersebut terlebih dahulu ke Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan, bagi membolehkan wakil rakyat dan pembuat dasar membincangkan isu-isu dan syor-syor tersebut.

Walau bagaimanapun, pembubaran Parlimen bagi Pilihan Raya ke-13 telah diumumkan pada masa Laporan NI diselesaikan. Perkara ini telah menyebabkan Suruhanjaya terpaksa menangguhkan pelancaran Laporan NI sehingga sesi baru Parlimen diadakan.

Namun begitu, Laporan NI ini tidak dibentangkan di Parlimen. Sebaliknya, Kabinet telah memutuskan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas. Anggota Suruhanjaya yang berada di sidang media yang mengumumkan keputusan ini pada 5 Ogos, telah menyerahkan Laporan NI kepada YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk perhatian Pasukan Petugas Khas.

Terma rujukan bagi Pasukan Petugas Khas adalah:

- (i) Meneliti hasil dapatan dan syor-syor dalam Laporan NI untuk pelaksanaan;
- (ii) Mengumpul, sekiranya perlu, maklumat tambahan (rekod yang dipegang oleh pihak berkuasa negeri/agensi) berhubung dengan isu-isu tertentu;
- (iii) Mengambil kira hak, kepentingan dan pandangan daripada semua pihak berkepentingan; dan
- (iv) Membangun dan menggabungkan syor-syor untuk kaedah jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani sebarang kekangan ke atas undang-undang, dasar dan pentadbiran yang sedia ada.

Ahli Pasukan Petugas Khas itu terdiri daripada 15 anggota iaitu:

- YBhg Datuk Dr Mohd Tap Salleh, Presiden, Institut Integriti Malaysia
- YBhg Dato' Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- YBhg Datuk Seri Ibrahim Muhamad, Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
- YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman, Setiausaha Negeri Sabah
- YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani, Setiausaha Negeri Sarawak
- YBhg Dato' Haji Mohd Sani Mistam, Ketua Pengarah, JAKOA
- YBhg Prof Emeritus Dato' Dr Hood Mohd Salleh, Pengarah, Muzium Warisan Akademik, UKM
- YBhg Prof Madya Dr Juli a/l Edo, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM
- YBhg Prof Madya Dr Sarjit Singh Darshan Singh, Ketua Jabatan, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, UPM
- Encik Andrew Khoo Chin Hock, Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam
- Dr S Yogeswaran, Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam
- Encik Majid Suhut, Presiden, Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia
- Puan Tijah Yok Chopil, Penyelaras, Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia
- Encik Mark Bujang, Pengerusi, *Borneo Resources Institute*
- Puan Jannie Lasimbang, Jaringan Orang Asal SeMalaysia

Pasukan Petugas Khas telah bersidang sebanyak tiga kali sepanjang tahun ini. Mesyuarat kali pertama yang diadakan pada 29 Ogos telah dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Semasa mesyuarat kali kedua pada 30 September, Suruhanjaya telah dijemput untuk membentangkan hasil dapatan dan syor-syor NI. Manakala mesyuarat kali ketiga pula telah diadakan di Gua Musang, Kelantan.

Adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar Pasukan Petugas Khas dapat memastikan pelaksanaan ke atas syor-syor dalam laporan NI dilakukan secepat mungkin dan secara berkesan demi kepentingan OA.

Adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar Pasukan Petugas Khas dapat memastikan pelaksanaan ke atas syor-syor dalam laporan NI dilakukan secepat mungkin dan secara berkesan demi kepentingan OA.

Suruhanjaya juga telah mengedarkan Laporan NI kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan dan NGO, organisasi antarabangsa dan beberapa NHRI di negara lain.

(b) Syor-Syor NI

Laporan NI ini mengandungi kesimpulan umum dan 18 syor di bawah enam tema utama.

(i) Kesimpulan Umum

1. Orang Asal merupakan antara masyarakat yang paling terpinggir dan kurang bernasib baik di Malaysia. Walaupun terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, undang-undang tempatan dan antarabangsa yang mengiktiraf hak tanah mereka, isu sistemik telah menafikan mereka daripada menikmati sepenuhnya hak mereka di sisi undang-undang dan hak asasi manusia. Isu yang timbul ini banyak berpunca daripada pindaan undang-undang tanah yang berturut-turut sehingga gagal mengiktiraf perspektif Orang Asal mengenai pemilikan dan pengurusan tanah, seterusnya menjejaskan hak Anak Negeri ke atas tanah adat mereka.

Keputusan pentadbiran juga turut memberikan kesan secara langsung ke atas tuntutan tanah adat. Ini berpunca daripada pemakaian dasar yang memberikan keutamaan kepada projek pembangunan berskala besar berbanding dengan kelangsungan ekonomi sara diri Orang Asal.

2. Terdapat kekecewaan dan kemarahan yang mendalam di kalangan masyarakat Orang Asal disebabkan pencabulan ke atas hak tanah mereka dan kekurangan maklum balas berhubung perkara ini. Memandangkan ketidakadilan terhadap akses dan pengawalan tanah merupakan konflik utama yang boleh menyebabkan Negara menanggung kos yang tinggi sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, Inkuiri Nasional tersebut melihat pentingnya untuk pihak berkenaan mengatasi ketidakadilan yang timbul dengan kadar segera dan secara menyeluruh.

3. Berdasarkan fakta dan hasil dapatan NI, sebanyak 18 syor telah dikemukakan bersama beberapa cadangan aktiviti untuk dilaksanakan. Adalah dicadangkan bahawa semua aktiviti yang melibatkan semakan semula dan kajian perlu dijalankan dengan penglibatan penuh dan berkesan masyarakat Orang Asal. Komitmen Kerajaan untuk menerima pakai syor bagi menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kebangsaan bebas berhubung isu Orang Asal akan memastikan bahawa isu hak tanah Orang Asal dapat ditangani dengan berkesan.

(ii) Syor-syor Utama

Inkuiri mendapati bahawa pengiktirafan ke atas tanah adat Orang Asal adalah penting dalam melindungi dan mempromosi hak mereka. Hak pengiktirafan ini tidak boleh dipisahkan dan merupakan pelengkap dalam usaha melindungi dan mempromosi hak asasi OA yang lain. Maka, masalah yang ada pada masa kini harus ditangani.

1. Jaminan Pegangan Tanah

- (i) Bagi memastikan jaminan pegangan tanah dan hak tanah adat mengikut perspektif Orang Asal tanpa sebarang kompromi, dicadangkan agar sebelum dibuat atau dikeluarkan sebarang pemberi milikan tanah, perizaban tanah atau pengeluaran lesen, pihak berkuasa perlu menyiasat sepenuhnya status tanah tersebut dengan merujuk kepada sebarang dokumen yang relevan dan juga setiap bukti di lapangan.
- (ii) Syor-syor bagi sebarang pindaan kepada undang-undang dan dasar yang telah dikaji dan/atau diterimapakai oleh Kerajaan patut dilaksanakan dengan segera melalui keputusan perundangan dan dasar.
- (iii) Keputusan mahkamah yang telah mengiktiraf konsep hak tanah adat Orang Asal/Anak Negeri patut dilaksanakan dengan segera.

2. Penjelasan konsep pegangan adat

Kajian bersesuaian untuk menjelaskan konsep seperti kawasan rayau dan wilayah tradisi perlu dilakukan segera.

3. Pengembalian bagi Hak Tanah Adat yang tidak diiktiraf

- (i) Peruntukan undang-undang bagi pengembalian tanah perlu disediakan. Dalam keadaan yang mana pengembalian tanah adat Orang Asal yang telah diambil adalah tidak mungkin atau tidak boleh dilaksanakan, pemberian tanah gantian atau pampasan perlu dipertimbangkan.
- (ii) Memperbetulkan kesilapan lalu dan mewujudkan mekanisme pengadilan bagi pampasan atas kehilangan tanah bukan sahaja dapat mengembalikan keyakinan kepada Kerajaan dan menyelesaikan konflik, tetapi juga dapat memastikan keadilan dan kesaksamaan bagi mereka yang kehilangan tanah.

4. Mekanisme keadilan
 - (i) Inkuiri secara tegas mengesyorkan penubuhan Tribunal atau Suruhanjaya Tanah Orang Asal yang dianggotai oleh hakim-hakim bersara dan pakar-pakar dalam hak tanah adat Orang Asal bagi menyelesaikan isu dan aduan berkaitan dengan tuntutan tanah yang diketengahkan oleh OA.
 - (ii) Mahkamah Tanah Hakmilik Adat atau mahkamah khas perlu ditubuhkan bagi mengendalikan kes yang tertangguh di mahkamah sivil. Satu mekanisme pengantara yang bebas – sebagai contoh, *Ombudsman* – dapat membantu dalam menyelesaikan masalah pertelingkahan berkaitan tuntutan tanah oleh OA.
5. Menangani dasar dan perancangan terdahulu
 - (i) Dasar berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan perlu dikaji semula, untuk memastikan pengambilan tanah bagi program tersebut tidak melanggar hak tanah adat Orang Asal.
 - (ii) Semua kawasan yang telah diwartakan tanpa membuat pengukuran yang betul dan tidak diletakkan tanda sempadan perlu diukur semula.
 - (iii) Seharusnya tiada sebarang pengusiran masyarakat dibuat di dalam kawasan tanah adat.
6. Kajian semula pampasan
 - (i) Membuat kajian semula bagi peruntukan dan undang-undang mengenai pengambilan tanah termasuklah kadar pampasan.
 - (ii) Menangani isu-isu/ketidakseimbangan pembangunan tanah
Hasil dapatan Inkuiri menunjukkan bahawa OA tidak menentang pembangunan atau prosesnya, tetapi kepentingan dan kebimbangan mereka haruslah dilindungi menerusi penglibatan mereka dalam program pembangunan.
7. Menerimapakai Pendekatan berasaskan Hak Asasi Manusia (HRBA) bagi pembangunan
Sejajar dengan piawaian antarabangsa, Kerajaan Persekutuan dan Negeri harus menerima pakai pendekatan berasaskan hak asasi manusia bagi tujuan pembangunan. Peruntukan undang-undang perlu dibuat ke atas setiap pemaju projek untuk mendapatkan izin berasaskan makluman awal, bebas dan telus daripada OA.
8. Memastikan pembangunan tanah tidak memberi kesan buruk kepada OA
 - (i) Apabila tanah yang dimiliki atau dituntut oleh OA diambil bagi tujuan pembangunan dan program pembasmian kemiskinan, proses tersebut perlu melibatkan penyertaan penuh dan berkesan daripada masyarakat yang berkenaan.
 - (ii) Kerajaan perlu menyediakan garis panduan yang lebih ketat bagi program pembasmian kemiskinan dan mengadakan proses penilaian bagi memastikan setiap objektif tercapai dan tidak melanggar hak orang lain.

9. Menggalakkan model pembangunan yang berjaya
 - (i) Terdapat keperluan untuk melaksanakan model pembangunan berskala kecil yang dapat melibatkan penyertaan daripada pemilik tanah Orang Asal.
 - (ii) Ahli perniagaan harus lebih bertanggungjawab dan perlu menghormati hak asasi manusia OA.
10. Dasar yang berbentuk 'Mesra-Penduduk, Pembangunan Lestari'
 - (i) Agenda bagi pembangunan lestari dengan dasar agenda ekonomi, sosial dan alam sekitar yang seimbang seharusnya menjadi intipati kepada dasar umum berkaitan Orang Asal dan pengurusan hutan.
 - (ii) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seharusnya menerima pakai agenda pengurusan hutan dan kelapa sawit yang lestari supaya dasar ekonomi dan alam sekitar selari dengan arus perdana.
 - (iii) Kehilangan tanah adat pada masa hadapan perlu dicegah.
11. Langkah-langkah penyelesaian tuntutan bagi tanah adat Orang Asal
 - (i) Sebarang tuntutan berkaitan dengan tanah adat perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pemberian pajakan sementara, lesen, projek atau pindahmilik tanah diluluskan.
 - (ii) Undang-undang berkaitan perlu dikaji semula dan dibuat pindaan supaya selari dengan norma-norma sejagat.
 - (iii) Perbincangan secara tetap dan berterusan perlu diadakan di antara OA, agensi Kerajaan, ahli parlimen dan pihak berkepentingan yang lain bagi merapatkan jurang persepsi dan persefahaman.
12. Pengiktirafan tanah Orang Asal di kawasan yang dilindungi.

Remedi perlu dibuat ke atas kegagalan memberikan maklumat yang mencukupi dan notis kepada komuniti yang terjejas sepertimana yang diperlukan oleh peruntukan undang-undang sebelumewartakan kawasan perlindungan dan hutan simpan. Remedi yang dibuat seharusnya merangkumi pengeluaran tanah komuniti, pemberian kawasan alternatif atau membuat perjanjian pengurusan bersama dengan masyarakat supaya mereka boleh terus kekal di dalam kawasan tersebut.
13. Menggalakkan penglibatan secara aktif OA dalam pengurusan hutan
 - (i) Satu arahan berbentuk dasar baru perlu dibuat bagi meningkatkan penglibatan masyarakat Orang Asal secara aktif dalam program pengurusan hutan terutamanya di dalam hutan simpan.
 - (ii) Isu pentadbiran tanah perlu ditangani segera.

14. Menjalankan kajian semula secara komprehensif ke atas JAKOA
 - (i) Mengambil kira keseriusan aduan yang diterima berkenaan dengan kelemahan JAKOA dalam melindungi hak tanah Orang Asli sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Asli 1954, satu kajian secara bebas dan komprehensif ke atas jabatan tersebut perlu dibuat dalam jangka masa terdekat.
 - (ii) Sementara kajian tersebut dibuat, JAKOA perlu lebih proaktif dalam menyelesaikan isu tanah Orang Asli yang sedia ada.
15. Meningkatkan kapasiti Jabatan Tanah Kakitangan bagi Jabatan Tanah dan Ukur (Sabah dan Sarawak) serta Pejabat Tanah dan Galian (Semenanjung Malaysia), termasuk pihak yang diberikan kuasa di peringkat daerah, akan mendapat manfaat daripada pertambahan kapasiti bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan hak tanah adat OA.
16. Mengkaji semula maklum balas terhadap isu tanah Jurang serta kelemahan dalam prosedur dan amalan pentadbiran bagi memberikan pengiktirafan ke atas hak tanah adat Orang Asal perlu dikaji semula oleh pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan menjadi lebih efektif dengan mengambil kira syor-syor dan kajian terdahulu.
17. Pelaksanaan segera langkah-langkah penambahbaikan
 - (i) Pejabat Tanah perlu menerimapakai dan mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah, dan memastikan proses dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab.
 - (ii) Pihak yang berkaitan, terutamanya Pejabat Tanah dan Jabatan Hutan, perlu meningkatkan kualiti pengurusan aduan di jabatan mereka.
 - (iii) Laporan polis yang dibuat oleh komuniti harus disiasat dan polis perlu memainkan peranan mereka secara tegas dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak sekiranya berlaku sebarang pertelingkahan.
 - (iv) Pandangan Ketua Kampung, Penghulu dan Batin serta ketua daerah/penghulu (atau Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak) perlu diperolehi semasa mengesahkan bukti sejarah dan kependudukan bagi kawasan yang dituntut di bawah hak adat. Walau bagaimanapun, berdasarkan pandangan negatif ke atas beberapa pemimpin, kaedah alternatif bagi mengenalpasti bukti sejarah dan maklumat kependudukan turut diberi pertimbangan.
 - (v) Mengiktiraf tanah sebagai nadi kepada identiti OA
Hubungan rapat antara OA dengan tanah dan wilayah adat mereka memperlihatkan bahawa tanah bukan sahaja merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian mereka tetapi juga menggambarkan budaya dan keagamaan, serta merupakan sebahagian daripada identiti mereka. Tanah adat merupakan satu keutamaan yang penting bagi pembangunan dan kelangsungan

hidup mereka. Pengiktirafan yang berkesan, serta promosi dan perlindungan ke atas hak terhadap tanah dan identiti, memerlukan satu tempoh masa bagi mengambil tindakan afirmatif secara meluas yang merangkumi isu berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan mereka.

18. Menubuhkan satu Suruhanjaya Kebangsaan yang Bebas mengenai Orang Asal. Peranan Suruhanjaya, antara lain, adalah untuk menasihati Kerajaan mengenai undang-undang dan dasar berkaitan dengan OA, mencadangkan dan memantau pelaksanaan program pembangunan lestari di atas tanah OA; menggalakkan penyertaan OA di setiap peringkat; dan menjalankan penyelidikan mengenai isu berkaitan dengan kesejahteraan Orang Asal. Anggota Suruhanjaya haruslah kebanyakannya terdiri dari wakil OA yang mendapat sokongan dan diterima oleh masyarakat Orang Asal di Malaysia.

2. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012

Jawatankuasa Pilihan Parlimen (PSC) mengenai Pembaharuan Pilihan Raya telah ditubuhkan pada 2 Oktober 2011 dan mengeluarkan laporannya pada awal April 2012 beserta 22 syor untuk memperbaiki sistem pilihan raya. Laporan tersebut telah diterima dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012.

Pada 4 April 2012, BERSIH 2.0 melahirkan rasa tidak puas hati dengan laporan tersebut dan menyatakan lapan tuntutan mereka tidak diberi perhatian sepenuhnya oleh PSC. BERSIH 2.0 telah menganjurkan satu lagi perhimpunan, yang dipanggil 'Duduk Bantah', pada 28 April 2012 di beberapa lokasi di dalam Negara termasuk Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Terdapat dakwaan berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia semasa perhimpunan di Kuala Lumpur dan ia telah dilaporkan kepada Suruhanjaya. Suruhanjaya kemudian menjalankan satu Siasatan Awam antara 5 Julai 2012 dan 10 Januari 2013 selama 29 hari.

(a) Pendengaran Awam

Semasa pendengaran awam, seramai 49 saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Panel Inkuiri telah menerima 67 eksibit dan dokumen yang dikenal pasti termasuk gambar, rakaman video, keratan akhbar, laporan perubatan, dan laporan polis. Perhimpunan tersebut merupakan perhimpunan awam pertama yang diadakan selepas penguatkuasaan Akta Perhimpunan Aman (APA) pada 23 April 2012.

Panel juga membuat lawatan lapangan ke:

- Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya – Jalan Tun Perak, Masjid India, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan bangunan DBKL – di mana orang awam telah berkumpul; dan

- Kompleks Pasukan Simpanan Persekutuan Polis DiRaja Malaysia di Cheras di mana pihak polis telah menunjukkan penggunaan kawat berduri, gas pemedih mata, *command vehicle*, *sound commander* serta menjelaskan prosedur untuk mengawal orang ramai.

(b) Hasil Dapatan Siasatan

Hasil dapatan Panel adalah berdasarkan keterangan saksi, dibantu oleh soalan dan penghujahan daripada pemerhati dan eksibit yang diberikan.

- (i) Panel mempersoalkan keperluan pemasangan penghadang yang terdiri daripada tiga lapisan, iaitu, wayar dannert, (atau *razor wires*), penghadang berisi air dan penghadang besi. Panel turut menyatakan kebimbangan mengenai kesesuaian bagi penggunaan wayar tersebut terutamanya di tempat orang ramai dijangka berkumpul. Walau bagaimanapun, Panel tidak memberi maklum balas berkenaan kesahihan atau sebaliknya berkenaan pemasangan penghadang tersebut, sama ada ianya dibuat berdasarkan Perintah Mahkamah atau seksyen 26 Akta Polis 1967.

Panel juga mendapati bahawa pihak polis tidak membantu atau memudahcarakan penyuraian peserta.

(ii) Panel mendapati bahawa Pasukan Simpanan Persekutuan memberi amaran kepada para peserta untuk bersurai hanya sebelum tembakan pertama meriam air dan gas pemedih mata dilepaskan tetapi tiada amaran yang diberikan selepas itu. Tambahan, amaran tersebut tidak dapat didengari oleh semua peserta walaupun ianya telah diberikan melalui pembesar suara dan *sound commanders*.

(iii) Panel juga mendapati bahawa pihak polis tidak membantu atau memudahcarakan penyuraian peserta. Tembakan meriam air

dan gas pemedih mata yang berterusan juga menghalang usaha mereka untuk bersurai, dan sebagai contoh, mengakibatkan peserta terperangkap.

- (iv) Panel berpendapat, berdasarkan keterangan saksi serta rakaman video, terdapat penggunaan kekerasan yang tidak seimbang dan salah laku oleh pihak polis terhadap peserta. Kebanyakan peserta telah dikasari sepanjang jalan ke tempat berkumpul di Dataran Merdeka, walaupun tiada bukti menunjukkan bahawa mereka telah melawan atau berkelakuan agresif.

- (v) Panel mendapati bahawa polis telah bertindak dengan niat yang tidak baik; malahan tindakan mereka menunjukkan bahawa terdapat usaha yang disengajakan untuk menyekat anggota media, membuat liputan dan mengambil gambar mengenai pelbagai insiden yang berlaku pada hari tersebut. Cubaan menghalang media daripada menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka jelas melanggar hak untuk bersuara dan kebebasan media.

Panel berpendapat, berdasarkan keterangan saksi serta rakaman video, terdapat penggunaan kekerasan yang tidak seimbang dan salah laku oleh pihak polis terhadap peserta.

- (vi) Saksi yang mendakwa bahawa mereka telah diserang atau dcederakan oleh anggota polis semasa perhimpunan tersebut telah memaklumkan kepada Panel bahawa mereka telah membuat laporan polis. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja yang mendakwa bahawa tindakan susulan telah diambil oleh pihak polis. Menurut saksi polis, setiap siasatan hendaklah diselesaikan tanpa sebarang kelewatan.¹

(c) Syor-syor kepada Polis dalam Memudahcara Perhimpunan Awam

1. Apabila seseorang ditangkap ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh mengenai sebab-sebab ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan mendapatkan nasihat daripada seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Kegagalan membenarkan mereka yang ditahan mendapat akses kepada peguam adalah dianggap melanggar Perlembagaan Persekutuan dan prinsip asas hak asasi manusia.
2. Pihak polis dalam melaksanakan fungsi mereka juga perlu mengambil kira hak individu dan memastikan bahawa mereka dapat menikmati hak mereka seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain di Negara ini. Pihak polis tidak seharusnya beranggapan bahawa Perhimpunan Awam mencabar mereka sebagai pihak berkuasa.
3. Pihak polis perlu membezakan antara perhimpunan aman dan rusuhan. Mereka juga perlu dilihat neutral dan memastikan keselamatan peserta dan orang ramai terutamanya dalam perhimpunan awam yang melibatkan dua atau lebih kumpulan yang berbeza di dalam kawasan yang sama.
4. Pihak polis dan penganjur harus berjumpa dan mencapai persetujuan berkaitan perhimpunan dan terhadap perkara yang berkaitan. Pihak polis juga perlu diingatkan bahawa seksyen 27 Akta Polis 1967 tidak lagi terpakai untuk perhimpunan awam.

Apabila seseorang ditangkap ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh mengenai sebab-sebab ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

¹ Seksyen 120 Kanun Prosedur Jenayah menyatakan bahawa (1) Tiap-tiap penyiasatan di bawah Bab ini hendaklah diselesaikan tanpa sebarang kelewatan, dan pegawai yang menjalankan penyiasatan itu hendaklah, kecuali jika kesalahan itu adalah dari jenis yang Pendakwa Raya telah mengarahkan tidak payah dilaporkan kepadanya, menyerahkan kepada Pendakwa Raya laporan penyiasatannya bersama dengan kertas penyiasatan tersebut dalam masa satu minggu dari tarikh tamat tempoh tiga bulan daripada tarikh maklumat yang diberikan di bawah seksyen 107.

5. Kaedah yang digunakan oleh polis untuk menyuraikan peserta perhimpunan haruslah mengambil kira risiko kepada peserta dan polis.
6. Pegawai yang melakukan tangkapan harus berhati-hati dan mengelakkan daripada menggunakan kekerasan yang tidak seimbang atau sewajarnya. Walaupun pegawai polis mempunyai kuasa untuk menangkap atau menyuraikan peserta mengikut undang-undang, penggunaan kekerasan mestilah berkadar dengan tahap risiko pada masa tangkapan dilakukan. Seseorang ditangkap hendaklah diberitahu sebab-sebab penangkapan dan dibenarkan mendapat khidmat guaman.
7. Pihak polis harus mengenalpasti alternatif lain bagi mengekalkan komunikasi antara pegawai polis semasa perhimpunan tersebut, dalam usaha untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan berkenaan perintah atau tindakan yang diambil oleh anggota polis.
8. Bantuan rawatan hendaklah diberikan serta merta kepada individu yang tercedera semasa ditangkap. Pasukan perubatan haruslah sentiasa bersedia setiap masa untuk membantu dan memberikan rawatan perubatan di kawasan tersebut.

(d) Syor-syor kepada Polis dalam Pengurusan Liputan Media

1. Pihak polis seharusnya mengadakan taklimat dan latihan untuk kakitangan mereka dalam mengurus dan membantu petugas media semasa perhimpunan. Pihak polis dan media harus mengakui peranan yang dimainkan oleh kedua belah pihak demi kepentingan awam dan Negara serta mengekalkan rasa hormat menghormati antara satu sama lain.
2. Komunikasi atau taklimat dapat membantu pihak polis dan media memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa perhimpunan tersebut. Panel juga menyatakan seksyen 24 APA² memperuntukkan bahawa pihak berkuasa bertanggungjawab untuk memberikan akses yang munasabah kepada media untuk ke tempat perhimpunan dan oleh itu mereka tidak seharusnya menghalang pihak media dari menjalankan tugas mereka.

Panel percaya PDRM mempunyai pengalaman yang luas dalam mengurus dan mengawal orang ramai walaupun di dalam keadaan yang melibatkan sebilangan orang yang besar. Dalam hal ini, Panel memuji cara pasukan polis semasa mengendalikan Perhimpunan 'KL112' pada 12 Januari.

2 Seksyen 24 APA 2012 menyatakan : 'mana-mana wakil media berhak mendapatkan akses yang munasabah untuk ke kawasan perhimpunan dan menggunakan sebarang alat untuk memberi laporan berkaitan perhimpunan tersebut.

- Panel merujuk kepada laporan OSCE *Special Report on the Handling of the Media*³ yang mengandungi garis panduan mengenai, antara lain, bagaimana pihak berkuasa perlu mengendalikan media semasa perhimpunan, serta bagaimana media perlu membuat persiapan di dalam melaporkan peristiwa tersebut.

Panel percaya PDRM mempunyai pengalaman luas dalam mengurus dan mengawal orang ramai walaupun di dalam keadaan yang melibatkan sebilangan orang yang besar. Dalam hal ini, Panel memuji cara pasukan polis semasa mengendalikan Perhimpunan 'KL112' pada 12 Januari.

3. PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKAITAN DENGAN KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS

Laporan media berkenaan dengan peningkatan kematian di dalam tahanan polis secara berturut-turut dalam tempoh 11 hari (21 Mei – 1 Jun) juga telah menekankan dakwaan berlakunya penderaan dan layanan buruk ke atas tahanan di dalam lokap polis. Isu ini telah disuarakan oleh ahli keluarga si mati serta beberapa NGO. Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, telah memaklumkan Dewan Rakyat⁴ bahawa sebanyak 231 kes kematian di dalam tahanan telah direkodkan antara tahun 2000 dan bulan Mei 2013 (Jadual 10), tetapi hanya dua kematian disebabkan oleh polis.

Jadual 10: Kematian di dalam Tahanan Polis

NO.	SEBAB KEMATIAN	BILANGAN KES
1.	Penyakit (HIV/AIDS, lelah, sakit jantung, dsb)	196
2.	Gantung diri	29
3.	Bergaduh antara tahanan	2
4.	Tergelincir di dalam lokap	2
5.	Penderaan oleh polis	2
JUMLAH		231

Sumber: Dewan Rakyat

Pecahan ke atas komposisi antara kaum menunjukkan bahawa orang Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi kematian dalam tahanan, diikuti oleh orang Cina, India, warga asing dan lain-lain (Jadual 11).

³ *The Organisation for Security and Co-operation in Europe (OSCE)'s Special Report: Handling of the Media during Political Demonstrations (Observations and Recommendations)*

⁴ Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Pertama, Mesyuarat Pertama, Bil 3, Rabu 26 Jun 2013

Jadual 11: Kematian di dalam Tahanan Berdasarkan Kaum/Warganegara

NO.	KAUM/WARGANEGARA	BILANGAN KES
1.	Melayu	97
2.	India	51
3.	Cina	49
4.	Warga Asing	25
5.	Lain-lain	9
JUMLAH		231

Sumber: Dewan Rakyat

Walaupun Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa jumlah kes kematian yang berlaku adalah kecil, Suruhanjaya mendapati purata kematian yang berlaku di bawah kawalan pihak polis adalah sebanyak 18.6 bagi setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa wujudnya masalah sistemik dalam mengurus dan mengendalikn tahanan di dalam lokap.

Berdasarkan kuasanya di bawah seksyen 4 Akta 597, Suruhanjaya telah mengadakan dua sesi Perbincangan Meja Bulat (PMB) berkenaan dengan kematian di dalam tahanan pada 20 dan 21 Ogos. Ahli keluarga si mati, Majlis Peguam dan agensi Kerajaan (pasukan polis, Kementerian Kesihatan dan KDN) telah memberikan pandangan masing-masing tentang langkah mengurangkan kematian di dalam tahanan walaupun dirasakan pencegahah adalah hampir mustahil dilaksanakan.

Syor-syor daripada Peserta

1. Badan Kehakiman perlu mengambil tindakan proaktif untuk tidak melengahkan proses inkues dan mematuhi Prosiding Khas di bawah Bab XXXII bagi Kanun Prosedur Jenayah (Akta 595, KPJ)
2. Majistret hendaklah mengikuti Arahan Amalan No. 1 Tahun 2007 – Garis Panduan Inkues – semasa menjalankan tugas mereka. Garis panduan tersebut merujuk secara khusus kepada peruntukan yang berkaitan di bawah Bahagian VIII, Bab XXXII, seksyen 328-341A Akta 593.
3. Badan Kehakiman perlu meneliti keperluan dan alasan berkaitan bilangan perintah reman yang diberikan kepada polis.
4. Mahkamah Koroner yang mempunyai pegawai perubatan perlu ditubuhkan di seluruh Negara.
5. Pemeriksaan perubatan haruslah dilakukan ke atas tahanan untuk menentukan penyakit sedia ada, kecederaan tubuh badan atau mabuk (sekiranya ada) apabila mereka dimasukkan ke penjara.

6. Ahli keluarga harus dibenarkan mendapatkan seorang doktor untuk hadir semasa pemeriksaan bedah siasat kali pertama.
7. Terdapat keperluan untuk meningkatkan sokongan logistik di lokap bagi memastikan keselamatan tahanan serta untuk meminimakan sebarang risiko kecederaan diri bagi tahanan.
8. CCTV seharusnya dipasang di lokap berpusat sepertimana yang telah dilakukan di Jinjang, Kuala Lumpur. Pertimbangan untuk menghantar seorang pegawai perubatan ke lokap berpusat harus diberikan.
9. Mewujudkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk memastikan ketelusan dalam menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan salah laku.
10. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan seharusnya mengambil perhatian terhadap aduan daripada orang awam berkenaan dengan salah laku polis.

Dalam satu program yang lain, Profesor Ian Freckelton daripada *University of Melbourne*, telah berkongsi prosedur di Australia mengenai siasatan untuk kes kematian dalam tahanan. Beliau menyatakan bahawa sistem:

- Hendaklah mencerminkan keyakinan orang ramai menerusi ketelusan dan ketelitian dalam siasatan;
- Meredakan kebimbangan masyarakat;
- Membantu ahli keluarga menerima hakikat;
- Memudahkan proses pendakwaan bagi tuduhan jenayah;
- Memastikan rekod awam mengenai punca kematian dilaporkan secara tepat;
- Memudahcara pengambilan langkah-langkah kesihatan awam yang diperlukan; dan
- Memastikan kematian yang boleh dielakkan itu dapat dielakkan.

Beliau juga menekankan mengenai ciri-ciri sistem siasatan kematian yang berkesan seperti:

- (i) Ia haruslah bersifat bebas tetapi boleh berkerjasama dengan penyiasat yang lain; dalam masa yang sama, ia hendaklah menjadi satu proses yang telus dari segi prosedur siasatan, proses mahkamah dan syor-syor di samping mematuhi prinsip hak asasi manusia.
- (ii) Ia hendaklah dipengerusikan oleh pegawai kehakiman yang terlatih dan berpengalaman yang diberikan siasatan yang mencukupi; dan mahkamah harus dibiayai untuk berfungsi di dalam kawasan.
- (iii) Ia harus berpandukan mandat perundangan yang jelas yang merangkumi pengendalian autopsi, pengalihan mayat, inkuiri dan inkues, serta disokong oleh kajian patologi bermutu tinggi dan perkhidmatan berkaitan.
- (iv) Ia harus mengambil kira dan menghormati hak ahli keluarga serta berperakui dan menghormati nilai dan amalan kebudayaan dan agama.

- (v) Ia harus mengambil kira keupayaan untuk mengkaji semula hasil dapatan terdahulu sekiranya terdapat bukti yang baru.
- (vi) Perkhidmatan kaunseling/sokongan untuk ahli keluarga perlu disediakan.
- (vii) Keputusan perlu dilaporkan secara umum, termasuk menerusi Internet manakala syor-syor yang dibuat hendaklah tertakluk kepada maklum balas.

4. MESYUARAT BERKENAAN DENGAN KEBEBASAN BERHIMPUN

Suruhanjaya telah mengadakan satu sesi mesyuarat bersama pasukan polis pada 11 September untuk membincangkan perkembangan ke atas syor-syor yang telah dibuat oleh Panel Inkuiri berkenaan dengan kebebasan berhimpun. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Naib-Pengerusi Suruhanjaya Datuk Dr Khaw Lake Tee, serta turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Pesuruhjaya James Nayagam. Pasukan polis pula diwakili oleh SAC Datuk Ku Chin Wah, SAC Dato' Razali Basri, SAC Dato' Abdul Hamid Mohd Ali, ACP Mohan Singh s/o Tara Singh, ACP Muhammad Azlee Abdullah, ACP Zainuddin Ahmad dan DSP S. Shanmugamoorthy.

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa pasukan polis telah mempertimbangkan semua syor-syor daripada Siasatan Awam yang lepas, terutamanya prosiding berkaitan dengan perhimpunan pada 28 April 2012. Mesyuarat bersetuju bahawa seksyen 27 Akta Polis 1967 bukan peruntukan yang terbaik untuk perhimpunan awam dan berdasarkan semangat APA, polis memainkan peranan sebagai pemudahcara dan penjaga keamanan dalam menguruskan orang ramai.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa undang-undang bukan sahaja perlu melihat kepada hak untuk berhimpun secara aman, tetapi juga hak bagi setiap pihak yang terlibat. Walaupun polis bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan keharmonian tetapi mereka juga perlu memainkan peranan dalam melindungi hak asasi manusia.

Beberapa syor telah dibuat:

1. Polis perlu memudahcara perhimpunan aman sepertimana yang diperuntukkan di bawah APA. Dalam memastikan pengurusan orang ramai dan lalu lintas, serta meminimumkan gangguan kepada orang awam dan aktiviti di kawasan terbabit, pihak berkuasa dan penganjur seharusnya mencapai satu perjanjian bersama bagi perkara yang berkaitan. Pihak berkuasa juga perlu diingatkan bahawa seksyen 27 Akta Polis 1967 tidak lagi terpakai untuk perhimpunan awam. Mesyuarat seharusnya diadakan dengan pihak penganjur selepas notis perhimpunan diberikan, sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13 APA⁵.

5 Seksyen 13 PAA menyatakan: 'Pegawai bertugas di Pejabat Polis haruslah pada bila-bila masa selepas menerima notis di bawah 9(1), jika keadaan memerlukan, memanggil penganjur untuk bermesyuarat bagi memberikan panduan kepada penganjur berkenaan dengan perhimpunan yang akan dijalankan.'

2. Pihak polis seharusnya mengadakan taklimat dan latihan untuk kakitangan mereka dalam mengurus dan membantu petugas media semasa perhimpunan. Kedua-dua pihak juga perlu mengakui peranan masing-masing demi kepentingan awam dan Negara, serta mengekalkan sikap saling menghormati antara satu sama lain.
3. Polis perlu mengenalpasti alternatif lain bagi memastikan komunikasi antara pegawai polis dapat dikekalkan untuk mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan berhubung dengan perintah atau tindakan yang diambil oleh anggota polis semasa perhimpunan.
4. Dalam menyuraikan peserta, polis perlu memastikan peserta diberi masa yang mencukupi dan munasabah untuk bersurai secara teratur dan selamat, serta jalan keluar yang sesuai untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Sebarang tindakan PDRM tidak harus menyebabkan peserta terperangkap.
5. Pihak polis perlu memakai tag nama yang tetap atau nombor pengenalan badan pada setiap masa apabila mereka menjalankan tugas semasa perhimpunan. Sungguhpun terdapat keperluan untuk pegawai berpakaian preman terutamanya ketika memantau, membuat pemerhatian dan merekodkan keadaan semasa, pegawai tersebut tidak boleh terlibat dalam proses menyurai atau tangkapan, melainkan mereka memperkenalkan diri mereka.
6. Mereka yang ditangkap perlu dimaklumkan sebab penahanan dan diberikan akses untuk mendapatkan khidmat guaman. Kaedah yang digunakan untuk tangkapan juga haruslah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Prinsip hak asasi manusia dan keselamatan bagi pihak polis dan individu adalah penting, serta garis panduan yang lengkap berkenaan dengan kaedah tangkapan perlu disediakan oleh polis.
7. Panel mengesyorkan pihak polis untuk menjalankan siasatan ke atas laporan polis yang telah dibuat oleh orang awam, walaupun laporan tersebut melibatkan salah laku anggota polis. Pihak polis perlu bertindak segera untuk menyelesaikan siasatan bagi mengelakkan tuduhan berlakunya berat sebelah dan tidak telus.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun hadapan, **Bahagian Aduan dan Pemantauan** akan memberi penekanan kepada dua isu utama yang telah dikenalpasti oleh Suruhanjaya – hak kepada kesihatan dalam penjara dan kematian dalam tahanan polis. Bagi menjalankan kajian tersebut, Bahagian ini akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dan masyarakat sivil.

Suruhanjaya mengakui bahawa hak asasi manusia bagi Orang Asal semakin dicabuli dan situasi tersebut akan terus kekal sehingga wujudnya kesedaran umum terhadap peminggiran dan pengusiran yang dialami oleh mereka. Bagi tahun 2014, Suruhanjaya, melalui **Bahagian Inkuiri**, berharap untuk terus menangani isu berkaitan dengan tanah adat, terutamanya dengan memberikan penekanan ke atas kaedah yang betul untuk mengurus, menyiasat dan menyelesaikan aduan yang diterima.

3

BAB

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar
- Bahagian Koordinasi Antarabangsa

I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

Hak asasi manusia yang tidak terpakai kepada semua bukan hak asasi manusia sama sekali.

Volker Beck

Bagi meningkatkan keberkesanan penyelidikan, Suruhanjaya telah menggabungkan fungsi penyelidikan dan pembangunan dasar di bawah satu unit yang kini dikenali sebagai Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar. Sepanjang tahun ini, Bahagian ini telah menjalankan penyelidikan bagi menyokong bidang tematik Suruhanjaya. Ia melibatkan hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran; dan hak kepada warga emas berhubung perkhidmatan jagaan dan sokongan kepada penjaga.

1. ISU-ISU TEMATIK

(a) Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Suruhanjaya telah menjalankan kajian mengenai isu berkaitan hak kepada pendidikan bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD).¹ Walaupun banyak usaha dilakukan bagi meningkatkan kadar kemasukan kanak-kanak kurang upaya, Suruhanjaya mendapati bahawa perhatian lebih ditumpukan kepada keperluan kanak-kanak cacat penglihatan atau pendengaran.² Ia adalah suatu perkara yang membimbangkan bahawa ramai di kalangan CWLD dinafikan daripada pendidikan rendah. Sebagai Negara Ahli kepada CRC dan CRPD, Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak yang sama rata kepada pendidikan.

Suruhanjaya mengambil maklum inisiatif Kerajaan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Pasca Menengah), yang

1 Masalah pembelajaran di Malaysia merangkumi lapan kategori ketidakupayaan seperti Sindrom Down, austisme ringan, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder*, *Attention Deficit Disorder*, terencat akal ringan, gangguan perkembangan global dan masalah pembelajaran khusus seperti disleksia.

2 Yeo Swee Lan dalam tesisnya, *Self-Advocacy Movement of Persons With Learning Disabilities: A Case Study In The Malaysian Context*, mendapati bahawa '...individu dengan masalah pembelajaran merupakan individu yang paling dipinggirkan berhubung dengan perundangan atau peluang latihan dan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan. Manakala, sekolah bagi cacat penglihatan dan pendengaran telah ditubuhkan pada tahun 1950-an, pendidikan formal kepada pelajar bermasalah pembelajaran di sekolah Kerajaan pula hanya bermula pada tahun 1988'. Boleh didapati di http://www.unitedvoice.com.my/pdf/ysl_dissertation.pdf

bertujuan meningkatkan kadar enrolmen pelajar berkeperluan khas sebanyak 75 peratus ke dalam program inklusif pada tahun 2025. Sasaran tersebut adalah selari dengan matlamat kajian Suruhanjaya dalam meningkatkan bilangan CWLD yang menerima pendidikan rendah berkualiti dan inklusif. Kajian ini telah dijalankan untuk:

- (i) Meningkatkan kesedaran di kalangan profesional pendidikan, pembuat dasar dan masyarakat awam berhubung dengan cabaran yang dihadapi oleh CWLD dalam mengakses pendidikan rendah;
- (ii) Mengenalpasti jurang dalam maklumat berkenaan pendidikan kepada CWLD supaya dapat membina sokongan kepada pendidikan tersebut; dan
- (iii) Menjadi penghubung antara agensi Kerajaan dan masyarakat sivil untuk menggalakkan penyertaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban pembangunan dasar dalam sektor pendidikan.

Walaupun banyak usaha dilakukan bagi meningkatkan kadar enrolmen kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini, Suruhanjaya mendapati bahawa perhatian lebih ditumpukan kepada keperluan kanak-kanak cacat penglihatan atau pendengaran

Suruhanjaya mengendalikan beberapa aktiviti bagi mengumpul maklumat dan mengenal pasti isu yang terlibat. Aktiviti yang diadakan termasuklah lawatan lapangan ke sekolah dengan program integrasi dan sekolah yang dikendalikan oleh NGO untuk melihat proses pengajaran dan pembelajaran kepada CWLD (Jadual 1); forum awam berkenaan hak kepada pendidikan bagi CWLD; dan bengkel latihan kepada guru Pendidikan Khas.

Jadual 1: Lawatan ke sekolah, 2013

NO.	LOKASI	TARIKH
1.	SK Kolombong, Sabah	6 Mac
2.	Seri Mengasih Centre, Kota Kinabalu, Sabah	7 Mac
3.	PERKATA Special School, Kuching, Sarawak	10 April
4.	SK Gita 2, Kuching, Sarawak	10 April
5.	PIBAKAT, Kuching, Sarawak	11 April
6.	SK Hutan Melintang, Hutan Melintang, Perak	17 Julai
7.	Bethany Home, Hutan Melintang, Perak	17 Julai
8.	SK Ayer Hitam, Pulau Pinang	18 Julai
9.	Handicapped Children's Centre, Air Itam, Pulau Pinang	18 Julai
10.	SK Serian, Serian, Kuching	23 Julai

NO.	LOKASI	TARIKH
11.	SK Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur	29 Julai
12.	SK(P) Jalan Batu, Kuala Lumpur	26 Ogos
13.	SK(L) Jalan Batu, Kuala Lumpur	26 Ogos
14.	PDK Selayang, Kuala Lumpur	12 September

Berdasarkan lawatan tersebut, Suruhanjaya mengenal pasti beberapa isu yang perlu diberi perhatian:

- Walaupun Suruhanjaya mendapati bilik darjah di sekolah Kerajaan secara keseluruhannya berada dalam keadaan memuaskan, ia berpandangan bahawa bilik darjah untuk CWLD perlu lebih luas bagi mewujudkan pembelajaran kondusif. Suruhanjaya mendapati bahawa, dalam beberapa sekolah yang dilawatinya, bilik darjah bagi Pendidikan Khas telah dipisahkan oleh dinding nipis yang diperbuat daripada papan lapis atau rak buku. Keadaan sebaliknya pula diperhatikan pada bilik darjah di pusat kendalian NGO yang mana bilik darjahnya lebih luas.
- Walaupun kebanyakan guru di kelas pendidikan khas terlatih dan mempunyai kelayakan yang sesuai, terdapat beberapa keadaan yang mana guru-guru tanpa latihan Pendidikan Khas turut diambil bekerja. Walaupun mereka dikehendaki menghadiri kursus Pendidikan Khas selama tiga hari, majoriti daripada mereka tidak dibekalkan dengan latihan yang komprehensif, intensif dan berterusan bagi mengembangkan kemahiran mengajar mereka.
- Pada tahun 2004, KPM telah memperkenalkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid bagi membantu guru-guru Pendidikan Khas di dalam kelas. Suruhanjaya berpandangan bahawa adalah sangat penting bagi KPM untuk menyediakan kursus latihan berstruktur kepada para pembantu ini bagi memastikan mereka memahami peranan mereka, menghargai keperluan khas bagi setiap kumpulan pelajar serta didedahkan kepada pengetahuan asas Pendidikan Khas.
- Terdapat beberapa kekeliruan di kalangan guru Pendidikan Khas terhadap mekanisme bagi menilai prestasi CWLD di bawah sistem baru Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Sesetengah guru mendakwa bahawa pengubahsuaian diperlukan bagi mencerminkan pencapaian pelajar-pelajar ini.
- Suruhanjaya mengambil maklum kepentingan fasiliti lain yang diperlukan oleh CWLD bagi membantu pembangunan emosi dan fizikal mereka, termasuklah bilik 'snoezelen' dan fasiliti untuk terapi cara kerja dan pertuturan. Fasiliti ini kebanyakannya tidak disediakan di hampir kesemua sekolah Kerajaan yang dilawati. Hal ini berbeza dengan kebanyakan pusat kendalian NGO yang dilengkapi dengan fasiliti tersebut, yang ditaja oleh sektor swasta di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

(ii) Forum mengenai Hak CWLD kepada Pendidikan

Tiga sesi telah diadakan iaitu masing-masing di Kuala Lumpur pada 22 April; Kota Kinabalu, Sabah pada 23 September; dan Kuching, Sarawak pada 25 September. Forum tersebut adalah untuk:

- Mengetahui pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh CWLD dan ibu bapa mereka dalam akses kepada pendidikan rendah;
- Menyediakan peluang kepada pihak berkepentingan untuk menyatakan pandangan mereka mengenai hak CWLD kepada pendidikan;
- Mengkaji undang-undang, dasar dan amalan Kerajaan dalam penyampaian/hak kepada pendidikan kepada kumpulan sasaran; dan
- Mengetahui pasti kebimbangan dan merangka strategi serta cadangan untuk mempromosi dan melindungi hak CWLD kepada pendidikan.

Setiap forum dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama melihat kepada pengalaman dan cabaran CWLD sepertimana yang digambarkan pelajar dan guru Pendidikan Khas. Sesi kedua mengkaji undang-undang, dasar dan amalan terbaik oleh agensi berkaitan berkenaan CWLD.

Wakil agensi Kerajaan seperti KPM, Kementerian Kesihatan, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dijemput sebagai penceramah. Panel lain terdiri daripada guru, ibu bapa CWLD, ahli NGO dan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Forum ini menerima sambutan yang baik di setiap lokasi, dengan perbincangan menggalakkan yang menyetujui isu yang diberi perhatian, seperti berikut:

- Terdapat kebimbangan mengenai kriteria kemasukan bagi program Pendidikan Khas seperti yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 yang mana hanya kanak-kanak yang boleh dididik dan mampu 'untuk menguruskan diri tanpa bantuan' layak memasuki tiga jenis program di sekolah Kerajaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya ambil maklum bahawa kriteria tersebut telah dikeluarkan daripada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, yang diterima pakai pada bulan Julai.
- Kekaburan dalam prosedur kemasukan bagi program Pendidikan Khas juga telah dibangkitkan. Walaupun KPM dilihat mempunyai satu prosedur kemasukan yang standard, namun pelaksanaan prosedur tersebut seolah-olah dikaburi dengan ketidakpastian, khususnya mengenai peranan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ibu bapa menyeru KPM supaya memastikan bahawa prosedur tersebut dapat dihebahkan, dan meningkatkan kerjasama antara agensi bagi menjamin kepentingan kanak-kanak.
- Adalah dicadangkan bahawa program intervensi awal diperbanyakkan dan dipertingkatkan bagi CWLD. Hal ini adalah penting bagi memastikan kelancaran integrasi mereka ke dalam program pendidikan arus perdana yang mana akan memudahkan pembangunan dan pendidikan mereka.

- Keutamaan perlu diberikan kepada menaik taraf fasiliti di sekolah bagi menepati keperluan khas CWLD. Perkara ini hendaklah merangkumi bilik darjah yang luas, penyediaan bahan pengajaran yang sesuai dan pembinaan bilik sensori dan/atau 'snoezelen'. Memandangkan terdapat beberapa fasiliti yang memerlukan bajet yang lebih besar, Suruhanjaya mengesyorkan kerjasama antara Kerajaan dan sektor korporat bagi menggalakkan CSR dengan menaja fasiliti di sekolah khas.
- Seruan telah dibuat untuk meningkatkan bilangan sekolah yang menawarkan program Pendidikan Khas, khususnya di kawasan pedalaman. Kebanyakan program ini kini ditawarkan di kawasan bandar atau pinggir bandar. Boleh dikatakan, ibu bapa di kawasan pedalaman boleh menghantar anak mereka yang berkeperluan khas ke Pusat Dalam Komuniti. Walau bagaimanapun, PDK tidak mempunyai fungsi dan peranan yang sama seperti program Pendidikan Khas. Oleh itu, CWLD perlu dididik di sekolah sepertimana dikehendaki oleh CRC dan CRPD.
- Ibu bapa perlu menyokong pembangunan pendidikan anak-anak mereka melalui penglibatan dengan guru-guru dan sekolah.
- Perhatian utama perlu diberikan kepada penempatan guru-guru terlatih di dalam program Pendidikan Khas. Latihan berterusan kepada guru-guru ini dan pembantu mereka perlu diberi keutamaan.



Panel-panel di Forum mengenai Hak kepada Pendidikan bagi CWLD di Kota Kinabalu, Sabah; (dari kiri) Haji Ahmad Sabari Kamari, Ketua Sektor Pendidikan Khas dan Swasta, Jabatan Pendidikan Negeri; Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib-Pengerusi Suruhanjaya; Dr Fauziah Zainal Abidin, Pakar Kanak-kanak, Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Sabah; dan Puan Lily Chin, Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Negeri

- (iii) Bengkel berkenaan Hak Asasi Manusia kepada Guru-guru Pendidikan Khas
Dua bengkel latihan guru Pendidikan Khas telah dianjurkan oleh Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam Suruhanjaya. Bengkel-bengkel tersebut telah diadakan di Taiping, Perak dari 26-28 Jun bagi Zon Utara; dan di Cherating, Pahang, dari 29-31 Oktober bagi Zon Timur.
(lihat Laporan di muka surat 25)

Dalam menjalankan penyelidikannya, Suruhanjaya amat berbesar hati menerima kerjasama dan bantuan daripada Jabatan Pendidikan Khas, KPM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Secara khususnya, mereka telah berkongsi maklumat dan data berhubung CWLD. Oleh kerana perundingan lanjut diperlukan sebelum Suruhanjaya dapat melengkapkan laporannya, beberapa siri perbincangan susulan akan dilaksanakan pada 2014 bersama pihak berkepentingan termasuklah agensi Kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil.

(b) Hak Warga Emas

Oleh kerana hak terhadap warga emas semakin mendapat perhatian penting di peringkat antarabangsa dan serantau, Suruhanjaya merasakan adalah penting untuk mempromosi isu tersebut di Malaysia. Isu ini telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang keutamaan bagi tugas Bahagian sepanjang tahun ini. Memandangkan isu berkaitan hak kepada golongan ini sangat luas dan dalam masa yang sama mengambil kira sumber yang terhad, Suruhanjaya memilih perkhidmatan jagaan dan sokongan kepada penjaga sebagai langkah permulaan yang praktikal. Pada masa akan datang, Suruhanjaya berharap untuk meluaskan fokus kepada bidang lain termasuklah isu diskriminasi dalam pekerjaan dan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sebagai sebahagian daripada penyelidikan, termasuklah konsultasi, lawatan ke institusi jagaan dan seminar separuh hari (Jadual 2).

Jadual 2: Penyelidikan mengenai Hak Warga Emas, 2013

NO.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Konsultasi mengenai Hak Warga Emas di Malaysia	4 Februari
2.	Lawatan ke Rumah Seri Kenangan, Cheras, Kuala Lumpur	23 April
3.	Lawatan ke Pusat Jagaan <i>Lecadia Primacare Centre</i> , Pudu, Kuala Lumpur	23 April
4.	Lawatan ke Pusat Jagaan Harian Warga Emas, Cheras, Kuala Lumpur	11 Julai
5.	Seminar separuh hari mengenai Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, Kuala Lumpur	30 Julai
6.	Seminar separuh hari mengenai Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, Kota Kinabalu, Sabah	24 September
7.	Seminar separuh hari mengenai Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, Kuching, Sarawak	26 September

(i) Konsultasi mengenai hak warga emas

Objektif konsultasi adalah seperti berikut:

- Mendapatkan maklumat mengenai kewujudan badan-badan pertubuhan yang spesifik yang menentang diskriminasi berdasarkan umur atau mempunyai mandat untuk melindungi dan mempromosi hak warga emas, sekiranya ada;
- Mengkaji kewujudan undang-undang dan peruntukan perundangan yang melarang diskriminasi berdasarkan umur tua;
- Menganalisis undang-undang, dasar, amalan dan prosedur semasa serta pelan tindakan yang telah diterima pakai untuk memastikan warga emas menikmati hak mereka secara sama rata, khususnya dalam isu pencegahan dan perlindungan terhadap keganasan dan penderaan, perlindungan sosial, kediaman dan makanan, pekerjaan, kapasiti dari sisi undang-undang, akses kepada keadilan, sokongan penjagaan kesihatan, serta perkhidmatan jagaan jangka masa panjang dan paliatif; dan
- Saling bertukar pandangan mengenai cadangan untuk Konvensyen Mengenai Warga Emas PBB dan/atau ASEAN.

Seramai 28 orang peserta, terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan NGO, telah menengahkan isu seperti berikut:

- Ketidaksesuaian pembinaan beberapa fasiliti menjadi cabaran dan penghalang fizikal yang utama kepada warga emas
- Warga emas dinafikan akses kepada perkhidmatan kewangan, khususnya dalam kemudahan pinjaman. Mereka dianggap sebagai tidak berkelayakan disebabkan oleh faktor umur.
- Ramai warga emas tidak mempunyai dana yang mencukupi dan memerlukan bantuan untuk menempuhi tempoh persaraan mereka. Bagi warga emas yang bekerja sendiri, mereka lebih terdedah kepada kemiskinan di hari tua mereka.
- Warga emas sering menderita penyakit diabetes, jantung dan tekanan darah tinggi. Oleh itu, mereka memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan dan boleh diakses, termasuklah pemeriksaan kesihatan.
- Jarak ke hospital dan klinik boleh menyumbang kepada masalah pengangkutan. Oleh itu, perkhidmatan penjagaan kesihatan hendaklah disediakan dalam atau berhampiran kawasan yang didiami oleh warga emas.
- Suruhanjaya menyedari bahawa Kementerian Kesihatan menghadapi masalah dana kewangan dan sumber manusia, dan keadaan ini telah menjejaskan perkhidmatan kepada warga emas. Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan perlu mencari

langkah menjalin kerjasama dengan pengusaha pusat perubatan swasta di bawah inisiatif CSR.

- Latihan perlu diperluaskan kepada semua pegawai perubatan, doktor, jururawat dan ahli paramedik dalam berurusan dengan warga emas, bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada kumpulan sasaran ini.
- Warga emas sering digambarkan sebagai golongan pemaarah dan terdedah kepada masalah kesihatan, yang merupakan halangan kepada mereka yang berkeinginan untuk bekerja semula.
- Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas dan undang-undang, dasar serta obligasi antarabangsa lain yang berkaitan, termasuklah CRPD yang turut terpakai kepada warga emas, harus diperketatkan untuk memastikan perlindungan hak sepenuhnya.

(ii) Lawatan ke pusat jagaan

Suruhanjaya telah melawat ke tiga jenis pusat jagaan yang masing-masing dikendalikan oleh Kerajaan, entiti swasta, dan Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia, iaitu sebuah NGO yang menerima bantuan kewangan separa daripada Kerajaan. Lawatan ini dijalankan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan perkhidmatan dan jenis sokongan yang diberi kepada penjaga, dan untuk menilai kesesuaian pusat jagaan itu. Beberapa isu telah berjaya dikenal pasti.

- Rumah Seri Kenangan, Cheras, Kuala Lumpur
Inisiatif Kerajaan untuk menubuhkan pusat ini adalah dipuji dan ia terletak di lokasi yang baik. Walau bagaimanapun:
 - Terdapat beberapa bahagian bangunan yang tidak boleh diakses oleh warga emas, khususnya mereka yang berkerusi roda.
 - Kerajaan perlu mempertimbangkan penempatan kakitangan perubatan di pusat berkenaan untuk mengendalikan isu kesihatan yang berlaku secara tiba-tiba.
 - Kekurangan kakitangan merupakan satu masalah serius yang memberi kesan kepada kemasukan warga emas. Suruhanjaya mencadangkan agar pengambilan kakitangan dipertingkatkan supaya pusat ini dapat digunakan sepenuhnya.



Lawatan Suruhanjaya ke Rumah Seri Kenangan, Cheras, Kuala Lumpur

- Pusat Jagaan *Lecadia Primacare Centre*, Jalan Pudu, Kuala Lumpur
 - Berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, pusat ini terpaksa mematuhi standard yang ditetapkan untuk rumah tumpangan, yang mengakibatkan kos pengendalian lebih tinggi. Suruhanjaya mencadangkan Kerajaan memberi bantuan subsidi untuk sebahagian daripada kos terbabit, antaranya bagi bil air dan elektrik. Pusat jagaan swasta juga perlu dikecualikan daripada cukai.
 - Oleh kerana bangunan ini didaftarkan sebagai premis komersial, tarif untuk utiliti adalah berdasarkan kepada kadar komersial. Kos tersebut kemudiannya diambil kira sebagai yuran yang dibayar oleh penghuni atau ahli keluarga mereka, yang mana menjejaskan kemampuan perkhidmatan penjagaan.
- Pusat Jagaan Harian Warga Emas, Cheras, Kuala Lumpur
Kerajaan boleh menyediakan lebih bantuan kepada pusat jagaan ini dalam bentuk kewangan atau sumber lain untuk menyokong aktiviti-aktiviti seperti latihan bahasa dan teknologi maklumat. Ini membolehkan warga emas memperoleh pendapatan dan meneruskan sumbangan mereka kepada masyarakat, serta memastikan masa mereka di pusat jagaan digunakan sepenuhnya secara efektif.

(iii) Seminar separuh hari

Tiga seminar yang memberi fokus terhadap perkhidmatan penjagaan kepada warga emas dan sokongan kepada penjaga, telah diadakan di semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk:

- Mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai perkhidmatan jagaan yang disediakan oleh Kerajaan, di kalangan pihak berkepentingan;
- Mengenal pasti tahap sokongan yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak berkepentingan lain kepada penjaga;
- Menganalisis isu dan cabaran sedia ada yang memberi kesan terhadap standard penjagaan yang disediakan di pusat jagaan swasta dan awam;
- Membincangkan keperluan untuk memperkenalkan undang-undang Negara untuk melindungi hak warga emas; dan
- Membentuk syor yang praktikal bagi pelaksanaan



Para peserta di Seminar Mengenai Perkhidmatan Jagaan Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, Kuala Lumpur

Seminar ini telah dibahagikan kepada dua sesi dan panel perbincangan yang terlibat diketuai oleh penceramah yang mewakili Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kumpulan masyarakat sivil, profesional perubatan dan ahli akademik. Para peserta terdiri daripada agensi Kerajaan, kumpulan masyarakat sivil, pusat penjagaan swasta, ahli akademik dan profesional perubatan. Perbincangan yang dijalankan meliputi beberapa perkara:

- Kerajaan mempunyai peranan dalam menyediakan perkhidmatan jagaan kepada warga emas dan sokongan kepada penjaga termasuklah NGO, ahli keluarga, dan pengusaha pusat jagaan swasta. Terdapat kebimbangan mengenai bilangan terhad rumah warga emas dan pusat aktiviti warga emas yang dibiayai oleh Kerajaan, serta bantuan kewangan kepada warga emas.
- Kerajaan dikehendaki untuk memantau pusat jagaan swasta di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 di Semenanjung dan Sabah. Standard bagi pusat jagaan swasta perlu diteliti, supaya eksploitasi tidak berlaku.
- Kesedaran perlu diwujudkan di kalangan masyarakat mengenai hak warga emas, supaya hak mereka dapat dilindungi dan penjagaan yang berkualiti dapat disediakan.
- Isu beratur panjang di hospital awam telah ditegaskan sekali lagi, selain isu kekurangan ahli gerontologi dan pengamal penjagaan kesihatan asas.
- Dicadangkan agar bantuan kewangan dan sokongan teknikal diberikan kepada penjaga swasta, termasuklah pengusaha pusat jagaan dan individu. Hal ini penting sekiranya, tujuan adalah untuk beralih daripada penjagaan yang berasaskan Kerajaan kepada yang disediakan oleh masyarakat dan pihak swasta.
- Keistimewaan khas kepada warga emas, seperti diskaun, perlu diperluaskan. Pada waktu yang sama, warga emas perlu berusaha untuk menjadi lebih proaktif dan berdikari, dalam usaha mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan kerajaan.
- Berhubung dengan perlindungan perundangan kepada hak warga emas, terdapat perbezaan pandangan antara penguatkuasaan undang-undang sedia ada dan penggubalan undang-undang baru. Faktor sosial dan kebudayaan juga telah dinyatakan bersama-sama dengan hubungan ibu bapa dan anak, yang mana adalah bersifat peribadi secara semulajadi.
- Kepentingan pangkalan data yang dikemas kini ditegaskan untuk menyediakan asas dalam pembangunan dasar atau undang-undang untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan hak warga emas.

(c) Hak Asasi Manusia dan Perniagaan

Secara tradisinya, pelaksanaan hak asasi manusia merupakan tanggungjawab Negara. Namun demikian, pertumbuhan pesat syarikat dan kesan perniagaan terhadap kehidupan masyarakat telah menimbulkan perdebatan global mengenai peranan dan tanggungjawab sektor perniagaan terhadap hak asasi manusia.

Pada Jun 2011, Majlis Hak Asasi Manusia telah menerima pakai Prinsip-prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (Prinsip-prinsip Panduan). Prinsip-prinsip panduan ini telah dibentuk oleh Profesor John Ruggie, Wakil Khas Setiausaha Agung PBB bagi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan. Prinsip-prinsip panduan tersebut menekankan tanggungjawab Negara untuk melindungi hak asasi manusia; memastikan aktor-aktor lain menghormati hak asasi manusia dan memastikan akses kepada remedi jika berlaku pencabulan hak asasi manusia.

Secara tradisinya, pelaksanaan hak asasi manusia merupakan tanggungjawab Negara. Namun demikian, pertumbuhan pesat syarikat dan kesan perniagaan terhadap kehidupan masyarakat telah menimbulkan perdebatan global berhubung dengan peranan dan tanggungjawab sektor perniagaan terhadap hak asasi manusia.

Di Malaysia, kesan aktiviti perniagaan kepada hak asasi manusia menjadi lebih ketara. Banyak pihak melahirkan kebimbangan terhadap sikap sembarangan pihak syarikat ketika menjalankan aktiviti mereka. Tahap pemahaman mereka terhadap hak asasi manusia dan tanggungjawab sosial serta komitmen untuk memenuhi tanggungjawab ini, masih di peringkat awal. Oleh itu, Suruhanjaya akan melaksanakan lebih banyak program kesedaran untuk sektor perniagaan termasuklah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

(i) Projek Penyelidikan SUHAKAM-RWI

Pada akhir tahun 2012, *Raoul Wallenberg Institute of Human Rights and Humanitarian Law* (RWI) telah memberikan geran penyelidikan kepada Suruhanjaya untuk menjalankan penyelidikan mengenai 'Peranan SUHAKAM dalam Menangani Pencabulan Hak Asasi Manusia oleh Sektor Korporat: Kajian terhadap Syarikat Pembalakan dan Perladangan di Malaysia'. Suruhanjaya telah memilih topik berdasarkan isu yang dibangkitkan semasa Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (NI).

Suruhanjaya juga telah menganjurkan perbincangan berasingan dengan industri ini dan mangsa yang terlibat terutamanya melibatkan masyarakat Orang Asal bertujuan untuk mengumpulkan maklumat. Laporan itu telah dikemukakan kepada RWI pada 19 Disember 2013, mengetengahkan hasil dapatan seperti berikut:

- Orang Asal (OA) mendakwa syarikat perladangan dan pembalakan telah gagal untuk menghormati dan mengakui Hak Tanah Adat OA (NCR). Dalam kebanyakan situasi, syarikat telah mengabaikan atau gagal untuk berunding dengan masyarakat sebelum

memulakan operasi, dengan itu melanggar prinsip keizinan berasaskan maklumat awal, bebas dan telus.

- OA percaya bahawa syarikat ini dengan mudahnya memanipulasi mereka kerana kekurangan pengetahuan pendidikan dan kefahaman hak asasi manusia. Mereka juga mendakwa bahawa syarikat telah memalsukan tandatangan mereka untuk meneruskan aktiviti perniagaan.
- Walaupun OA telah membuat laporan dengan agensi Kerajaan yang berkaitan, mereka mendakwa bahawa tiada tindakan diambil dan hak NCR mereka tidak diiktiraf. Terdapat juga dakwaan bahawa mereka mempunyai akses yang terhad kepada remedi, terutamanya melalui mekanisme tuntutan yang tidak melibatkan perundangan.
- Dalam perkembangan positif, kebanyakan syarikat perladangan dan pembalakan telah membentuk amalan terbaik dalam mengendalikan pencabulan hak asasi manusia yang didakwa timbul daripada operasi mereka, terutamanya berkaitan dengan pekerja migran.
- Kebanyakan syarikat, seperti *Sime Darby Plantation Sdn Bhd*, *United Plantation Sdn Bhd* dan *Genting Plantation Bhd*, merupakan ahli kepada "Roundtable Discussion on Sustainable Palm Oil (RSPO)" dan disenaraikan di Bursa Malaysia. Ini bermakna mereka telah mengambil langkah-langkah untuk menerapkan CSR sebagai satu usaha sampingan bagi perjalanan perniagaan.
- Suruhanjaya difahamkan bahawa syarikat mematuhi undang-undang dan prosedur tempatan dengan tegas dalam hal-hal yang melibatkan tanah dan OA.

Syor Suruhanjaya

Melibatkan dua bahagian.

1. Peranan Suruhanjaya dalam menangani pencabulan hak asasi manusia oleh sektor korporat
 - Suruhanjaya dikehendaki untuk menggiatkan peranannya dalam meningkatkan kesedaran mengenai kesan perniagaan terhadap hak asasi manusia dan mempromosi Prinsip-prinsip Panduan di kalangan syarikat.
 - Suruhanjaya dikehendaki untuk mengendalikan latihan dan menyediakan sokongan kepada pihak pengurusan dan pekerja syarikat untuk melaksanakan amalan terbaik hak asasi manusia dalam kerja harian mereka.
 - Suruhanjaya dengan kerjasama pihak berkepentingan yang lain perlu membentuk mekanisme pemantauan mengenai pencabulan hak asasi manusia di sektor korporat.
 - Suruhanjaya dikehendaki untuk bertindak sebagai pengantara dalam menangani dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh syarikat.

- Suruhanjaya dikehendaki bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes mahkamah yang berkaitan dengan dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh syarikat.

2. Peranan Kerajaan dan Aktor bukan Kerajaan

- Kerajaan merupakan pihak berkewajipan utama dalam mencegah pencabulan hak asasi manusia oleh pihak ketiga termasuklah syarikat. Ia perlu mengambil langkah-langkah untuk mencegah, menyiasat, menghukum serta membetulkan penyalahgunaan itu melalui dasar, undang-undang dan peraturan yang efektif.
- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang bertujuan, atau yang berkesan untuk menuntut syarikat perladangan dan pembalakan menghormati hak asasi manusia; ia perlu menilai keberkesanan undang-undang tersebut secara berkala dan menangani sebarang jurang.
- Kerajaan perlu memastikan undang-undang dan dasar lain yang mengawal penubuhan dan operasi syarikat perladangan dan pembalakan - seperti undang-undang korporat - tidak mengekang tetapi membolehkan hak asasi manusia dihormati.
- Kerajaan perlu mengambil langkah yang sesuai bagi memastikan - melalui kehakiman, pentadbiran, perundangan atau cara lain yang bersesuaian - bahawa mereka yang terjejas akibat pelanggaran hak asasi manusia oleh industri perladangan dan pembalakan, khususnya OA, perlu mempunyai akses kepada remedi yang efektif.
- Kerajaan perlu menawarkan insentif cukai, geran korporat atau bantuan kewangan lain kepada syarikat perladangan dan pembalakan yang menghormati standard hak asasi manusia, pada masa yang sama menggalakkan mereka mematuhi secara sukarela.
- Suruhanjaya akur bahawa syarikat perladangan dan pembalakan perlu meraih keuntungan walaupun begitu, pada masa yang sama menekankan bahawa mereka juga harus menghormati hak asasi manusia. Seterusnya, ia akan mempromosi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan rakyat. Oleh itu:
 - Hak asasi manusia perlu diterapkan ke dalam strategi perniagaan dan operasi syarikat. Mengelak daripada tanggungjawab itu boleh menyebabkan hilangnya rasa yakin di kalangan pengguna, yang semakin menyedari tentang kepentingan hak asasi manusia. Mereka bukan hanya berminat kepada produk berkualiti, malah turut prihatin mengenai keadaan sosial dan alam sekitar di sebalik jenama dan proses pengeluaran. Sektor korporat di Malaysia harus berani mendapak nilai hak asasi manusia bagi kepentingan kemampuannya.
 - Syarikat perladangan dan pembalakan perlu mewujudkan kod amalan terbaik supaya mereka boleh merancang aspek yang perlu diperbaiki. Kod ini akan mengurangkan risiko pelanggaran hak asasi pihak terjejas, termasuklah OA akibat daripada operasi mereka.

- (ii) Impak Perjanjian Perkongsian Trans-Asia Pasifik (TPPA) terhadap Hak Asasi Manusia di Malaysia Prinsip ke-9 Prinsip-Prinsip Panduan mengkehendaki Kerajaan, di samping melindungi pelabur, mengekalkan dasar dan keupayaan peraturan untuk melindungi hak asasi manusia dalam perundingan triti pelaburan, perjanjian perdagangan bebas atau kontrak pelaburan. Suruhanjaya telah memantau perundingan mengenai TPPA bagi memastikan Kerajaan meletakkan perlindungan yang sewajarnya sebagaimana yang dihuraikan di bawah Prinsip ke-9 ini.

Selain melindungi pelabur, Prinsip ke-9 Prinsip-Prinsip Panduan mengkehendaki Kerajaan untuk mengekalkan dasar dan peraturan yang dapat melindungi hak asasi manusia dalam perundingan triti, perjanjian perdagangan bebas atau kontrak pelaburan.

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012, punca utama kepada ketidakpuasan hati di kalangan kumpulan berkepentingan adalah kurangnya konsultasi awam. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengambil langkah positif bagi mengatasi hal ini. Pada 1 Ogos, MITI telah menganjurkan hari terbuka untuk menerangkan rasional bagi Malaysia menyertai perundingan TPPA dan bagi mendapatkan maklum balas. Kebimbangan berikut diketengahkan:

- Cadangan untuk mengukuhkan perlindungan harta intelek akan memanjangkan tempoh hakcipta dan paten, dan memperkenalkan satu peruntukan mengenai data *exclusivity* sebagai salah satu bentuk halangan pentadbiran terhadap pemasaran ubat-ubatan generik. Langkah ini boleh melambatkan pemasaran ubat-ubatan generik dan menyebabkan harga ubat-ubatan kekal tinggi bagi suatu tempoh yang panjang.
- Berhubung dengan kesan liberalisasi perdagangan, pengurangan tarif atau cukai import akan menimbulkan masalah kepada syarikat tempatan, khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS), yang perlu bersaing dengan barangan import yang lebih murah harganya disebabkan oleh subsidi tinggi dari negara asal. Tambahan pula, pengurangan tarif boleh menyebabkan ramai individu hilang pekerjaan memandangkan IKS tidak mempunyai kapasiti kewangan sebagaimana syarikat besar lain dalam menerima perubahan ini.
- Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Kerajaan-Pelabur (ISDS) telah diwujudkan di bawah Konvensyen Penyelesaian Pertikaian Pelaburan antara Kerajaan dan Warganegara Negara Lain. ISDS membenarkan pelabur luar untuk memulakan prosiding penyelesaian pertikaian terhadap Negara tuan rumah. Di bawah cadangan TPPA, syarikat multi-nasional secara efektif mempunyai kuasa untuk menyaman Negara yang mana undang-undangnya boleh menyusutkan nilai syarikat mereka atau mengurangkan jangkaan keuntungan mereka. Mereka juga berupaya menjejaskan kawalan domestik oleh Negara tuan rumah.

Selain mengalu-alukan jalinan hubungan antara MITI dengan masyarakat awam, Suruhanjaya juga memuji jaminan yang diberikan oleh Menteri, YB Dato' Sri Mustapha Mohamed bahawa semua kebimbangan yang dibangkitkan semasa hari terbuka akan diberi pertimbangan oleh kumpulan perunding. Beliau berjanji bahawa lebih banyak perundingan akan diadakan dengan pihak berkepentingan untuk berkongsi maklumat mengenai perkembangan rundingan.

Pada 6 September, MITI menganjurkan perbincangan tertutup dan menyediakan laporan terkini berkenaan perundingan kali ke-19 yang diadakan di Brunei dari 21-31 Ogos. Semasa perbincangan tersebut, Suruhanjaya telah mengulangi seruannya kepada Kerajaan untuk memastikan segala perjanjian perdagangan adalah selari dengan obligasi di bawah triti PBB yang telah ditandatangani oleh Malaysia iaitu CRC, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan CRPD.

2. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

(a) Pemantauan Pelaksanaan Negara terhadap Triti Antarabangsa

(i) CEDAW

Suruhanjaya mendapati bahawa Kerajaan lewat mengemukakan Laporan Negara ke-3, ke-4 dan ke-5 kepada Jawatankuasa CEDAW. Dalam mesyuarat bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 10 Oktober, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah merancang untuk mengemukakan tiga Laporan tersebut pada penghujung tahun ini. Namun ketika laporan ini ditulis, rancangan tersebut masih belum dilaksanakan. Suruhanjaya telah melengkapkan Laporan Bebas yang mana akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW selepas Laporan Negara dikemukakan. Suruhanjaya menggesa supaya Kerajaan dapat mempercepatkan proses mengemukakan Laporan Negara tersebut.

(ii) CRC

Kerajaan telah lewat mengemukakan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 kepada Jawatankuasa CRC. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah menyediakan draf Laporan Bebas berdasarkan kepada pemantauan terhadap perkembangan Kerajaan dalam melaksanakan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa CRC dalam Pemerhatian Akhir 2007.

Draf Laporan Bebas tersebut mengetengahkan beberapa isu yang menjadi perhatian termasuklah saranan Suruhanjaya kepada Kerajaan untuk menarik balik baki reservasi kepada CRC, untuk mempertimbangkan penyertaan kepada Protokol Pilihan Ketiga dalam CRC berkenaan Prosedur Komunikasi; untuk meletakkan undang-undang selari dengan standard antarabangsa dalam melindungi kanak-kanak dari hukuman rotan; dan untuk melindungi hak kanak-kanak golongan rentan (termasuklah kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak Orang Asal, kanak-kanak pelarian dan pencari suaka, dan kanak-kanak yang tiada status kewarganegaraan) kepada pendidikan, kesihatan dan pemulihan keadilan.

(iii) CRPD

Sejak penyertaan kepada Konvensyen tersebut pada tahun 2010, Malaysia masih belum mengemukakan Laporan Negara, yang sepatutnya dikemukakan sebelum akhir tahun 2012 kepada Jawatankuasa CRPD. Namun, ketika laporan ini ditulis, KPWKM masih dalam proses penyediaan Laporan Negara tersebut.

Sementara itu, Suruhanjaya telah mula merangka Laporan Bebas berdasarkan pemerhatiannya kepada pelaksanaan hak orang kurang upaya (OKU) berhubung dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008; kuasa Majlis Kebangsaan bagi OKU; pendaftaran OKU; akses kepada bangunan awam dan pengangkutan awam; dan hak kepada maklumat, penjagaan kesihatan, perumahan dan pekerjaan. Dalam laporan akhir tersebut, Suruhanjaya akan mengulangi seruannya kepada Kerajaan supaya menarik balik baki reservasi kepada CRPD dan meratifikasi Protokol Pilihan.

(b) Ratifikasi/Penyertaan kepada Triti-triti Antarabangsa

Suruhanjaya sentiasa konsisten dalam gesaannya kepada Kerajaan untuk menyertai triti antarabangsa hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, sehingga kini, Malaysia hanya menyertai tiga daripada sembilan triti utama hak asasi manusia PBB.

Untuk menganjak proses tersebut, Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa perbincangan berasingan mengenai kebolehlaksanaan penyertaan kepada ICCPR, ICESCR dan ICERD. Perbincangan berkenaan bertujuan untuk memberi gambaran keseluruhan triti tersebut dan obligasinya; menganalisis cabaran dan isu, termasuklah undang-undang dan dasar yang menghalang penyertaan dan merumuskan cadangan yang dapat dilaksanakan ke arah penyertaan. Setiap perbincangan telah dibahagikan kepada dua sesi, masing-masing bersama kumpulan masyarakat sivil dan agensi Kerajaan yang berkenaan.

(i) Perbincangan ICCPR

Suruhanjaya telah mengadakan pertemuan bersama kumpulan masyarakat sivil pada 18 April dan agensi Kerajaan pada 22 Ogos, di Kuala Lumpur. Beberapa pandangan telah dinyatakan mengenai beberapa peruntukan yang terdapat dalam ICCPR, iaitu:

- Artikel 6 (Hukuman mati)
Perancangan Kerajaan untuk mengkaji semula hukuman mati mandatori bagi pesalah dadah dipuji kerana jenayah itu tidak dianggap sebagai jenayah yang paling serius, berbanding dengan kesalahan membunuh. Adalah disyorkan bahawa Kerajaan menimbangankan moratorium ke atas hukuman mati atau menggantikannya dengan hukuman penjara seumur hidup, terutamanya bagi mereka yang telah menjalani hukuman tersebut melebihi tempoh lima tahun.
- Artikel 9 (Tangkapan atau penahanan secara sewenang-wenangnya)
Peserta merasakan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 boleh dieksploitasi kerana polis mempunyai kuasa untuk menahan sesiapa yang dipercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan. Sebagai contoh, seksyen 4(5) menyatakan bahawa seorang pegawai polis yang berpangkat Supritenden boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh maksimum 28 hari bagi maksud penyiasatan.

- Artikel 22 (Kebebasan berpersatuan)
Para peserta perbincangan melahirkan kebimbangan bahawa Pendaftar Pertubuhan mempunyai kuasa untuk menolak pendaftaran sesebuah persatuan, di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966. Adalah dipersetujui bahawa pendaftaran tersebut hendaklah semata-mata bagi tujuan pentadbiran dan bukan untuk menyekat kebebasan berpersatuan.

(ii) Perbincangan ICESCR

Mesyuarat bersama kumpulan masyarakat sivil dan agensi Kerajaan telah diadakan pada 27 Mac dan 22 Ogos di Kuala Lumpur. Perbincangan tersebut menumpukan kepada beberapa isu:



*Perbincangan ICESCR
bersama NGO di
Kuala Lumpur*

- Artikel 13 dan Artikel 14 (Hak kepada pendidikan)
KPM telah memperkenalkan skim '*Literasi and Numeracy Screening*' untuk menangani kadar buta huruf yang tinggi di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah menyumbang kepada peningkatan yang perlahan kadar celik huruf di kalangan pelajar OA. Adalah dicadangkan supaya guru-guru perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas Bahasa Orang Asal/Asli, bagi membantu pelajar lebih memahami pelajaran yang diajar.
- Artikel 12 (Hak kepada kesihatan)
 - Dalam membangunkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, Kerajaan dilihat menganggap isu ini sebagai komoditi dan bukannya satu perkhidmatan yang penting. Turut diperkatakan bahawa hak kepada kesihatan adalah saling berkait dengan hak kepada pekerjaan yang baik, pendidikan dan kemiskinan.
 - Terdapat ketidaksamaan pengagihan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, terutamanya di kawasan pedalaman yang didiami oleh OA. Ia seolah-olah kelihatan bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan secara keseluruhannya bertambah baik, seperti yang terbukti melalui peningkatan jangka hayat. Walau bagaimanapun, taburan data berdasarkan kawasan geografi, jantina dan kumpulan etnik telah menunjukkan sebaliknya.

- Artikel 11 (Hak kepada perumahan yang mencukupi)
 - Peserta telah membangkitkan kebimbangan berhubung pembinaan rumah untuk OA kerana pembinaan rumah tersebut tidak mengambil kira identiti budaya dan cara hidup mereka.
 - Hak untuk perumahan yang mencukupi termasuklah keperluan lokasi yang membolehkan akses kepada pilihan pekerjaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, sekolah, pusat jagaan kanak-kanak dan fasiliti sosial yang lain. Walau bagaimanapun, komuniti OA yang telah dipindahkan dari tapak Empangan Bakun di Sarawak menghadapi beberapa masalah. Mereka mendakwa bahawa rumah yang dibina adalah tidak berkualiti, selain kekurangan kemudahan asas seperti sekolah atau klinik. Penduduk kampung terpaksa bergerak ke kawasan penempatan semula Sungai Asap, yang agak jauh, untuk mengakses kemudahan tersebut.
- Hak untuk membentuk sebuah keluarga
Golongan *lesbian, gay, biseksual* dan pasangan *transgender* tidak dibenarkan untuk mengambil anak angkat secara sah di Malaysia. Perkara ini melanggar hak mereka untuk membentuk sebuah keluarga. Selain itu, pekerja asing juga tidak dibenarkan untuk berkahwin semasa berada di Malaysia.
- Hak kepada kebudayaan
Akta Kerajaan Tempatan di Kelantan dan Terengganu melarang aktiviti kebudayaan tertentu seperti persembahan Mak Yong. Di samping itu, wanita Muslim yang berusia lebih daripada 18 tahun tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana persembahan atau aktiviti kebudayaan.
- Hak kepada pendidikan
Jumlah kanak-kanak pelarian semakin meningkat di Malaysia. Undang-undang domestik tidak mengiktiraf hak mereka kepada pendidikan.
- Hak kepada pekerjaan
Wujud diskriminasi terhadap OA yang menerima gaji jauh lebih rendah berbanding pekerja migran.
- Hak pekerja migran
 - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia menggesa Kerajaan supaya merangka undang-undang untuk melindungi pekerja migran daripada majikan yang tidak bertanggungjawab, namun maklum balas tidak begitu memberangsangkan. Pada masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang semasa adalah lemah. Sebagai contoh, walaupun dengan adanya Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273), masih terdapat banyak kes yang mana pekerja migran belum menerima pampasan.
 - Hospital dan klinik Kerajaan mengenakan caj yang tinggi kepada pekerja migran yang mendapatkan rawatan. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang turut dibebani dengan keperluan membayar levi.

- Kuarters kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja migran secara amnya berada dalam keadaan teruk dan mempunyai kemudahan sanitasi yang kurang sempurna.

(iii) Perbincangan ICERD

Perbincangan secara berasingan telah diadakan di Kuala Lumpur pada 3 April bersama dua kumpulan pihak berkepentingan. Mereka mengetengahkan isu seperti berikut:

- Keistimewaan Khas bagi Bumiputera di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan boleh menjadi isu penyertaan Malaysia kepada ICERD walaupun telah dihujah bahawa ianya boleh diselaraskan dengan peruntukan yang membenarkan langkah-langkah khas.
- Dasar yang memberi keutamaan kepada Bumiputera boleh ditafsirkan sebagai diskriminasi. Ia berkaitan dengan perniagaan, pendidikan, pekerjaan dalam sektor awam dan pemilikan harta.
- Sesetengah undang-undang yang mungkin dianggap diskriminasi, khususnya yang melibatkan pemilikan Tanah Rizab Orang Melayu dan sekatan ke atas pemilikan tanah di negeri-negeri tertentu sebagai contoh negeri Sarawak dan Kelantan yang menghadkan pemilikan tanah kepada rakyat di negeri tersebut.
- Kebanyakan orang Melayu percaya bahawa prinsip hak asasi manusia adalah bercanggah dengan ajaran Islam dan dengan itu ia adalah tidak relevan kepada Malaysia. Perbincangan ini juga mendapati bahawa Islam tidak sepatutnya dijadikan penghalang. Adalah menjadi tanggungjawab kumpulan masyarakat sivil untuk mendidik orang ramai mengenai kesesuaian prinsip hak asasi manusia dan ajaran Islam, manakala pakar dalam bidang undang-undang Syariah dan hak asasi manusia perlu mengkaji isu yang timbul.
- Terdapat keperluan kepada kehendak dan ketelusan politik untuk memastikan bahawa langkah-langkah khas diterima oleh kumpulan sasaran dan tidak disalahgunakan oleh golongan elit.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Teknikal untuk mengkaji kebolehlaksanaan menjadi Negara Ahli kepada ICESCR, ICCPR, ICERD dan CAT. Suruhanjaya berharap untuk melibatkan diri secara aktif dengan Jawatankuasa Kecil tersebut. Walaupun Suruhanjaya menghormati pendirian Kerajaan bahawa semua undang-undang dan dasar domestik perlu mematuhi sepenuhnya obligasi triti sebelum penyertaannya, ia berpendapat bahawa langkah segera perlu diambil untuk mengkaji semula semua undang-undang dan dasar yang terpakai.

(c) Peranan Suruhanjaya di Mahkamah

Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes yang melibatkan permohonan hak penjagaan seorang dewasa bermasalah pembelajaran. Memandangkan ini merupakan kali pertama kes seperti ini dibawa ke perhatian Suruhanjaya, ia melihat adalah

penting bagi membantu mahkamah dalam mengguna pakai prinsip CRPD - Artikel 23 yang memperkatakan mengenai menghormati hak OKU kepada perkahwinan, keluarga dan keibubapaan; dan Artikel 19 yang menekankan aspek menghormati hak OKU untuk hidup, mengambil bahagian dan diterima dalam masyarakat. Encik Andrew Khoo, seorang peguam dari Majlis Peguam, bertindak mewakili Suruhanjaya dalam kes ini. Kes ini masih belum diputuskan oleh mahkamah.

Suruhanjaya juga telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes *Chayed bin Basirun & 5 orang yang lain lwn Noorfadilla binti Ahmad Saikin* di Mahkamah Rayuan. Kes ini melibatkan rayuan oleh Kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang diputuskan pada tahun 2011. Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam kes ini telah memutuskan bahawa pembatalan Kerajaan bagi tawaran pekerjaan sebagai guru sementara kepada Noorfadilla Ahmad Saikin kerana kehamilannya, tidak mematuhi perlembagaan dan melanggar komitmen dan obligasi Malaysia sebagai Negara Ahli kepada CEDAW. Suruhanjaya diwakili oleh Naib-Pengerusi, Datuk Dr Khaw Lake Tee dan Encik Andrew Khoo, peguam dari Majlis Peguam. Pada 27 Jun, Kerajaan telah menarik balik rayuan tersebut, yang mana ia merupakan satu langkah yang telah dipuji oleh pelbagai pihak termasuk Suruhanjaya.

(d) Penyemakan Undang-undang

Menteri dan pegawai kanan Kerajaan telah menyatakan sebelum ini bahawa Suruhanjaya dan kumpulan masyarakat sivil akan dirujuk terlebih dahulu dalam proses perancangan Kerajaan untuk menyemak semula undang-undang dan dasar. Pada hakikatnya, khususnya pada tahun yang diteliti, Suruhanjaya tidak dirujuk pada mana-mana proses berkenaan. Oleh itu, Suruhanjaya menegaskan bahawa Artikel 2 Prinsip Paris mengkehendaki Institusi Hak Asasi Manusia Nasional diberi mandat yang sesuai agar dapat menyalurkan pendapat dan syor kepada Kerajaan, Parlimen atau badan lain yang bertanggungjawab mengenai hal-hal perundangan atau pentadbiran. Ini bertujuan untuk menggalakkan penyelarasan amalan dan undang-undang Negara dengan instrumen antarabangsa hak asasi manusia, serta memastikan pelaksanaan yang berkesan.

Suruhanjaya telah mengkaji lima Pindaan Rang Undang-undang yang diperkenalkan pada tahun ini.

(i) Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013

Dengan mengulangi sokongannya terhadap usaha Kerajaan untuk menangani jenayah yang serius, Suruhanjaya telah menyatakan reservasi kepada pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959, seperti yang digambarkan di dalam Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Suruhanjaya berpendapat bahawa sesetengah peruntukan, khususnya yang berkaitan dengan penahanan tanpa bicara dan akses kepada peguam, adalah tidak selaras dengan prinsip asas hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Pindaan kepada seksyen 9(1) yang mengkehendaki laporan inkuiri dikemukakan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (Lembaga) dan bukannya kepada Menteri. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya memandang serius mengenai seksyen baru 9(5) dan

9A(2) yang mana menafikan hak seseorang untuk mendapatkan akses kepada peguam sepertimana yang dijamin oleh Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 7 UDHR.

Seksyen 7C memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengeluarkan perintah tahanan terhadap seseorang yang telah melakukan dua atau lebih kesalahan yang serius, sama ada dia telah disabitkan atau tidak, dan hanya semata-mata atas keterangan yang mencukupi. Suruhanjaya berpendapat bahawa perkara ini melanggar hak seseorang kepada percabangan yang adil dan perlindungan terhadap percabangan yang berulang, serta hak kepada kesaksamaan di sisi undang-undang dan dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah, sepertimana yang ditetapkan di bawah Perkara 7(2) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 15A menghalang semakan kehakiman terhadap keputusan Lembaga kecuali mengenai perkara prosedur, sekali gus menafikan hak individu yang terkilan kepada akses mahkamah dengan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.

Dalam usaha Kerajaan untuk memerangi jenayah, adalah penting untuk memastikan bahawa undang-undang yang digubal adalah bersifat progresif dan bukannya retrogresif. Harus diingatkan bahawa Malaysia merupakan anggota kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB; oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mendukung standard tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Suruhanjaya mendapati adalah penting bagi Kerajaan untuk menyemak semula pindaan dengan mengambil kira prinsip hak asasi manusia, iaitu:

- Penahanan hendaklah tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya;
- Penahanan hendaklah berdasarkan asas dan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang;
- Maklumat hendaklah diberikan berhubung asas penahanan; dan
- Hak kepada percabangan yang adil dan akses kepada peguam perlu didukung dan dilindungi.

(ii) Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013

Suruhanjaya mengalu-alukan pengenalan seksyen 326A, 352A dan 375B dan pindaan kepada seksyen 376(2), 376B dan 377CA Kanun Keseksaan. Pindaan ini meningkatkan perlindungan ke atas wanita daripada keganasan domestik dan seksual serta sejajar dengan obligasi Kerajaan di bawah CEDAW. Pindaan kepada seksyen 377E, untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan menghasut kanak-kanak berkelakuan suam, memenuhi obligasi di bawah Artikel 34 CRC, yang mana Negara Ahli dikehendaki untuk melindungi kanak-kanak terhadap segala bentuk eksploitasi seks dan penderaan seksual.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berasa bimbang bahawa rogol dalam perkahwinan masih dikecualikan di bawah seksyen 375. Suruhanjaya mengulangi seruannya supaya rogol dalam perkahwinan dianggap sebagai jenayah. Jawatankuasa CEDAW dalam Komen Kesimpulan No 22³ telah meminta Malaysia untuk menggubal undang-undang yang

3 CEDAW/C/MYS/CO2

menganggap rogol dalam perkahwinan sebagai jenayah. Definisi ini adalah berdasarkan kepada ketiadaan persetujuan di pihak isteri iaitu:

- Artikel 16(1)(c)⁴ CEDAW adalah jelas bahawa pasangan suami isteri mempunyai hak yang sama dalam perkahwinan. Seorang isteri tidak berada di bawah kuasa atau tunduk kepada suami.
- Artikel 2 Pengisytiharan PBB mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita, mentakrifkan 'rogol dalam perkahwinan' sebagai keganasan terhadap wanita, yang menafikan hak wanita untuk menikmati sepenuhnya hak asasi manusia dan kebebasan asas.

Suruhanjaya juga melahirkan kebimbangan dengan pengenalan seksyen 203A. Ia memperuntukkan satu kesalahan baru berhubung dengan pendedahan maklumat yang membawa kepada hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Walaupun menyedari terdapat perbezaan pendapat yang menyatakan peruntukan tersebut perlu bagi membendung kebocoran maklumat yang boleh menggugat keselamatan Negara, Suruhanjaya berpendapat ia akan mengurangkan lagi hak kepada maklumat. Oleh itu, Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa supaya memastikan keseimbangan yang adil antara keselamatan Negara dan hak asas individu.

(iii) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 (SOSMA)

Antara pindaan Akta tersebut ialah berkenaan Jadual Pertama kepada SOSMA dengan memasukkan dua kesalahan keselamatan yang baru: iaitu jenayah terancang di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan dan penyeludupan migran di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Memandangkan rangka kerja dan objektif SOSMA,⁵ adalah untuk menangani aktiviti pengganas, Suruhanjaya berpendapat bahawa ia akan menjadi lebih sesuai bagi tertuduh dalam kes jenayah terancang dan penyeludupan migran untuk disiasat, didakwa dan dihukum di bawah undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan tersebut.

(iv) Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2013

Di antara pindaannya ialah klausa baru 265A, 265B dan 265C yang menekankan isu mengenai saksi yang enggan hadir untuk memberi keterangan kerana bimbang keselamatan mereka terjejas jika identiti mereka didedahkan. Pindaan tersebut membenarkan keterangan mereka diambil dengan cara mereka tidak dapat dilihat atau didengar oleh kedua-dua tertuduh dan peguam. Pindaan itu juga membolehkan suara mereka diolah jika mereka merasakan bahawa terdapat bahaya dalam pengenalan tersebut.⁶

(v) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2013

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi kebolehterimaan keterangan yang diberi di bawah cadangan seksyen 265A Rang Undang-Undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2013 berhubung dengan saksi yang dilindungi.⁷ Walaupun

4 Malaysia telah menyatakan reservasi kepada artikel ini

5 Satu peruntukan kontroversi ialah penahanan seorang suspek selama 28 hari oleh polis dan kekurangan pengawasan kehakiman apabila tempoh tahanan itu dilanjutkan sehingga 28 hari

6 Kenyataan keterangan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2013

7 Kenyataan keterangan Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2013

Suruhanjaya mengakui kepentingan melindungi saksi, ia berpendapat bahawa hak seseorang tertuduh kepada perbicaraan yang adil mungkin boleh diprejudis apabila berdepan dengan peruntukan kerahsiaan tersebut. Ia akan menafikan tertuduh, melalui peguamnya, akses kehakiman kepada saksi.

Pada penghujung tahun ini, Parlimen telah meluluskan Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013, dan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Walau bagaimanapun, semua akta ini masih belum dikuatkuasakan. Kerajaan telah menarik balik Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2013 dalam usaha untuk memperhalusi semula cadangan tersebut.⁸ Suruhanjaya menyambut baik langkah itu dan berharap supaya Suruhanjaya akan dirujuk semasa proses semakan semula.

(e) Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIP)

Malaysia diletakkan di Kedudukan Kedua, Senarai Pemerhati oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) 2013, bagi tahun keempat berturut-turut. Hal ini adalah disebabkan oleh kegagalan Negara untuk mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras pemerdagangan orang di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Amerika Syarikat 2000 (TVPA). Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) dengan NGO serta wakil diplomat untuk membincangkan isu berterusan berkenaan dengan pemerdagangan orang. Suruhanjaya juga telah melawat rumah perlindungan bagi mangsa pemerdagangan di Sabah (Jadual 3).

Jadual 3: Aktiviti ATIP, 2013

NO.	AKTIVITI	TARIKH
1.	PMB bersama NGO untuk menggerakkan agenda ATIP ke hadapan	28 Februari
2.	Mesyuarat bersama wakil Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) untuk membincangkan isu pelarian di Malaysia	1 Mac
3.	Lawatan ke rumah perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang (wanita) di Kota Kinabalu, Sabah	7 Mac
4.	Taklimat oleh Kedutaan Amerika Syarikat mengenai Laporan TIP di Malaysia 2013	23 Julai
5.	PMB bersama wakil diplomat di Malaysia	27 Ogos
6.	Sesi Dialog antara NGO dan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri	3 September

⁸ Boleh didapati di: <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2013/12/05/Govt-withdraws-six-Bills-Move-to-allow-further-finetuning-of-proposed-laws.aspx/>

Pada 3 September, Suruhanjaya telah membantu Pejabat YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam penganjuran sesi dialog bersama NGO. Suruhanjaya memuji komitmen yang diberikan oleh Menteri untuk membantu membawa perkara ini ke tahap yang lebih tinggi. Suruhanjaya akan memantau perkembangan isu berkaitan dan bersedia untuk membantu Kerajaan.

Syor Suruhanjaya

1. Kerajaan perlu mengukuhkan mekanisme dalam mendakwa pesalah, melindungi mangsa dan mencegah pemerdagangan orang. Ini perlu dilakukan dengan kerjasama kumpulan masyarakat sivil dan wakil diplomat, serta pihak berkepentingan antarabangsa dan serantau.
2. NGO perlu disediakan satu saluran untuk menawarkan kepakaran mereka kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), kerana kebanyakan mangsa lebih cenderung untuk mendekati anggota masyarakat sivil bagi mendapatkan bantuan.
3. Semua mangsa perlu diberi pemeriksaan kesihatan segera setibanya di rumah perlindungan serta menerima lawatan berkala oleh kakitangan perubatan.
4. Sebuah mahkamah khas perlu diwujudkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes yang berkaitan dengan ATIP. Mangsa perlu dimaklumkan mengenai status kes mereka.

(f) Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah mengesyorkan satu pindaan terhadap kuasanya untuk melawat tempat tahanan dengan membenarkan lawatan mengejut. Pada tahun 2013, Suruhanjaya sekali lagi telah mengulangi cadangan tersebut.

Selanjutnya, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan mempertimbangkan cadangannya dalam pemilihan dan tempoh pelantikan Anggota Suruhanjaya, sama ada untuk melantik Anggota Suruhanjaya secara tetap atau separuh masa, kuasa untuk campur tangan dalam kes mahkamah, kuasa untuk bertindak sebagai pengantara, perbahasan Laporan Tahunan Suruhanjaya di Parlimen, dan untuk melibatkan Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang.

II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

Semua manusia adalah sama, seperti gigi sikat.

**Nabi Muhammad (S.A.W),
diriwayatkan oleh Al-Albani**

Bahagian Koordinasi Antarabangsa merupakan titik fokal bagi penglibatan dan interaksi Suruhanjaya dengan Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) dari negara lain, dan juga dengan badan-badan antarabangsa, serantau dan sub-serantau yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Pada tahun ini, Suruhanjaya telah mengambil alih jawatan Pengerusi bagi Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI). Selain itu, Suruhanjaya juga telah memainkan peranan yang aktif dalam kitaran kedua Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia.

1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI-INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Terdapat beberapa perkembangan penting berkenaan ICC, yang merupakan sebuah badan antarabangsa yang mewakili NHRI di seluruh dunia. Pada bulan Mei, Peguamcara Lawrence Mabedle Mushwana, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Afrika Selatan, telah mengambil alih jawatan Pengerusi ICC daripada Dr Mousa Burayzat, Pengerusi Pusat Nasional bagi Hak Asasi Manusia Jordan. Beliau, yang mewakili rantau Afrika akan berkhidmat selama tiga tahun.

ICC telah memperoleh pencapaian yang signifikan apabila ahlinya menerima pakai teks Pemerhatian Am bagi Jawatankuasa Kecil Akreditasi ICC (SCA) yang telah dikemaskini. Bagi menggalakkan pematuhan NHRI kepada Prinsip-prinsip Paris, ICC melaksanakan satu sistem akreditasi yang diselia oleh SCA. Prinsip-prinsip Paris menggariskan prinsip dan standard yang perlu dipatuhi oleh NHRI untuk memastikan keberkesanan dan kebebasan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

*Pada bulan Mei, teks
Permerhatian Am
yang dipinda telah
diterima pakai dan
ini membawa kepada
satu sistem akreditasi
yang lebih rapi dan
seterusnya menaikkan
standard bagi NHRI.*

Beberapa Pemerhatian Am telah dibangunkan sejak beberapa tahun ini, sebagai tafsiran yang lebih terperinci kepada Prinsip-prinsip Paris, untuk membimbing SCA dalam menilai NHRI. Pada bulan Mei, teks Pemerhatian Am yang dipinda telah diterima pakai dan ini membawa kepada satu sistem akreditasi yang lebih rapi dan seterusnya menaikkan standard bagi NHRI. Suruhanjaya percaya bahawa perkara ini mencerminkan sifat sistem akreditasi ICC yang sentiasa berkembang, dan akan memerlukan lebih banyak usaha daripada NHRI untuk memperkukuhkan mandat di samping meningkatkan keberkesanan dalam melaksanakan tugas mereka.

ICC telah menerima pakai tiga Pemerhatian Am baru berkaitan dengan kecekapan kuasi-kehakiman NHRI, penilaian NHRI sebagai mekanisme pencegahan dan pemantauan nasional; serta penilaian prestasi NHRI.

Akta penubuhan Suruhanjaya – Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597) – telah dipinda sebanyak dua kali pada tahun 2009 untuk memenuhi syor SCA yang dikemukakan dalam pengakreditasi semula Suruhanjaya lepas. Pada dasarnya, pindaan tersebut adalah berkaitan dengan tempoh perkhidmatan, komposisi dan proses pelantikan anggota Suruhanjaya.

Sejak itu, Suruhanjaya telah mempertimbangkan pindaan tambahan untuk memperkukuhkan Akta 597, dan memperluaskan mandat dan kuasanya. Suruhanjaya bercadang untuk mengemukakan satu kertas cadangan untuk pertimbangan Kerajaan untuk:

- Mengukuhkan proses pemilihan anggota Suruhanjaya;
- Melantik Anggota Suruhanjaya sepenuh masa dan/atau Anggota Suruhanjaya sambilan;
- Memanjangkan penggal perkhidmatan Anggota Suruhanjaya;
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan tanpa notis ke tempat tahanan;
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan mediasi;
- Melibatkan Suruhanjaya dalam penggubalan atau pindaan undang-undang menerusi satu proses konsultasi formal oleh Kerajaan;
- Memastikan dana yang mencukupi diperuntukkan kepada Suruhanjaya setiap tahun melalui Parlimen;
- Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah terpilih yang melibatkan dakwaan pencabulan hak asasi manusia; dan
- Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.

Meskipun status 'A' Suruhanjaya di bawah akreditasi ICC tidak akan dinilai semula oleh SCA sehingga 2015, cadangan pindaan tersebut adalah selaras dengan matlamat proses akreditasi. Dalam mengambil kira perkara ini dan untuk menggalakkan hasil yang lebih baik dalam mendukung hak asasi manusia, Suruhanjaya menganggap bahawa pindaan ini diperlukan dan berharap agar Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan tersebut.

Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Tahunan ICC yang telah diadakan pada bulan Mei di pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland. Perbincangan mengenai isu tematik hak asasi manusia termasuk:

- 20 tahun – Pengisytiharan Vienna dan Pelan Tindakan, Prinsip-prinsip Paris dan ICC;
- Laporan Pelapor Khas mengenai Pembela Hak Asasi Manusia;
- Susulan Pengisytiharan Amman mengenai Hak Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan;
- Agenda Pasca-2015 dan peranan NHRI; dan
- Hak kepada Penyertaan

Dengan kapasitinya sebagai Ahli Biro ICC, Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Biro yang berlangsung di Geneva, Switzerland, pada bulan Mei dan di Accra, Ghana, pada bulan November. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, telah menghadiri mesyuarat di Accra. Mesyuarat ini telah menerima pakai beberapa resolusi untuk memperkukuhkan struktur organisasi, dan untuk memformalkan proses dalaman yang berkaitan kewangan dan pengurusan kakitangan. Turut dibincangkan adalah mengenai Pelan Strategik ICC bagi tahun 2014-2015 dan Pelan Pelaksanaan ICC bagi tahun 2014.

Suruhanjaya percaya bahawa penglibatan aktif di HRC adalah penting bagi mewujudkan perbincangan yang lebih bermakna antara Negara Anggota dan pihak berkepentingan di peringkat PBB. Input oleh NHRI diperlukan untuk memberi maklumat kepada perbincangan tersebut dan memberi perspektif yang lebih tepat tentang situasi hak asasi manusia yang sebenar.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (HRC)

Suruhanjaya meneruskan penglibatannya di HRC dengan mengemukakan dua kenyataan video kepada Sesi Tetap HRC ke-24 yang diadakan pada bulan September. Kedua-dua kenyataan tersebut adalah berkaitan Laporan Ringkas Konsultasi mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Warga Emas, dan Laporan Pelapor Khas mengenai Hak Orang Asal: Industri Ekstraktif dan Orang Asal.

Kenyataan video, bertulis dan lisan adalah antara sumbangan yang boleh dibuat oleh NHRI. Sumbangan ini penting bagi meningkatkan dan mengukuhkan keterlihatan dan pengiktirafan NHRI dalam HRC.

Dalam kenyataannya mengenai warga emas, Suruhanjaya menegaskan bahawa, meskipun instrumen dan standard hak asasi manusia sedia ada boleh bertindak sebagai rangka kerja bagi memenuhi hak mereka, Suruhanjaya berpendapat bahawa pembentukan konvensyen antarabangsa yang khas bagi warga emas adalah lebih sesuai. Konvensyen ini boleh mengukuhkan standard dan menyediakan mekanisme yang

lebih fokus dan bersepadu, seterusnya membawa kepada penghormatan dan pematuhan hak golongan sasaran ini yang lebih baik.¹

Kenyataan Suruhanjaya mengenai Orang Asal² menekankan kepentingan mengiktiraf hak tanah adat orang Asal, prinsip keizinan berasaskan maklumat awal, bebas dan telus, dan

¹ Lihat Lampiran II untuk transkrip kenyataan video Suruhanjaya mengenai warga emas

² Lihat Lampiran II untuk transkrip kenyataan video Suruhanjaya mengenai Orang Asli/Asal

pemakaian pendekatan berasaskan hak asasi manusia kepada pembangunan dalam memastikan hak orang Asal dilindungi. Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang serius dan segera untuk menerima pakai dan melaksanakan syor dalam Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal di Malaysia. Kedua-dua kenyataan diterima baik oleh pihak berkepentingan dan NHRI dari negara lain.

Suruhanjaya percaya bahawa penglibatan aktif di HRC adalah penting bagi mewujudkan perbincangan yang lebih bermakna antara Negara Anggota dan pihak berkepentingan di peringkat PBB. Input oleh NHRI diperlukan untuk memberi maklumat kepada perbincangan tersebut dan memberi perspektif yang lebih tepat tentang situasi hak asasi manusia yang sebenar. Suruhanjaya melihat hak penyertaan bebas yang diberikan oleh HRC kepada NHRI sebagai hak istimewa yang perlu digunakan sebanyak mungkin. Oleh itu, Suruhanjaya akan terus memberikan sumbangannya.

Sungguhpun Suruhanjaya memuji tindakan Kementerian Luar Negeri dalam mengendalikan lawatan beliau, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memanjangkan jemputan kepada Pelapor Khas lain, termasuk mereka yang telah berulang kali memohon untuk mengadakan lawatan.



Paparan skrin kenyataan video Pengerusi berkenaan warga emas, yang disampaikan pada Sesi HRC Ke-24

Satu mekanisme di bawah HRC melibatkan Prosedur Khas, yang bertujuan menawarkan nasihat pakar dan membuat laporan awam mengenai isu tematik hak asasi manusia sesebuah Negara. Pakar yang dilantik – atau lebih dikenali sebagai Pelapor Khas – melaksanakan misi negara atas jemputan Kerajaan tersebut dan menawarkan nasihat dan syor.

Malaysia telah menjemput Encik Olivier De Schutter, Pelapor Khas bagi Hak kepada Makanan. Semasa lawatan pada bulan Disember, beliau telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan, termasuk Suruhanjaya. Sungguhpun Suruhanjaya memuji tindakan Kementerian Luar Negeri dalam mengendalikan lawatan beliau, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memanjangkan jemputan kepada Pelapor Khas lain, termasuk mereka yang telah berulang kali memohon untuk mengadakan lawatan.

3. RESOLUSI PBB MENGENAI NHRI

Dua resolusi berhubung dengan NHRI telah diterima pakai secara konsensus, masing-masing di HRC dan di Perhimpunan Agung PBB (UNGA). Resolusi ini memainkan peranan penting di dalam meningkatkan pengiktirafan NHRI di peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan amalan pada tahun 2011 dan 2012, HRC, pada Sesi Tetap ke-23 yang diadakan pada bulan Jun, telah menerima pakai resolusi yang ketiga, mengenai NHRI, (A/HRC/RES/23/17)³. Resolusi tersebut, yang ditaja oleh Australia, menekankan kepentingan pengiktirafan peranan NHRI dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, terutamanya dalam mekanisme HRC seperti UPR, prosedur khas dan badan triti. Resolusi ini menggalakkan NHRI untuk menggiatkan penglibatan mereka dalam proses-proses tersebut dengan, antara lainnya, mengemukakan Laporan Bebas dan maklumat lain yang berkaitan. Ia menekankan peranan NHRI dalam mempromosi kesaksamaan gender dan memajukan hak wanita, serta menghapuskan diskriminasi dan keganasan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

NHRI harus dibenarkan mengambil bahagian secara bebas dalam mana-mana forum PBB yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

Pada Sesi ke-68 UNGA di New York, satu resolusi berkaitan NHRI telah diterima pakai yang mana inisiatifnya adalah berdasarkan Laporan Setiausaha Agung PBB mengenai NHRI yang dibentangkan dua tahun sekali. Teras resolusi UNGA tersebut adalah untuk meningkatkan pengiktirafan NHRI dan badan penyelarasnya, iaitu ICC, sebagai aktor utama dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Ianya menyeru Setiausaha Agung PBB supaya, dalam laporan seterusnya, menumpukan kepada penyertaan NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris dalam UNGA dan forum PBB lain yang berkaitan, dengan tujuan meneroka kemunasabahan memberi hak penyertaan bebas kepada NHRI dalam mekanisme ini.

Berbeza dengan HRC, NHRI pada masa ini tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian secara bebas di kebanyakan forum PBB yang diadakan di New York, termasuk Suruhanjaya Status Wanita dan Kumpulan Kerja Terbuka mengenai Penuaan, yang mana kesemuanya menyediakan ruang perbincangan yang penting bagi isu hak asasi manusia.

Suruhanjaya berpendapat bahawa tidak patut berlaku pembezaan dalam pemberian hak penyertaan bebas kepada NHRI di antara mekanisme yang berlainan dalam keseluruhan sistem PBB. NHRI harus dibenarkan mengambil bahagian secara bebas dalam mana-mana forum PBB yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Suruhanjaya berpandangan, penerimaan kedua-dua resolusi, khususnya resolusi UNGA, merupakan langkah awal tetapi penting ke arah mendapatkan hak penyertaan bebas bagi NHRI dalam semua forum PBB.

Meskipun Suruhanjaya menyedari bahawa NHRI perlu fokus kepada isu domestik, input daripada NHRI di peringkat PBB adalah penting untuk menggalakkan perbincangan yang bermakna.

³ Boleh didapati di : http://ap.ohchr.org/documents/dpage_e.aspx?si=A/HRC/RES/23/17

Meskipun menerima sokongan yang luas dari pelbagai rantau dan ditaja bersama oleh banyak negara maju dan membangun, namun kedua-dua resolusi tersebut tidak ditaja bersama oleh Malaysia.

Suruhanjaya kesal dan keliru dengan pendirian Kerajaan yang tidak menyokong resolusi tersebut. Ia tidak selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia, yang telah dibuat semasa kitaran kedua UPR pada bulan Oktober, untuk terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Meskipun Suruhanjaya menyedari bahawa NHRI perlu fokus kepada isu domestik, input daripada NHRI di peringkat PBB adalah penting untuk menggalakkan perbincangan yang bermakna. Dalam hal ini, penajaan bersama Malaysia dapat mengukuhkan resolusi tersebut, dan merupakan pendirian yang tepat bagi negara yang merupakan ahli HRC yang sedang berkempen untuk mendapat kerusi di Majlis Keselamatan PBB.

Oleh itu, Suruhanjaya mengesyorkan kepada Kerajaan, di bawah kepimpinan Kementerian Luar Negeri, untuk memainkan peranan yang lebih mantap di pentas antarabangsa dalam menyokong pengiktirafan yang lebih tinggi kepada NHRI.

4. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (CFNHRI)

CFNHRI merupakan satu platform bagi membina rangkaian di kalangan mekanisme akauntabiliti negara dan berkongsi maklumat melalui pengalaman dan amalan terbaik hak asasi manusia. Pada bulan Mei, Suruhanjaya telah menjadi Pengerusi CFNHRI selepas penggal Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia selama dua tahun berakhir. Suruhanjaya akan berkhidmat selama dua tahun sehingga Mesyuarat Dwitahunan akan datang, yang dijadualkan berlangsung pada bulan Mac atau Mei tahun 2015. Suruhanjaya bersedia menjalankan tugasnya, termasuk menganjurkan mesyuarat, menyelaras dan merangka input bagi kenyataan, mengendali laman web, serta menyelaras projek mengenai isu tematik.

Pada bulan Mei, Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI yang diadakan di Geneva. Suruhanjaya berpeluang untuk berkongsi dengan ahli lain tentang aktiviti Suruhanjaya mengenai hak warga emas, yang melibatkan perkhidmatan jagaan kepada golongan ini dan sokongan kepada penjaga.

Bersempena dengan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan di Colombo, Sri Lanka pada bulan November, CFNHRI telah mengemukakan satu *Communiqué* untuk pertimbangan ketua-ketua Kerajaan. *Communiqué*⁴ CFNHRI yang dirangka oleh Suruhanjaya dengan input daripada ahli lain telah menekankan kepentingan perkara-perkara berikut:

Suruhanjaya berharap agar input yang diberikan oleh Malaysia dan Komanwel adalah berasaskan prinsip hak asasi manusia, khususnya pendekatan berasaskan hak asasi manusia untuk pembangunan.

⁴ Boleh didapati di: <http://cfnhri.org/wp-content/uploads/2013/12/CFNHRI-Communiqué-to-CHOGM-20133.pdf>

- Pengiktirafan NHRI dan CFNHRI
- Melantik seorang Pesuruhjaya Komanwel Demokrasi, Kedaulatan Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia
- Hak asasi manusia dan Perniagaan
- Hak asasi manusia dan Perubahan Iklim
- Agenda Pembangunan Pasca 2015
- Hak bagi orang kurang upaya, warga emas, wanita dan kanak-kanak
- Isu mengenai orientasi seksual dan identiti gender
- Isu hak asasi manusia dan keganasan yang berleluasa

Walaupun ketua Kerajaan tersebut, melalui *Communiqué* CHOGM⁵, telah merujuk kepada beberapa isu ini, Suruhanjaya berasa kecewa kerana rujukan tersebut tidak mengetengahkan syor substantif yang ditimbulkan oleh CFNHRI. Sebagai contoh, walaupun ketua-ketua Kerajaan memperakui kepentingan menubuhkan dan mengukuhkan NHRI, mereka tidak mengiktiraf secara jelas peranan NHRI dan CFNHRI sebagai pihak berkepentingan dan rakan kongsi yang penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Namun demikian, Suruhanjaya gembira dengan komitmen yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia untuk menyumbang input bagi satu Kenyataan Komanwel berkenaan Agenda Pembangunan Pasca-2015. Kenyataan ini bertujuan memberikan perspektif dan syor Komanwel dalam membentuk dan menentukan Agenda Pembangunan Pasca-2015. Suruhanjaya berharap agar input yang diberikan oleh Malaysia dan Komanwel adalah berasaskan prinsip hak asasi manusia, khususnya pendekatan berasaskan hak asasi manusia untuk pembangunan. Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan, dalam menyediakan input, untuk mengadakan konsultasi secara meluas dan bermakna dengan pihak berkepentingan, termasuk kumpulan masyarakat sivil, bagi memastikan pandangan mereka didengari dan diambil kira.

5. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

UPR, yang ditubuhkan oleh Resolusi UNGA 60/21 dan seterusnya disokong oleh Resolusi HCR 5/1, kini dalam kitaran kedua. Rekod hak asasi manusia Malaysia telah dikaji semula pada bulan Oktober, buat kali kedua sejak 2009.

Suruhanjaya memainkan peranan aktif dalam proses ini, sebelum dan selepas penilaian yang kedua. Satu peranan NHRI adalah untuk memaklumkan kepada Kumpulan Kerja UPR mengenai keadaan hak asasi manusia di negara masing-masing. Pada bulan Mac, Suruhanjaya mengemukakan laporan bebas⁶, yang juga dikenali sebagai Laporan Pihak Berkepentingan. Laporan ini menekankan pandangan dan permerhatian Suruhanjaya tentang pelbagai isu hak asasi

Suruhanjaya telah menerima pakai satu Pelan Tindakan pada bulan September, yang menggariskan rancangan Suruhanjaya dan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan untuk kitaran kedua UPR Malaysia yang akan berlangsung selama empat tahun setengah sehingga 2018.

5 Boleh didapati di: http://thecommonwealth.org/sites/default/files/news-items/documents/CHOGM%202013%20Communiqué_2.pdf

6 Sila lihat Lampiran II untuk Laporan Bebas Suruhanjaya

manusia, termasuk penyertaan kepada triti antarabangsa hak asasi manusia, Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP), hak golongan terpinggir serta isu berbangkit yang lain, seperti hak asasi manusia dan perniagaan dengan hak warga emas.

Dalam menyediakan laporannya, Suruhanjaya menjalankan satu siri konsultasi dengan pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil untuk memperolehi input dan maklum balas. Sebahagian besar mesyuarat tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2012. Tiga mesyuarat telah diadakan dengan wakil media pada bulan Februari 2013.

Suruhanjaya telah membentuk satu Pelan Tindakan pada bulan September, yang menggariskan rancangan Suruhanjaya dan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan untuk kitaran kedua UPR Malaysia yang akan berlangsung selama empat tahun setengah sehingga 2018. Antara aktiviti yang dicadangkan adalah kempen nasional untuk meningkatkan kesedaran awam serta pemahaman tentang UPR dan komitmen Kerajaan di bawah mekanisme ini, penglibatan yang lebih aktif dengan media, dan juga penyertaan Suruhanjaya dalam penilaian Malaysia di Geneva.

Suruhanjaya telah mengadakan sesi taklimat bagi korp diplomatik yang berada di Malaysia pada 27 Ogos, dengan objektif berikut:

- (i) Untuk memberitahu para peserta tentang kitaran kedua UPR Malaysia;
- (ii) Untuk berkongsi pengemukaan Suruhanjaya untuk kitaran kedua UPR Malaysia;
- (iii) Untuk berkongsi pandangan dan pemerhatian Suruhanjaya atas pelaksanaan syor yang diterima oleh Malaysia semasa kitaran pertama UPR Malaysia, dan juga mengenai keadaan hak asasi manusia semasa; dan
- (iv) Untuk mencadangkan garis panduan mengenai bagaimana ahli-negara PBB boleh membuat cadangan yang lebih bermakna untuk kitaran kedua UPR Malaysia.

Wakil dari 23 kedutaan – termasuk dari negara yang berkhidmat sebagai Pelapor Troika bagi Malaysia, iaitu Jepun, Kenya dan Switzerland – telah menghadiri taklimat tersebut.

Penilaian kedua bagi Malaysia berlangsung pada 24 Oktober di Geneva. Semasa sesi itu – yang juga dikenali sebagai Dialog Interaktif⁷ – delegasi Kerajaan yang diketuai oleh Datuk Ho May Yong, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, membentangkan Laporan Nasional dan perkembangan lain mengenai keadaan hak asasi manusia. Laporan Nasional, yang berfungsi sebagai dokumen rujukan utama bagi proses UPR, menyenaraikan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan syor yang diterima semasa UPR pertama.

Walau bagaimanapun, demi kepentingan mempertingkatkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia, Suruhanjaya berpendapat bahawa cadangan yang lebih kritikal dan membina akan memberi lebih manfaat kepada Negara yang dinilai, termasuk Malaysia.

⁷ Webcast boleh didapati di: <http://webtv.un.org/meetings-events/human-rights-council/universal-periodic-review/17th-upr/watch/malaysia-review-17th-session-of-universal-periodic-review/2767540103001>

Delegasi tersebut telah memberi tumpuan kepada, antara lain, Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi, yang dianggap oleh Kerajaan sebagai inisiatif utama dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

Dialog Interaktif tersebut menyaksikan komen dan syor-syor daripada 104 ahli-negeri PBB kepada Kerajaan Malaysia. Walaupun Malaysia menerima banyak pujian, namun terdapat juga pihak yang melahirkan kebimbangan mereka.

Suruhanjaya juga berasa dukacita dengan ketiadaan komen dan syor yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan perniagaan.

Suruhanjaya mengakui bahawa Dialog Interaktif merupakan satu latihan penilaian yang bersifat diplomatik, di mana delegasi Kerajaan biasanya memberi ulasan dan syor dalam semangat permuafakatan. Walau bagaimanapun, demi kepentingan mempertingkatkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia, Suruhanjaya berpendapat bahawa cadangan yang lebih kritikal dan membina akan memberi lebih manfaat kepada Negara yang dinilai, termasuk Malaysia. Dialog Interaktif akan lebih bermakna sekiranya format dialog tersebut boleh dikaji semula untuk membolehkan pemeriksaan dan analisis yang mendalam tentang keadaan hak asasi manusia.

Malaysia menerima 232 syor, yang mana sebahagiannya adalah seakan-akan dengan syor yang diterima pada tahun 2009. Syor berkaitan penyertaan kepada triti hak asasi manusia antarabangsa, penglibatan dengan badan triti PBB dan prosedur khas merupakan syor yang paling banyak diterima, diikuti oleh isu yang berkaitan dengan hukuman mati, hak ekonomi,

sosial dan budaya termasuk hak kepada kesihatan dan pendidikan, dan pembasmian kemiskinan. Syor yang lain berhubungan dengan hak golongan terpinggir dan rentan, antipemerdagangan orang, kebebasan bersuara dan berpendapat, kebebasan berpersatuan dan berhimpun secara aman dan kebebasan beragama.

Suruhanjaya juga berasa duka cita dengan ketiadaan komen dan syor yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan perniagaan. Walaupun Kerajaan dianggap sebagai pembela utama hak asasi manusia, peranan dan tanggungjawab aktor bukan kerajaan harus diakui, terutamanya entiti perniagaan, untuk mematuhi prinsip dan standard hak asasi manusia dalam operasi harian mereka. UPR sepatutnya dijadikan tempat yang sesuai untuk isu-isu ini diketengahkan.

Kerajaan dijadualkan untuk mengumumkan syor yang akan disokong menjelang 20 Mac 2014, di Sesi Tetap HRC ke-25, apabila Laporan Hasil Penilaian UPR Malaysia di terima pakai secara rasmi. Dengan menyokong sesuatu syor, Kerajaan membuat komitmen untuk memenuhi dan melaksanakan syor tersebut. Di bawah proses UPR, Negara

Namun demikian, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menyokong sebanyak mungkin syor yang praktikal dengan niat melaksanakan syor tersebut sebelum kitaran ketiga UPR Malaysia pada tahun 2018, bagi mencapai standard yang lebih baik dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

yang dinilai dibenarkan menyokong atau tidak menyokong mana-mana syor. Namun demikian, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menyokong sebanyak mungkin syor yang praktikal dengan niat melaksanakan syor tersebut sebelum kitaran ketiga UPR Malaysia pada tahun 2018, bagi mencapai standard yang lebih baik dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Sehubungan dengan ini, Suruhanjaya merancang untuk bertemu dengan Kerajaan sebelum Sesi HRC ke-25 untuk membincangkan syor UPR dan memberi input mengenai syor yang sepatutnya diberi keutamaan oleh Kerajaan semasa kitaran kedua UPR. Suruhanjaya juga merancang untuk bertemu dengan pihak berkepentingan, termasuk kumpulan masyarakat sivil, untuk mendapatkan pandangan mereka.

UPR kedua telah menerima liputan media yang lebih banyak berbanding dengan yang pertama. Suruhanjaya menghargai perkembangan sebegini kerana ia membantu mempertingkatkan kesedaran dan minat orang awam tentang proses UPR dan juga hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap pihak media akan terus menunjukkan minat dalam isu hak asasi manusia.

6. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)

Suruhanjaya mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh APF, terutamanya aktiviti yang berkaitan dengan latihan dan pembinaan kapasiti. Antara aktiviti tersebut ialah *APF Regional Training-of-Trainers Workshop* di Myanmar pada bulan Jun, dan juga *APF-RWI Blended Learning Course on NHRIs* di Bangkok pada bulan November.

Pada bulan Jun, Setiausaha Suruhanjaya mengambil bahagian dalam Mesyuarat Tahunan Pegawai Eksekutif APF, yang diadakan di Sydney untuk pegawai NHRI yang memegang jawatan Setiausaha-Agung atau Pengarah Eksekutif.

Pada bulan September, APF menganjurkan sesi *High-Level Dialogue* untuk Suruhanjaya dengan dua pakar terkemuka hak asasi manusia – Prof Chris Sidoti, bekas Setiausaha-Agung dan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia, dan Puan Rosslyn Noonan, bekas Pengerusi ICC dan bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia New Zealand. Kedua-dua pakar tersebut memberi pandangan mereka tentang bagaimana Suruhanjaya boleh memenuhi mandatnya dengan lebih berkesan.

Memandangkan Suruhanjaya telah memperolehi banyak manfaat sebagai ahli APF, Suruhanjaya mencadangkan agar Kerajaan memberikan sumbangan kewangan tahunan sebagai tanda sokongan terhadap usaha yang dijalankan oleh badan serantau tersebut. Sehingga sekarang, tiada keputusan telah dibuat. Suruhanjaya berharap agar maklum balas yang positif akan diberikan, kerana ini akan memberikan gambaran yang baik kepada Malaysia sebagai ahli HRC dan sebuah negara yang menegakkan hak asasi manusia.

Pada bulan Oktober, Suruhanjaya mengambil bahagian dalam Mesyuarat Tahunan ke-18 dan Persidangan Dwitahunan APF, yang dianjurkan oleh Pusat Nasional bagi Hak Asasi Manusia

Qatar, di Doha. Dalam satu sesi panel, Pengerusi Tan Sri Hasmy Agam turut berkongsi pengalaman mengenai penglibatan Suruhanjaya dengan pasukan polis.



Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam (dua dari kiri), berhujah di Mesyuarat Tahunan ke-18 dan Persidangan Dwitahunan APF di Doha, Qatar.

Pada bulan Disember, APF telah menaja dua pegawai dari Bahagian Pendidikan Suruhanjaya untuk lawatan sambil belajar ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India, untuk mempelajari tentang inisiatif dan pengalaman mereka dalam memperkenalkan prinsip hak asasi manusia dalam kurikulum sistem pendidikan India. Suruhanjaya berhasrat untuk menggunakan pengalaman yang dipelajari sebagai sebahagian usahanya untuk membangunkan kurikulum hak asasi manusia untuk sekolah-sekolah di Malaysia.

7. FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA (SEANF)

Sebagai ketua NHRI bagi Projek Bersama SEANF mengenai Hak Orang Asal, Suruhanjaya telah menganjurkan satu Konsultasi Serantau pada 14 Mac di Kuala Lumpur. Konsultasi ini telah dianjurkan bersama Pakatan Orang Asal Asia, Rangkaian Orang Asal Malaysia dan Rakan Organisasi Komuniti di Sabah.

Pelapor Khas bagi Hak Orang Asal, Prof James Anaya, telah menghadiri sesi tersebut bersama wakil NHRI dari Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand dan juga wakil dari pertubuhan Orang Asal dan Badan bukan Kerajaan (NGO) dari pelbagai negara di Asia Tenggara. Ahli SEANF mendapati bahawa sesi tersebut amat bermanfaat untuk berkongsi pengalaman, amalan terbaik dan cabaran dalam mempromosi dan melindungi hak Orang Asal.

Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian dalam dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal SEANF yang diadakan di Timor Leste dan di Filipina, masing-masing pada bulan Mac dan Julai.

Pada 25 dan 26 Julai, Suruhanjaya telah menghadiri Perbincangan Meja Bulat (PMB) mengenai 'Perniagaan dan Hak Asasi Manusia: Ke Arah Penyatuan NHRI dalam Menilai Kesan Integrasi ASEAN terhadap Hak Asasi Manusia'. PMB yang diadakan di Quezon City ini telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) dalam kapasitinya sebagai Ketua NHRI untuk Projek Bersama SEANF bagi Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

21 peserta turut bertukar pandangan mengenai isu yang berkaitan. Antara hasil daripada PMB tersebut, mereka telah bersetuju dengan tema serantau bagi mencerminkan kerja yang dilaksanakan oleh NHRI iaitu *'Promoting and Strengthening Respect for Human Rights and Access to Justice and Remedies in relation to Business Activities by all Actors including Business Entities in the southeast Asia Region'*. Mereka juga telah mengenal pasti beberapa tindakan untuk:

- Mendokumenkan amalan institusi dengan menggunakan format laporan yang akan disediakan oleh CHRP;
- Mengadakan PMB dan bengkel serantau untuk berkongsi pengalaman ke arah membangunkan garis panduan serantau dan alat penilaian bersama;
- Mengendalikan penyelidikan berdasarkan laporan dokumentasi yang dikumpul dan analisis perundangan tempatan dan antarabangsa mengenai hak ekonomi, sosial dan budaya;
- Merangka dan menerima pakai garis panduan serantau dan alat penilaian bersama;
- Mengendalikan satu siri aktiviti pembinaan kapasiti serantau; dan
- Mengukuhkan komunikasi dan interaksi dengan ASEAN dan aktor serantau yang lain, dan membangunkan perkongsian dengan kumpulan masyarakat sivil.

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya telah menyertai Bengkel bagi Hak untuk Pembangunan dan Hak Masyarakat. Bengkel tersebut telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand dari 26-29 Ogos di Bangkok. Ia bertujuan menyediakan latihan pembinaan kapasiti untuk kakitangan SEANF dan untuk membolehkan perkongsian pengalaman.

Sebelum Mesyuarat Tahunan SEANF ke-10 di Timor Leste, Suruhanjaya mengambil bahagian dalam Bengkel Serantau bagi Pencegahan Penyeksaan dan Penahanan, yang diadakan di Bali, Indonesia, pada 8 September. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) telah menganjurkan bengkel ini.

Mesyuarat Tahunan SEANF Ke-10 telah dianjurkan oleh Pejabat Penedar bagi Hak Asasi Manusia dan Keadilan Timor Leste (PDHJ) di Dili, Timor Leste pada 10 hingga 11 September. Ahli-ahli SEANF telah membentangkan perkembangan terkini bagi projek tematik masing-masing. PDHJ telah menyerahkan jawatan Pengerusi SEANF kepada Komnas HAM untuk 2014, pada akhir sesi mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Tahunan SEANF Ke-10 di Dili, Timor Leste

8. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)

Suruhanjaya mengalu-alukan Pengisytiharan mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita dan Penghapusan Keganasan Terhadap Kanak-kanak di ASEAN, yang diterima pakai oleh ASEAN pada bulan Oktober, dan berharap negara anggota akan mengambil langkah untuk menguatkuasakan Deklarasi tersebut.

Pada 10 hingga 11 Jun, Suruhanjaya mengambil bahagian dalam Bengkel Mekanisme Hak Asasi Manusia ASEAN: Cabaran dan Arah Ke Hadapan, yang diadakan di Bangkok, Thailand. Ia dianjurkan bersama Kementerian Hal Ehwal Luar Thailand, PBB Wanita dan Kumpulan Kerja ASEAN bagi Mekanisme Hak Asasi Manusia. Ia bertujuan mengenal pasti isu hak asasi manusia penting di ASEAN dan syor-syor untuk dikemukakan kepada badan ASEAN yang berkenaan untuk meningkatkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia serantau.

Bengkel ini dianjurkan pada masa yang sesuai, memandangkan Terma Rujukan (ToR) bagi Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) dan Suruhanjaya ASEAN mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-kanak, akan dikaji semula, masing-masing pada tahun 2014 dan 2015.

Terdapat banyak kritikan terhadap AICHR, terutamanya berkaitan dengan Terma Rujukannya. Banyak pihak berkepentingan berpendapat bahawa ia tidak mempunyai mandat untuk menerima aduan dan menyiasat pencabulan hak asasi manusia. Kajian semula ini akan membolehkan pihak berkepentingan untuk mencadangkan pindaan bagi mengukuhkan mandat AICHR dan Terma Rujukannya.

Kerajaan Malaysia, yang dijangka akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menegakkan hak asasi manusia di rantau ini.

Artikel 9.6 Terma Rujukan sedia ada membolehkan kajian semula dilakukan lima tahun selepas ia mula dikuatkuasakan. Ia juga menyatakan: 'Kajian semula ini dan yang seterusnya hendaklah dijalankan oleh Mesyuarat Menteri Luar Negara ASEAN, dengan tujuan meningkatkan lagi promosi dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN'.

Dengan itu, Suruhanjaya menggesa Kementerian Luar Negeri Malaysia untuk berunding dengan semua pihak berkepentingan dan mengambil kira pandangan mereka mengenai Terma Rujukan sebelum mengemukakan kepada Mesyuarat Menteri Luar Negara ASEAN.

Selaras dengan aspirasi untuk membentuk sebuah Masyarakat ASEAN menjelang tahun 2015, yang bertujuan mewujudkan ASEAN yang mesra rakyat, rundingan yang meluas dan bermakna dengan pihak berkepentingan perlu dijadikan teras dalam proses penggubalan dasar. Kerajaan Malaysia, yang dijangka akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menegakkan hak asasi manusia di rantau ini. Negara Malaysia yang dipandang tinggi oleh negara jiran kerana pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang stabil, juga patut dilihat sebagai sebuah negara yang kehadapan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

9. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Sejak tahun 2010, tahap perkembangan NHRAP adalah perlahan. Pada tahun ini, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) – agensi utama bagi membangunkan NHRAP – menyediakan geran penyelidikan kepada lima universiti untuk mengendalikan kajian mengenai undang-undang domestik yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin telah menjalankan penyelidikan tersebut sebagai langkah awal dalam proses pembangunan NHRAP.

BHEUU telah mengadakan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu NHRAP pada bulan Disember. Jawatankuasa tersebut dipengerusi oleh YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan terdiri daripada wakil dari agensi kerajaan, Suruhanjaya dan ahli akademik.

BHEUU telah membentangkan rangka kerjanya untuk pembangunan NHRAP. Ia mencadangkan bahawa bidang teras NHRAP seharusnya meliputi hak sivil dan politik; hak ekonomi, sosial, agama dan budaya; hak golongan rentan; hak Orang Asal/Asli dan obligasi antarabangsa. Cadangan tersebut juga menyebut bahawa Pelan lima-tahun NHRAP dijangka akan disiapkan pada tahun 2016 dan akan dilaksanakan dari tahun 2017 hingga 2021.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan Kerajaan yang bercita-cita tinggi untuk menangani pelbagai isu hak asasi manusia, Suruhanjaya ingin menekankan kepentingan NHRAP sebagai satu pelan yang praktikal dan boleh dicapai.

Dalam mesyuarat tersebut, Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, melahirkan kebimbangan mengenai ketiadaan wakil daripada kumpulan masyarakat sivil dalam Jawatankuasa Pemandu, dan mencadangkan bahawa mereka turut disertakan.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan Kerajaan yang bercita-cita tinggi untuk menangani pelbagai isu hak asasi manusia, Suruhanjaya ingin menekankan kepentingan NHRAP sebagai satu pelan yang praktikal dan boleh dicapai. Suruhanjaya juga mencadangkan agar pembangunan NHRAP tertakluk kepada satu proses konsultasi yang formal dan kerap dengan tujuan mendapatkan input daripada semua pihak berkepentingan. Tambahan pula, memandangkan pentingnya NHRAP, dan meskipun Kerajaan telah mencadangkan jangka masa untuk penyiapan NHRAP, Suruhanjaya menggesa Kerajaan agar mengutamakan Pelan tersebut.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar akan menyelesaikan laporan mengenai hak kepada pendidikan CWLD dan hak warga emas di samping mengadakan perbincangan dengan agensi Kerajaan berkaitan untuk mengenalpasti tindakan selanjutnya. Bahagian ini juga akan membantu usaha Suruhanjaya dalam mendesak Kerajaan untuk menarik balik baki reservasi kepada CEDAW, CRC dan CRPD, dan meratifikasi Protokol Pilihan atau baki Protokol Pilihan kepada triti ini. Isu lain yang telah lama diberi perhatian adalah untuk membolehkan penyertaan Malaysia kepada ICCPR, ICESCR, ICERD dan CAT.

Bahagian Koordinasi Antarabangsa akan membantu mengukuhkan peranan dan penglibatan Suruhanjaya di peringkat serantau dan antarabangsa. Bahagian ini juga akan menyokong Suruhanjaya dalam melaksanakan Pelan Tindakan Susulan bagi UPR, dan juga dalam berkhidmat sebagai Pengerusi CFNHRI.

BAB

4

LAPORAN PEJABAT SABAH

*Hak asasi manusia harus
dihormati, ia tiada sempadan*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun

Pejabat Suruhanjaya di Sabah (Pejabat Sabah) telah mengambil langkah untuk mengetengahkan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asa/Asli di Malaysia (NI), selepas laporan itu diumumkan kepada awam pada bulan Ogos. Naskhah NI beserta Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012 telah dimajukan kepada pegawai Kerajaan Negeri.

Pejabat Sabah akan meneruskan aktivitinya untuk memupuk dan melindungi hak asasi manusia terutamanya di kalangan kumpulan rentan. Ia telah menganjurkan atau menyertai program-program kesedaran, perbincangan meja bulat dan lawatan.

1. PENYELESAIAN ADUAN

Aduan telah dikemukakan melalui memorandum, surat, email, telefon dan hadir sendiri ke Pejabat Sabah. Pejabat Sabah juga merekodkan kenyataan lisan oleh pengadu ketika sesi program 'Bertemu Rakyat' yang dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam Negeri dan Persekutuan.

Daripada 235 aduan yang diterima pada tahun ini, kebanyakannya adalah berkaitan perkara tanah (Jadual 1). Pejabat Sabah telah menyelesaikan 51 kes, manakala 142 kes masih dalam perhatian dan 42 kes didapati tidak memerlukan sebarang tindakan lanjut.

Pejabat Sabah secara konsisten telah membawa ke perhatian Pejabat Tanah mengenai kesulitan yang dihadapi oleh Anak Negeri (OA) terutamanya berkaitan dengan perkara Hak Tanah Adat (NCR). Di bawah Ordinan Tanah Sabah 1930 (Cap.68), perkara ini merujuk kepada tanah yang dimiliki mengikut pegangan adat, tanah yang ditanam dengan sebilangan pokok buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai nilai ekonomi yang biasanya dan sering dianggap sebagai harta peribadi, tanah ditanam dalam tempoh tiga tahun selepas diduduki, padang ragut, tanah perkuburan, tempat-tempat suci dan tanah yang dituntut sebagai hak laluan jalan.

Sejak generasi ke generasi, OA telah memperkembangkan undang-undang tanah adat mereka 'atau Adat' untuk mengawal selia penggunaan tanah. Dari segi undang-undang, OA yang telah menetapkan NCR mempunyai keutamaan hak ke atas tanah tersebut berbanding pemohon yang lain. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam amalan tersebut.

Jadual 1: Aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah, 2013

ISU BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA	BILANGAN KES
Tanah	94
Kewarganegaraan	30
Sijil Lahir	26
Polis	5
Pekerjaan	14
Imigresen	19
Pendidikan	5
Lain-lain	42
JUMLAH	235



Sebahagian penduduk Kampung Ulu Kukut, Kota Belud menyerahkan memorandum berkenaan dakwaan pencerobohan ke atas tanah mereka kepada Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating

Syor Suruhanjaya:

1. Mana-mana pelan pembangunan/dasar tidak harus mengatasi hak-hak undang-undang OA. Keperluan mereka terhadap tanah untuk mengekalkan kehidupan dan cara hidup mereka harus diberi keutamaan.
2. Proses rundingan secara terus dan telus seharusnya diadakan dengan OA sebelum sesuatu rancangan atau dasar pembangunan dilaksanakan. OA dan Ketua Kampung perlu dimaklumkan dengan maklumat lengkap dan dirunding untuk maklum balas.
3. Pindah milik tanah secara besar-besaran kepada agensi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dikaji semula. Adalah didapati bahawa kebanyakan daripada OA telah kehilangan tanah adat mereka kepada entiti ini tanpa notis atau pampasan.
4. Pejabat Tanah / Penolong Pemungut Hasil Tanah harus memberi keutamaan kepada permohonan dari OA bagi inkuiri tanah.

2. KAUNTER ADUAN BERGERAK BERSEPADU

Sepanjang tahun ini, Pejabat Sabah menyertai program kaunter aduan bergerak dalam usaha menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia dan menerima aduan di kalangan komuniti yang berada di kawasan pedalaman. Program serenti tahunan ini dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam, Negeri dan Jabatan Perdana Menteri. Ia membolehkan agensi kerajaan untuk mengenal pasti masalah dari akar umbi bagi mendapatkan penyelesaian.

Program ini telah diadakan di Telupid (13 Mei), Membakut (29 September), Matunggong (24 Oktober), Lahad Datu (26 Oktober), Ranau (7 Disember) dan Beluran (16 Disember).



YB Datuk Dr Maximus Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menghadiri program yang dijalankan di Matunggong

- Di Telupid, Suruhanjaya mengadakan pameran untuk mendidik para pengunjung mengenai hak asasi manusia dan bagaimana ia ditangani. Lebih daripada 100 orang pengunjung direkodkan. Pegawai Daerah Beluran, Tuan Haji Yusof Osman, merasmikan acara yang mana 28 agensi kerajaan telah mengambil bahagian.
- Di Membakut, kira-kira 150 pengunjung telah hadir di ruang pameran Suruhanjaya. Lima aduan telah diterima, empat daripadanya mengenai tanah dan satu melibatkan pembangunan infrastruktur asas di kampung. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, YB Datuk Mohd Arifin Arif, merasmikan majlis itu, yang mana sejumlah 29 agensi kerajaan telah terlibat membuka kaunter.
- Di Matunggong, 32 agensi kerajaan telah mengambil bahagian. YB Datuk Dr Maximus Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, merasmikan program tersebut.
- Di Lahad Datu, 35 agensi kerajaan telah terlibat. Pegawai Daerah, Encik Zulkifli Nasir telah merasmikan program itu.

- Di Ranau, 30 agensi kerajaan telah mengambil bahagian. Penolong Pegawai Daerah, Encik Yasin Ibrahim merasmikan program tersebut.
- Di Beluran, 32 agensi kerajaan menyediakan perkhidmatan. Acara ini telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah, Tuan Haji Yusof Osman.

3. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Pejabat Sabah bekerjasama dengan Kumpulan Penyelidikan & Pembangunan Dasar (RPDG) telah menganjurkan forum melibatkan 230 peserta di Kota Kinabalu pada 24 September. Para penceramah terdiri daripada Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Sekolah Swasta Khas, dan Persatuan Ibu Bapa.

Peserta yang terdiri daripada wakil kerajaan dan masyarakat sivil, pengetua sekolah, guru dan ibu bapa telah mengemukakan beberapa isu:

- Kerajaan perlu menambahkan peruntukan untuk Sekolah Khas.
- Kurikulum perlu dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar khas
- Kerajaan perlu menyediakan guru-guru terlatih untuk Sekolah Khas.
- Kemudahan asas di Sekolah Khas perlu diberikan perhatian segera terutamanya di kawasan pedalaman.

(Sila lihat Laporan Forum di mukasurat 81)

4. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN KEPADA WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA

Pejabat Sabah dengan kerjasama RPDG telah menganjurkan seminar setengah hari mengenai Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, pada 24 September di Kota Kinabalu. Seramai 120 orang peserta mewakili kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil telah hadir. Para penceramah terdiri daripada Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat dan Jabatan Perkhidmatan Sosial, Persatuan Peguam Sabah, dan Majlis Warga Emas Sabah. Tiga kertas kerja telah dibentangkan semasa perbincangan dan beberapa kebimbangan telah dibangkitkan: *(Sila lihat Laporan di mukasurat 86)*

- Ahli keluarga tidak harus menganggap ibu bapa sebagai pengasuh anak-anak mereka
- Warga emas akan memerlukan bantuan kewangan kerana kebanyakannya tidak mempunyai dana persaraan.

- Warga emas terpaksa menunggu lama dan lewat mendapatkan perkhidmatan khususnya di hospital kerajaan.
- Penyakit seperti kencing manis, hipertensi dan penyakit jantung merupakan penyakit biasa bagi kumpulan umur ini. Oleh itu, perkhidmatan kesihatan, termasuk pemeriksaan kesihatan, harus disediakan dan senang diakses oleh warga emas.
- Perkhidmatan pengangkutan awam haruslah bersifat mesra warga emas, selain turut disediakan di kawasan pedalaman.

5. SIMPOSIUM MENGENAI HAK ADAT ANAK NEGERI SABAH

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan simposium pada 2 dan 3 September. Program ini telah dirasmikan oleh YAA Tan Sri Richard Malanjun, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating telah memudahcara perbincangan tersebut, yang antara lainnya membincangkan isu NCR dan sistem Mahkamah Anak Negeri.

6. AKTIVITI YANG BERKAITAN LAPORAN NI

Pejabat Sabah telah memberikan sokongan logistik kepada Sekretariat NI di dalam menganjurkan dua Perbincangan Meja Bulat (PMB) mengenai Laporan NI. PMB yang diadakan pada 5 dan 6 Mac, masing-masing dengan agensi kerajaan dan masyarakat sivil di Sabah. Objektifnya adalah untuk mengetengahkan hasil dapatan dan syor NI menjelang pengumuman awam laporan tersebut. Antara input yang telah diperolehi adalah tentang bagaimana untuk menggesa pihak berkepentingan untuk melaksanakan syor tersebut.

7. MESYUARAT DENGAN JABATAN KERAJAAN NEGERI

Pada 26 April, Pejabat Sabah mengalu-alukan pelantikan Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating sebagai anggota baharu Suruhanjaya. Kunjungan hormat telah dianjurkan untuk memperkenalkan beliau kepada pegawai utama di negeri ini.

(a) Yang DiPertua Negeri Sabah

Yang Dipertua Negeri Sabah, TYT Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin telah menerima Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating di Istana Negeri pada 10 September. Selain daripada menjelaskan peranan, fungsi dan pencapaian Suruhanjaya, Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating turut mengambil peluang untuk memaklumkan mengenai kes seorang banduan yang berharap menerima pengampunan.



TYT Sabah (dua dari kiri) menerima kunjungan Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating

Semasa lawatan Suruhanjaya ke Institusi Penjara Wanita di Kepayan, Kota Kinabalu pada 24 Oktober 2012, Suruhanjaya telah dimaklumkan tentang seorang banduan wanita yang telah dipenjarakan selama 20 tahun di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Pegawai Penjara telah memperakui perilaku yang baik dan kewartakan beliau. TYT sebagai pemegang kuasa pengampunan, telah memberikan jaminan untuk meneliti kes tersebut. Pejabat Sabah telah memajukan butiran terperinci kepada Lembaga Pengampunan Negeri bagi tujuan pertimbangan.

(b) Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah

Semasa kunjungan hormat pada 8 November, Pesuruhjaya telah memberi penerangan kepada Speaker, YB Datuk Seri Panglima Mohd Salleh Tun Said berkenaan Laporan NI yang telah diedarkan kepada umum pada 5 Ogos. Pesuruhjaya berharap supaya laporan itu dibentangkan untuk perbahasan pada sidang Dewan Undangan Negeri Sabah akan datang. Ini dapat memberi penumpuan kepada isu dan syor serta membolehkan dasar dan keputusan pentadbiran dikaji semula.

(c) Timbalan Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan

Semasa kunjungan hormat tersebut, Pesuruhjaya telah memberi taklimat kepada Encik Mohd Noor Wahab, mengenai objektif dua projek tematik berkenaan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan warga emas. Encik Mohd Noor Wahab telah menjamin untuk memberikan sokongan dan kerjasama Jabatannya kepada Suruhanjaya.

(d) Peguam Besar Negeri

Pesuruhjaya telah bertemu dengan Peguam Besar Negeri yang baru dilantik, Datuk Hajah Mariati Roberts pada 14 November. Laporan NI dan Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012 telah diberikan kepada beliau.

8. HARAPAN MASA DEPAN

Pejabat Sabah akan memberi tumpuan kepada isu berkaitan hak kepada kesihatan dan kematian dalam tahanan. Misi pengumpulan data akan dijalankan dengan kerjasama pihak penjara dan polis serta kerjasama daripada Bahagian lain Suruhanjaya. Selaras dengan ini, Pejabat Sabah akan mengukuhkan pendidikan mengenai hak asasi manusia untuk pegawai penguatkuasa undang-undang. Pejabat Sabah akan turut mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada semua lapisan masyarakat, termasuk media bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negeri ini.

5

BAB

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Tiada sesiapaupun yang dilahirkan untuk membenci orang lain kerana warna kulit, latar belakang atau agamanya. Manusia harus belajar untuk membenci, dan jika mereka boleh belajar membenci, maka mereka boleh belajar mencintai, kerana hati manusia lebih senang menerima cinta daripada benci.

Nelson Mandela
'Long Walk to Freedom'

Fokus Pejabat Suruhanjaya di Sarawak (Pejabat Sarawak) ialah untuk menyiasat dan menyelesaikan aduan berkaitan pencabulan hak asasi manusia. Perkara ini menjadi tanggungjawab utama terutamanya yang membabitkan isu tanah. Lawatan lapangan termasuklah lawatan ke pusat tahanan telah dilakukan bagi mengumpul maklumat dengan lebih terperinci terutamanya yang melibatkan kes-kes khusus.

Pejabat Sarawak juga turut mengadakan Perbincangan Meja Bulat (PMB), ceramah dan seminar di samping mempromosi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti dengan agensi kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

1. PENYELESAIAN ADUAN

Pejabat Sarawak lazimnya menangani isu berkaitan pampasan terhadap pengambilalihan tanah, dakwaan pencerobohan terhadap tanah adat oleh syarikat pembalakan, dan masalah pentadbiran melibatkan dokumen pengenalan diri. Seperti tahun sebelumnya, Pejabat Sarawak terus menerima aduan daripada orang awam yang dihantar menerusi memorandum, surat, email, telefon serta hadir sendiri ke Pejabat Sarawak. Jumlah bilangan kes aduan menurun memandangkan Suruhanjaya tidak lagi menerima sebarang aduan yang dihantar oleh sumber tanpa nama atau aduan yang dihantar kepada agensi lain tetapi dibuat salinan kepada Suruhanjaya. Namun begitu, Pejabat Sarawak akan memberikan keutamaan kepada kes yang membabitkan golongan rentan seperti kanak-kanak, wanita dan Orang Asal.

Daripada 32 aduan yang telah diterima pada tahun tersebut, tujuh daripadanya didapati tidak berkaitan dengan hak asasi manusia dan tidak memerlukan sebarang tindakan lanjut. Berdasarkan baki daripada 25 kes pula, 21 daripadanya adalah berkaitan dengan Hak Tanah Adat Anak Negeri (NCR) (Jadual 1). Sebanyak enam aduan telah diselesaikan dengan mendapat

kerjasama daripada agensi kerajaan dan NGO, manakala sejumlah 19 kes pula telah diajukan kepada pihak berkenaan.

Jadual 1: Aduan yang diterima oleh Pejabat Sarawak, 2013

ISU YANG MEMBABITKAN HAK ASASI	JUMLAH KES
NCR untuk tanah	21
Pendidikan	1
Hak untuk menikmati taraf kehidupan yang mencukupi	1
Perbicaraan adil dan pendengaran awam	1
Lain-lain	1
JUMLAH	25

(a) Hal-hal Tanah

Pada 5 Februari, Pejabat Sarawak telah menerima memorandum daripada wakil perkampungan Iban dari Bahagian Mukah yang membuat aduan mengenai pencerobohan tanah mereka. Mereka mendakwa bahawa tanah tersebut telah dipajak sejak dari zaman kolonial dan telah ditanam dengan pokok sagu serta getah. Mereka mengadu tentang tindakan syarikat pembalakan yang telah menceroboh tanah dan merosakkan pokok tanpa pengetahuan mereka.



Penduduk kampung berketurunan Iban dari Bahagian Mukah membuat aduan mengenai pencerobohan tanah mereka

Sesetengah anggota masyarakat pedalaman telah lama melahirkan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap tindakan Kerajaan Negeri yang telah mengambil tanah mereka bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan. Dalam kes Empangan Murum di Belaga, penduduk daripada lapan buah rumah panjang di kawasan tersebut telah menyatakan bahawa mereka tidak menentang projek tersebut, tetapi bimbang kerana terpaksa berpindah dari tanah dan hutan yang telah mereka bergantung untuk sara hidup dan mata pencarian. Pada 21 November, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada kaum Penan yang menuntut:

- Pelaksanaan prinsip keizinan berasaskan makluman awal, bebas & telus.

- Pelaksanaan proses penempatan semula
- Menghormati tanah NCR mereka
- Pemberian sempadan hutan simpan kegunaan komunal
- Bayaran pampasan
- Pembayaran royalti hasil keuntungan yang dijana daripada Empangan Murum
- Penubuhan tabung pembangunan masyarakat serta tabung pendidikan
- Penyediaan peluang pekerjaan

Sarawak Energy Bhd, melalui suratnya bertarikh 16 Disember kepada Suruhanjaya menyatakan bahawa, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program penempatan semula seperti yang dirancang untuk kaum Penan. Penduduk yang terbabit diberi pakej pampasan bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup mereka melalui:

Kaum Penan mengatakan bahawa mereka tidak menentang pembinaan empangan tersebut tetapi melahirkan kebimbangan mereka kerana terpaksa berpindah dari tanah dan hutan yang mereka diami.

- (i) Pembinaan rumah panjang dua tingkat yang dilengkapi dengan air, elektrik serta kemudahan sanitasi;
- (ii) Sistem jalan masuk untuk sekolah dan klinik sementara serta pusat ibadat;
- (iii) Pemberian 15 ekar tanah bagi setiap keluarga;
- (iv) Pemberian RM15,000 sebagai pampasan perpindahan;
- (v) Bantuan bulanan sebanyak RM850 kepada setiap keluarga bagi tempoh tiga tahun dari tarikh penempatan semula;
- (vi) Bantuan bulanan sebanyak RM500 untuk setiap keluarga pada tahun keempat penempatan semula;
- (vii) Bantuan berasaskan keperluan bermula dari tahun kelima penempatan semula; dan
- (viii) Pemberian tanah guna sama seluas 30 ekar bagi tujuan kawasan rayau, berburu dan mengumpul makanan

Dalam aduan berlainan yang berkaitan tanah, mereka menyatakan bahawa nilai pampasan yang diterima tidak setara dengan nilai semasa hartanah atau tidak menerima sebarang pampasan. Tambahan pula, formula pengiraan pampasan tersebut tidak diperjelaskan kepada pemilik tanah. Suruhanjaya akan terus membuat susulan berkenaan isu ini.

Dakwaan yang sama juga dibangkitkan semasa prosiding Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (NI) di Malaysia. Laporan NI tersebut telah diumumkan pada 5 Ogos, yang mengandungi syor daripada pihak Suruhanjaya bagi menangani permasalahan yang timbul.

2. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Pejabat Sarawak telah membantu Kumpulan Pembangunan dan Penyelidikan Dasar (RPDG) menganjurkan forum di Kuching pada 25 September. Antara yang hadir termasuklah pengetua sekolah, guru Sekolah Khas, pegawai kerajaan dan wakil masyarakat sivil. Mereka telah mengenal pasti tiga perkara utama yang memerlukan campur tangan Kerajaan:

- Peruntukan lebih besar untuk Sekolah Khas;
- Kajian semula kurikulum untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar kurang upaya; dan
- Penyediaan guru terlatih bagi Sekolah Khas.

(sila lihat Laporan di muka surat 81)

3. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN DAN SOKONGAN KEPADA WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA

Pejabat Sarawak telah memberikan sokongan kepada RPDG dalam penganjuran seminar setengah hari yang diadakan di Kuching pada 26 September. Seramai 50 orang yang mewakili pihak berkepentingan telah hadir. Sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan oleh pembentang dari Jabatan Kesihatan Negeri dan Universiti Malaysia Sarawak. Para peserta telah mengutarakan isu berkaitan dalam perbincangan mereka antaranya:

- Warga emas mengalami pelbagai cabaran dan halangan fizikal disebabkan keadaan persekitaran bangunan di sesetengah fasiliti.
- Kebanyakan warga emas memerlukan bantuan kewangan memandangkan mereka tidak memiliki wang persaraan.
- Warga emas terpaksa berhadapan dengan waktu menunggu yang lama dan panjang ketika mendapatkan perkhidmatan, terutamanya di hospital kerajaan.
- Warga emas sepatutnya diberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berpatutan termasuk pemeriksaan kesihatan yang berpatutan memandangkan kebanyakan mereka menghadapi penyakit seperti diabetes, hipertensi dan sakit jantung.
- Penjaga warga emas kekurangan sumber manusia yang mencukupi, termasuk perkhidmatan sukarela, dalam menyediakan penjagaan institusi.

(sila lihat Laporan di muka surat 86)

4. MEMANTAU FASILITI

(a) Sekolah Khas

Pejabat Sarawak dan Sekretariat Suruhanjaya telah mengadakan lawatan bagi mengumpul maklumat ke atas dua buah Sekolah Khas di Kuching serta pusat jagaan kanak-kanak bermasalah pembelajaran mereka. Lawatan ini memfokuskan kepada fasiliti, sukatan pelajaran dan kurikulum, termasuklah kualiti pengajaran dan kewangan.

Kedua-dua buah sekolah tersebut telah menyatakan mengenai keperluan untuk memiliki bangunan sendiri dan menambah bilik darjah bagi memenuhi pertambahan bilangan pelajar pada masa hadapan. Guru sekolah tersebut turut menyuarakan kesukaran mereka untuk mengadakan aktiviti di kelas sedia ada kerana kesempitan ruang bilik darjah.

(i) SK Serian, 23 Julai

Seramai 52 orang pelajar sekolah yang berdaftar tahun ini berumur dari 7-14 tahun. Walaupun terdapat lapan buah kelas, tidak terdapat kelas khas bagi pengajaran Pendidikan Islam. Selain itu, tandas juga tidak bersesuaian bagi pelajar kurang upaya; kelas terletak di kawasan rendah dan terdedah kepada banjir pada setiap tahun; pintu masuk kelas tidak sesuai bagi mereka yang menggunakan kerusi roda.

Pesuruhjaya Francis Johen Adam berinteraksi dengan para guru dan pelajar di Sekolah Khas SK Serian



Lawatan ke Sekolah Khas SK Serian

(ii) SK Laksamana, 25 Julai

Sekolah tersebut memiliki tujuh buah kelas dan cukup untuk menampung pengambilan seramai 69 orang pelajar berumur dari 7-13 tahun bagi tahun ini. Penghadang turut dipasang bagi mengelakkan para pelajar autistik daripada meninggalkan kelas mereka tanpa disedari. Sekolah tersebut mempunyai seramai 16 orang guru. Mereka turut meminta peralatan mengajar tambahan untuk pelajar yang menghadapi disleksia.

Syor Suruhanjaya

1. Kerajaan harus menyediakan dana yang mencukupi untuk Sekolah Khas.
2. Kelas dan tandas yang bersesuaian di sekolah.
3. Premis yang mesra pelajar kurang upaya perlu disediakan terutamanya bagi mereka yang menggunakan kerusi roda.

Berdasarkan lawatan di kedua-dua buah sekolah pendidikan khas ini, Suruhanjaya mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini adalah kekurangan bangunan yang bersesuaian serta ruang fizikal bagi menampung keperluan pelajar ini.

(c) Lokap Polis Sg Maong

Pesuruhjaya telah mengetuai lawatan ke balai polis pada 1 Ogos dan disambut oleh pegawai yang bertugas iaitu, Inspektor Standly Mawat anak Ranggau. Lokap yang memiliki dua sel tersebut boleh memuatkan sehingga lima orang tahanan. Daripada pemerhatiannya, Suruhanjaya telah mengesyorkan supaya kebersihan tandas perlu dijaga; lampu yang mencukupi dalam sel; dan selimut disediakan untuk tahanan.

(d) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Miri

Pada 3 Disember, Pejabat Sarawak serta Sekretariat Suruhanjaya telah melakukan lawatan ke pusat tersebut bagi menilai perkhidmatan yang disediakan melalui PDK untuk kanak-kanak kurang upaya.

Konsep PDK ini menekankan kepada peningkatan kualiti hidup bagi orang yang kurang upaya termasuklah ahli keluarga mereka; memenuhi keperluan asas mereka; dan membolehkan kemasukan dan penyertaan dalam bermasyarakat. Ia telah berkembang menjadi strategi berkonsepkan serampang dua mata dalam memperkasakan OKU bagi membolehkan mereka memanfaatkan perkhidmatan pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan sosial.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan supaya PDK diintegrasikan melalui usaha sama dengan OKU, ahli keluarga mereka, komuniti, agensi kerajaan serta NGO. Ini memerlukan kerjasama yang erat antara OKU dan keluarga mereka bagi mengatasi halangan fizikal serta sosiologikal dalam masyarakat.

Pada awal penubuhannya, program PDK Miri ini dikenali sebagai PIBAKIS. Pusat ini telah didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 oleh sekumpulan ibu bapa serta penjaga yang memiliki anak kurang upaya pada tahun 1991. Bagi tahun 2013, jumlah kemasukan murid adalah seramai 185 dengan 24 tenaga pengajar.

Pusat ini beroperasi setiap hari dari 8.00 pagi – 1.00 tengahari dan dari 1.30 petang – 5.00 petang bagi menyediakan perkhidmatan berikut:

- (i) Sokongan intervensi awal dan penyertaan kanak-kanak kurang upaya
Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk menyertai sepenuhnya dalam komuniti dan hendaklah mempunyai pilihan, peluang dan pengalaman hidup yang sama seperti kanak-kanak lain. Sokongan tambahan yang disediakan untuk kanak-kanak kurang upaya dan ahli keluarga mereka boleh membantu mereka untuk menyertai dalam masyarakat, dengan itu memenuhi potensi mereka. Penyediaan sokongan awal dengan hasil yang lebih baik terutamanya jika disediakan dalam persekitaran semula jadi kanak-kanak.
- (ii) Lawatan ke rumah
Lawatan ini dilakukan oleh empat orang tenaga pengajar yang melawat sebanyak 30 buah rumah pada setiap hari bagi mengawasi perkembangan kanak-kanak.
- (iii) Aktiviti luar
Kanak-kanak kurang upaya diberi pendedahan kepada kelas agama, kelas menjahit dan kelas memasak serta aktiviti riadah supaya mereka dapat mempelajari kemahiran hidup berdikari dan berinteraksi antara satu sama lain.

5. MESYUARAT PERUNDINGAN MENGENAI PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Pada 27 Februari, Suruhanja dengan dibantu oleh Pejabat Sarawak telah mengadakan mesyuarat perundingan berkenaan proses UPR bersama media tempatan. UPR adalah merupakan mekanisme semakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meneliti komitmen dan obligasi Negara dalam menyampaikan hak asasi manusia. Seramai tujuh pengamal media telah menghadiri mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh mantan Pesuruhjaya Muhammad Sha'ani Abdullah, yang turut dibantu oleh mantan Pesuruhjaya Datuk Detta Samen. Tujuan mesyuarat ini adalah bagi memberikan penerangan tentang mekanisme proses penilaian tersebut. UPR pertama bagi Malaysia telah diadakan pada tahun 2009, yang telah menyaksikan Kerajaan menerima pakai 62 daripada 103 syor yang telah dicadangkan oleh Negara ahli PBB. Malaysia juga telah melalui kitaran kedua UPR pada Oktober 2013.

6. CERAMAH MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

(a) Rumah Kanak-kanak, Serian, Kuching

Rumah ini memberikan perlindungan kepada 79 orang kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Lawatan pada 19 September ke rumah ini, membolehkan Pesuruhjaya Francis Johen Adam berceramah mengenai hak asasi manusia kepada sejumlah pelawat serta kakitangan. Dalam ceramahnya, beliau menekankan tentang hak kanak-kanak serta fungsi dan peranan Suruhanjaya. Rumah tersebut diuruskan oleh Puan Fazila Sulaili dengan bantuan seramai 50 orang kakitangan yang mana 30 orang daripadanya telah hadir ke ceramah tersebut. Para peserta telah mengutarakan persoalan berikut:

- Peranan Suruhanjaya dalam melindungi hak kanak-kanak yang masih muda terutamanya yang berkerja di tempat seperti kedai kopi;
- Sama ada kanak-kanak boleh memilih agama sekiranya tidak terdapat sebarang maklumat tentang latar belakang keluarga mereka; dan
- Sama ada Suruhanjaya terlibat dalam peringkat awal projek pembangunan seperti pembinaan empangan hidroelektrik, kerana terdapat banyak isu hak asasi manusia terlibat.



Pesuruhjaya Francis Johen Adam memberikan ceramah di Rumah Kanak-kanak di Serian, Kuching

(b) Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Bintulu

Pada 18 Mac, pihak Suruhanjaya telah menyampaikan ceramah mengenai hak asasi manusia kepada anggota RELA. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran isu hak asasi manusia. Ceramah ini merupakan batu loncatan bagi tujuan kerjasama dengan RELA pada masa hadapan. Para peserta juga telah mengutarakan persoalan mengenai perancangan Suruhanjaya untuk menambahbaik penyelesaian isu hak asasi manusia; dan tentang pertikaian berkaitan tanah antara OA dan Kerajaan Negeri.

(c) Orang Kurang Upaya, Miri

Bersempena dengan Hari OKU pada 3 Disember, satu sesi ceramah telah diadakan dan telah menarik lebih daripada 76 orang peserta daripada agensi kerajaan, NGO serta individu yang berminat. Sasaran ceramah adalah untuk:

- (i) Memberikan pemahaman yang lebih baik tentang keperluan OKU;
- (ii) Penyampaian maklumat kepada ahli keluarga OKU berkenaan perkhidmatan sokongan sedia ada; dan
- (iii) Penyampaian maklumat kepada OKU tentang hak asas mereka.

Pesuruhjaya telah memberikan taklimat kepada peserta tentang hak OKU seperti yang termaktub di dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008. Aspek seperti akses kepada bangunan di bawah seksyen 26(1); akses kepada kemudahan awam di bawah seksyen 27(1); akses kepada pendidikan di bawah seksyen 28(1) dan akses kepada pekerjaan di bawah seksyen 29(1) turut diperjelaskan.

Para peserta turut menunjukkan minat tentang fungsi orang ramai dalam membantu kerajaan mendaftarkan OKU. Mereka mencadangkan supaya agensi kerajaan mengambil lebih ramai kakitangan daripada kalangan OKU; dan meminta supaya Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan untuk OKU dalam setiap pelan perancangan bangunan mereka.

7. MESYUARAT BERSAMA SARAWAK ENERGY BERHAD (SEB)

Pejabat Sarawak telah mengadakan mesyuarat bersama SEB pada 21 Januari. SEB telah diwakili oleh Encik Steven Bartholomeusz, Pengurus Kanan (Tanggungjawab Sosial Korporat) dan Encik Baderi Sahmat, Pengurus, Polisi dan Hubungan Kerajaan. Ini adalah bagi merapatkan hubungan dalam mempromosi tanggungjawab sosial korporat oleh syarikat tersebut ketika berurusan dengan Anak Negeri, terutamanya ketika melakukan perancangan serta pelaksanaan projek pembangunan. SEB memaklumkan akan turut berkerjasama dengan pihak lain, seperti NGO dalam pelaksanaan setiap aktiviti.

8. KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat telah dilakukan ke atas Pengarah Penjara Negeri, Encik Abdul Kadir Rais, pada 18 Februari, dan Pengarah RELA Negeri, Encik Rini Tupong, pada 25 Februari, bagi memberikan maklumat terkini mengenai aktiviti Suruhanjaya.



Encik Rini Tupong, Pengarah RELA Negeri, sedang berbincang dengan Pesuruhjaya Datuk Detta Samen

Persatuan Alumni SK Serasot, Kuching

Pada 24 Oktober Persatuan Alumni SK Serasot dari Daerah Bau telah mengadakan kunjungan hormat serta lawatan sambil belajar ke Pejabat Sarawak. Pesuruhjaya Francis Johen Adam, merangkap penasihat persatuan, telah menyambut kehadiran delegasi yang diketuai oleh Presidennya, Encik Matthew Jikeh Nowek. Delegasi tersebut telah diberikan penerangan tentang peranan dan fungsi Suruhanjaya, dengan menekankan bahawa Suruhanjaya merupakan sebuah institusi nasional hak asasi manusia yang bebas dan bukannya NGO. Para pelawat juga turut dimaklumkan bahawa Suruhanjaya bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan semua pihak bagi terus mempromosi kesedaran terhadap hak asasi manusia.

9. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun hadapan, **Pejabat Sarawak** akan menumpukan fokusnya terhadap hak kepada kesihatan dan kematian dalam tahanan. Misi pengumpulan maklumat akan dilaksanakan menerusi lawatan ke penjara, pusat tahanan Imigresen dan lokap polis negeri, dengan kerjasama Bahagian lain Suruhanjaya.

Pejabat Sarawak juga komited dalam memperkukuhkan hubungannya dengan Kerajaan Negeri, NGO dan masyarakat pada masa hadapan, dalam meningkatkan kesedaran terhadap hak asasi manusia. Ia akan bergantung kepada *road show*, seminar dan PMB bagi menyampaikan maklumat yang berkaitan dan untuk mengumpul maklumat.

LAMPIRAN

LAMPIRAN I

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2013

NO	TARIKH	TAJUK
1.	10 Januari	49 Saksi Beri Keterangan Di Hadapan Panel Siasatan Awam Ke Atas Kejadian Semasa Dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012
2.	10 Januari	Hak Untuk Berhimpun Secara Aman Harus Dihormati
3.	12 Januari	Sifat Keikhlasan Dan Tolak Ansur Di Kalangan Parti Yang Terlibat Menjamin Perhimpunan Aman
4.	12 Mac	Menghormati Hak Asasi Manusia Dalam Menangani Krisis Lahad Datu
5.	26 Mac	Anugerah Hak Asasi Manusia SUHAKAM 2013
6.	17 April	Penemuan SUHAKAM Berhubung Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa Dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012
7.	25 April	Laporan SUHAKAM Berhubung Inkuiri Nasional Ke Atas Hak Tanah Orang Asal/Asli Di Malaysia
8.	21 Jun	SUHAKAM Menyeru Agar Perlindungan Diberikan Kepada Mangsa Pemerdagangan Dan Penyeludupan
9.	27 Jun	Maklum Balas SUHAKAM Terhadap Cadangan Pelaksanaan Semula Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) (EO)
10.	12 Julai	SUHAKAM Menyambut Baik Langkah Kerajaan Membenarkan Pelarian Untuk Bekerja Di Malaysia
11.	5 Ogos	Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli Di Malaysia
12.	20 Ogos	SUHAKAM Memuji Jaminan PM Untuk Tidak Memperkenalkan Undang-Undang Menyekat Hak Asasi Manusia Dan Kebebasan
13.	6 September	Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak Harus Dipelihara Dan Dihormati
14.	28 September	Prinsip Hak Asasi Manusia Harus Dicerminkan Dalam Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan Dan Pemerluasan) 2013
15.	7 Oktober	Rekod Hak Asasi Manusia Malaysia Bakal Disemak Untuk Kali Kedua Pada 24 Oktober 2013
16.	10 Oktober	SUHAKAM Membantah Pendekatan Polis Untuk "Tembak Dahulu"
17.	26 Oktober	Semakan Kedua Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

49 SAKSI BERI KETERANGAN DI HADAPAN PANEL SIASATAN AWAM KE ATAS KEJADIAN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM 28 APRIL 2012

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menamatkan Siasatan Awam ke atas kejadian Semasa dan Selepas Perhimpunan 28 April 2012, 29 hari selepas pendengaran pertama pada 5 Julai 2012. Sejumlah sebanyak 49 saksi termasuk 19 orang awam, empat anggota media, 18 anggota polis dan lapan pakar profesional telah memberikan keterangan mereka di hadapan tiga anggota Panel Siasatan yang dipengerusikan oleh Datuk Dr Khaw Lake Tee dan dibantu oleh Pesuruhjaya Prof Datuk Dr Mahmood Zuhrri b Abdul Majid dan Encik Delta Samen. Kebanyakan orang awam dan media hadir atas kehendaknya sendiri manakala anggota polis dipanggil berdasarkan senarai nama yang telah diserahkan oleh Polis Diraja Malaysia atau keterangan saksi semasa pendengaran awam. Pendengaran pada hari ini, tiga pemerhati mewakili Polis Diraja Malaysia, Majlis Peguam dan Perhimpunan Bersih 3.0, telah dijemput untuk membuat penghujahan mereka kepada Panel untuk dipertimbangkan. Panel akan menimbang semua keterangan dan penghujahan dalam penyediaan laporan yang dijangka siap dan dikemukakan awal Februari.

Suruhanjaya telah mula mengumumkan siasatan awam pada 21 Mei 2012. Siasatan ini dijalankan susulan daripada aduan dan memorandum yang diterima oleh Suruhanjaya atas dakwaan penggunaan tenaga yang tidak seimbang oleh pegawai penguatkuasa ke arah peserta dan anggota media semasa dan selepas perhimpunan awam 28 April. Suruhanjaya juga telah menurunkan pasukan pemantau semasa perhimpunan tersebut. Ini adalah siasatan kesembilan awam yang dijalankan oleh Suruhanjaya sejak penubuhannya, di mana separuh daripada jumlah yang dijalankan berikutan aduan dan memorandum mengenai penyalahgunaan kuasa dan penggunaan kekerasan yang tidak seimbang dalam menyuraukan orang ramai semasa perhimpunan awam.

Dalam melaksanakan perlindungan dan promosi hak asasi manusia, Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia dan sekiranya mewajarkan sebuah siasatan diadakan, Suruhanjaya, di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), mempunyai kuasa untuk memperoleh dan menerima semua keterangan dan memanggil mana-mana orang untuk memberikan keterangan. Dalam hal ini, Suruhanjaya ingin mengesakan bahawa kuasa untuk menjalankan siasatan awam terhadap dakwaan pencabulan hak asasi manusia ini berasal dari seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Dalam menjalankan siasatan ini, Suruhanjaya menunaikan kewajipan sebagai badan berkanun dan tanggungjawabnya untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di negara ini seperti yang dimandatkan oleh Akta 597.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Januari 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

HAK UNTUK BERHIMPUN SECARA AMAN HARUS DIHORMATI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan kesediaan pihak polis untuk memudahkan Himpunan Kebangkitan Rakyat yang akan diadakan pada 12 Januari 2013 seperti yang umumkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Osman. Suruhanjaya turut menyambut baik dialog yang diadakan di antara pihak polis dan penganjur Himpunan bagi memastikan hak untuk berhimpun dilaksanakan sepenuhnya dalam perhimpunan yang akan dijalankan ini.

Suruhanjaya juga mengalu-alukan jaminan Ketua Polis Negara dalam memastikan personel polis memaparkan nama dan nombor badan semasa menjalankan operasi mereka sepertimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya berdasarkan dapatan inkuri awam terdahulu berkenaan dakwaan penggunaan kekerasan melampau oleh pihak penguatkuasa.

Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum bahawa wakil media yang akan menghadiri perhimpunan tersebut akan diberi tag pengenalan khas yang dikeluarkan oleh pihak polis selain daripada tag rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan, ia berharap agar wakil media yang tidak memiliki tag pengenalan khas polis turut mendapat perlindungan dan pengiktirafan yang sama semasa menjalankan tugas rasmi mereka.

Sebagai Institusi Hak Asasi Manusia nasional yang sentiasa menangani isu berkenaan kebebasan berhimpun semenjak penubuhannya, Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada pihak penguatkuasa untuk menghormati dan memenuhi komitmen hak asasi manusia yang dijanjikan oleh kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa, dalam masa yang sama, mematuhi norma hak asasi manusia antarabangsa ke arah memperbaiki keadaan hak asasi manusia di negara ini.

Memandangkan hal ini boleh mempengaruhi imej polis dan negara, Suruhanjaya berharap agar pihak polis akan menjalankan tugas mereka secara profesional dan mencontohi amalan terbaik pihak polis di negara lain seterusnya menambahbaik kelemahan daripada pengalaman terdahulu. Suruhanjaya yakin bahawa dengan adanya sikap positif yang ditunjukkan oleh pemimpin atasan polis, pihak polis boleh dan akan merealisasikan harapan masyarakat awam. Pada masa sama, Suruhanjaya juga menyeru agar pihak penganjur dan peserta mematuhi tanggungjawab masing-masing ke arah mempromosi satu perhimpunan yang aman.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Januari 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SIFAT KEIKHLASAN DAN TOLAK ANSUR DI KALANGAN PARTI YANG TERLIBAT MENJAMIN PERHIMPUNAN AMAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) dengan berbesar hati dan kepuasan ingin mengalu-alukan kejayaan perhimpunan aman "Himpunan Kebangkitan Rakyat" yang diadakan di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur dan di Kota Kinabalu pada hari ini. Kejayaan ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya sifat keikhlasan dan tolak ansur di kalangan parti yang berkenaan, hak demokratik berhimpun secara aman boleh dilaksanakan dalam negara ini dan bukannya seperti mana yang diragui oleh skeptis.

Suruhanjaya memuji sikap profesional yang ditunjukkan oleh pihak polis, penganjur dan peserta dalam mengendalikan perhimpunan ini yang mana mencerminkan imej yang baik terhadap negara. Suruhanjaya turut memuji pemimpin atasan polis atas kecerdasan dan kebijaksanaan mereka dalam menangani keadaan berkenaan perhimpunan.

Suruhanjaya juga berbesar hati dengan kerjasama yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak polis dan penganjur perhimpunan dalam usaha mengawal keadaan perhimpunan dan persuraian peserta untuk mengelakkan sebarang kejadian dan penahanan yang tidak diingini.

Menyedari akan perhimpunan tersebut telah menggambarkan bahawa perhimpunan aman boleh direalisasikan menerusi penglibatan terbuka di antara pihak penguatkuasa, penganjur dan peserta perhimpunan, Suruhanjaya berharap bahawa usaha positif ini akan terus meningkatkan persefahaman di antara semua pihak yang terlibat terhadap peranan masing-masing dalam memastikan pengendalian perhimpunan yang aman seterusnya memberi kelonggaran kepada sekatan yang sedia ada.

Dalam melaksanakan peranannya sebagai badan pemantau yang bebas, Suruhanjaya telah menggerakkan pasukan pemantaunya untuk memerhatikan keadaan perhimpunan di beberapa lokasi utama di Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Ia akan meneruskan peranan penting ini di samping menjalankan siasatan mengenai sebarang pelanggaran hak asasi manusia yang dikemukakan kepadanya.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
12 Januari 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA DALAM MENANGANI KRISIS LAHAD DATU

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengucapkan takziah kepada keluarga dan saudara-mara anggota keselamatan yang terkorban dalam operasi yang diadakan di Sabah baru-baru ini demi mempertahankan keselamatan dan kedaulatan Sabah. Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan semoga keluarga mereka diberi kekuatan dan tabah dalam mengharungi tempoh kesukaran ini.

Suruhanjaya juga mengambil berat tentang keselamatan dan kesejahteraan semua warga Sabah terutama sekali mereka yang turut terjejas secara langsung oleh krisis yang berlanjutan ini. Ini melibatkan penduduk yang mengalami trauma akibat daripada serangan menakutkan yang berlaku di kawasan krisis serta mereka yang dipindahkan dan ditempatkan di dewan komuniti.

Suruhanjaya menghargai tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada kumpulan yang terjejas yang merangkumi perkhidmatan psikologi dan kaunseling, penambahan ahli pasukan perubatan dan kemudahan awam. Suruhanjaya berharap agar pihak Kerajaan akan terus memastikan keperluan asas dan kebajikan serta bantuan kemanusiaan yang lain untuk kumpulan ini sentiasa diutamakan dalam usaha mengatasi krisis ini.

Berhubung dengan penahanan 97 orang yang disyaki mempunyai hubungan dengan militan Sulu oleh pihak berkuasa Malaysia di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan memastikan proses undang-undang dan prinsip-prinsip hak asasi manusia dihormati sepenuhnya.

Walaupun Suruhanjaya berharap penduduk yang dipindahkan itu boleh kembali ke rumah masing-masing dan meneruskan rutin biasa mereka, ia menggesa agar pihak berkuasa terus melindungi penduduk setempat menerusi langkah-langkah keselamatan yang sedia ada ke arah memastikan persekitaran yang selamat dan aman.

Suruhanjaya juga berpandangan bahawa adalah penting untuk semua pihak berhati-hati dalam memberi maklum balas mereka terhadap krisis ini bagi mengelakkan sebarang salah faham atau spekulasi yang boleh memburukkan lagi keadaan. Bagi tujuan ini, Suruhanjaya berharap agar pihak berkuasa yang berkaitan akan terus menyalurkan maklumat dan perkembangan terbaru kepada orang ramai tentang status dan peristiwa berhubung krisis ini dari semasa ke semasa.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

12 Mac 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA SUHAKAM 2013

Bersempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 10 Disember, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mempelawa pencalonan awam bagi Anugerah Hak Asasi Manusia 2013. Anugerah ini diperkenalkan oleh Suruhanjaya sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan hak asasi manusia dan untuk memberi penghormatan kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dalam kalangan individu, kumpulan, organisasi dan agensi-agensi atas sumbangan mereka terhadap hak asasi manusia di Malaysia.

Penganugerahan ini memberi peluang bagi calon untuk bersaing dalam empat kategori iaitu, Anugerah Komuniti Individu, Anugerah Organisasi atau Kumpulan, Anugerah Media dan satu kategori baru, Anugerah Khas. Bagi kategori yang baru diwujudkan adalah terbuka kepada agensi kerajaan atau badan berkanun atau syarikat berkaitan kerajaan serta entiti perniagaan swasta yang telah menunjukkan amalan terbaik hak asasi manusia dalam pelaksanaan dasar dan peraturan, norma dan standard, penyampaian perkhidmatan atau pengurusan aktiviti perniagaan.

Suruhanjaya berharap agar kempen ini akan menggalakkan persefahaman dan sokongan di kalangan orang awam terhadap kerja pembela hak asasi manusia dan dalam masa yang sama, menggalakkan penyertaan aktif di kalangan pelbagai komuniti dan aktor masyarakat dalam bidang hak asasi manusia.

Pencalonan akan ditutup pada 31 Julai 2013 dan senarai pemenang akan diumumkan oleh Suruhanjaya pada bulan November melalui portal rasmi, disusuli dengan Majlis Penyampaian Anugerah pada 10 Disember.

Borang pencalonan dan maklumat tambahan mengenai Anugerah boleh diperolehi daripada portal rasmi Suruhanjaya di www.suhakam.org.my.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

26 Mac 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PENEMUAN SUHAKAM BERHUBUNG SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM 28 APRIL 2012

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) hari ini mengeluarkan penemuannya berhubung Siasatan Awam ke atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012 (BERSIH 3.0), yang bersidang pada 5 Julai 2012 dan berakhir pada 10 Januari 2013.

Siasatan Awam tersebut dijalankan untuk mengenalpasti sebarang pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu atau pihak semasa dan selepas Perhimpunan Awam 28 April. Secara keseluruhan, seramai 49 orang saksi merangkumi orang awam, kakitangan media, kakitangan polis dan professional telah memberi keterangan di hadapan Panel Inkuiri yang diketuai oleh Naib-Pengerusi Suruhanjaya Datuk Dr Khaw Lake Tee dan dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi dan Datuk Delta Samen. Sebanyak 67 eksibit dan dokumen telah diterima oleh Panel sepanjang Siasatan Awam berlangsung.

Panel Inkuiri turut menjemput wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Peguam dan BERSIH 2.0 sebagai pemerhati dan juga untuk membantu Panel dalam pelbagai perkara termasuk menyoal saksi-saksi dan membuat penghujahan lisan dan bertulis kepada Panel apabila Siasatan Awam selesai.

Di dalam laporannya, Panel telah mengenalpasti penemuan berikut sebagai hasil dapatan Siasatan Awam tersebut:

- Bahawa Perhimpunan Awam 28 April merupakan perhimpunan awam yang pertama diadakan selepas penguatkuasaan Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012). Namun demikian, memandangkan Akta tersebut baru berkuat kuasa 5 hari sebelum perhimpunan berlangsung, adalah terlalu awal bagi pihak PDRM mengambil kira sepenuhnya APA 2012 dalam pengoperasian dan pengendalian peserta perhimpunan;
- Bahawa pendekatan 3R 1C 1E (Restraint, Restraint, Restraint, Caution and Enforce) yang digunakan oleh PDRM dalam mengendalikan perhimpunan tidak mencerminkan semangat APA 2012, sebagaimana yang diinginkan oleh pihak polis. Pelaksanaan restraint adalah tidak sama dengan pemudahcara yang mana maksudnya merujuk kepada satu peranan yang lebih aktif dan bersifat penyertaan;
- Bahawa polis tidak membantu atau memudahkan penyuraian para peserta semasa perhimpunan awam 28 April 2012 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8, APA 2012;
- Bahawa peserta perhimpunan tidak diberikan masa yang mencukupi dan munasabah untuk bersurai dalam keadaan yang teratur dan selamat. Sebaliknya, amaran bersurai hanya diberikan sebelum tembakan meriam air dan gas pemedih mata yang pertama dan tidak dilakukan selepas itu. Tembakan meriam air dan gas pemedih mata yang berterusan turut menjejaskan usaha peserta untuk bersurai;

- Bahawa terdapatnya penggunaan kekerasan yang tidak seimbang dan insiden salah laku oleh kakitangan polis ke atas peserta yang ditahan dan dibawa ke kawasan tahanan di Dataran Merdeka dan kebanyakan mereka yang ditahan tidak dimaklumkan sebab mereka ditangkap;
- Bahawa terdapat peserta yang ditahan oleh kakitangan polis semasa mereka berada di dalam premis tertentu walaupun mereka telah meninggalkan kawasan perhimpunan;
- Bahawa terdapat cubaan oleh pihak polis menghalang pihak media daripada membuat liputan berkenaan perhimpunan menerusi rampasan peralatan mereka, memadam gambar-gambar yang diambil serta menahan atau mengasari mereka;
- Bahawa kesemua peserta yang ditahan di PULAPOL tidak dimaklumkan akan sebab mereka ditahan dan dinafikan hak untuk mendapatkan akses kepada wakil perundangan mereka;
- Bahawa mereka yang mengadakan protes di luar kediaman Dato' Ambiga Sreevenasan selepas 28 April mempunyai hak untuk mengamalkan kebebasan bersuara dan berhimpun. Pada masa yang sama, amalan tersebut tidak harus menafikan hak ke atas privasi, kebebasan peribadi dan keselamatan Dato' Ambiga Sreevenasan serta mereka yang tinggal di sepanjang kawasan kediaman tersebut. Aktiviti yang dijalankan harus selari dengan undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil majlis perbandaran. Kegagalan pihak berkuasa untuk bertindak ke atas pelanggaran undang-undang dan peraturan tersebut menunjukkan bahawa terdapatnya kekurangan kesungguhan untuk bertindak mahupun bersikap berat sebelah atau tidak mengendahkan daripada pihak berkuasa;
- Bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepatutnya dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam memudahkan lalulintas dengan membuka lebih banyak jalan di dalam dan sekitar bandaraya;
- Bahawa terdapat penutupan beberapa stesen Transit Aliran Ringan (LRT) termasuk Masjid Jamek, Dang Wangi, Pasar Seni (Aliran Kelana), Plaza Rakyat, Bandaraya and Sultan Ismail (Aliran Ampang) daripada 3.00 petang hingga 5.30 petang yang mengakibatkan kesukaran para peserta untuk bersurai secara aman dan teratur; dan
- Bahawa sesetengah penggunaan bahasa di dalam garis panduan yang disediakan oleh penganjur perhimpunan pada 28 April yang bertajuk "Garis Panduan Bersih 3.0 – 28 April" boleh disalahtafsir dan boleh menggalakkan para peserta menyalahi undang-undang atau mendorong kepada kelakuan dan akibat yang tidak diingini.

Berdasarkan kepada hasil penemuan Siasatan Awam, Panel Inkuiri telah menggariskan beberapa syor untuk pertimbangan pihak berkuasa yang berkaitan dan pihak media. Ini termasuklah, antara lain, perkara-perkara seperti berikut:

- PDRM perlu menyelia perhimpunan aman seperti yang diperuntukkan di bawah APA 2012 dalam memastikan pengurusan dan kawalan orang ramai serta meminimumkan gangguan kepada orang awam dan aktiviti di kawasan-kawasan yang berkenaan. Ia boleh dicapai melalui mesyuarat bersama pihak penganjur serta latihan dan bengkel yang berterusan berhubung pengurusan dan kawalan peserta semasa perhimpunan berselari dengan piawaian antarabangsa;
- Pihak polis perlu membuat perbezaan di antara perhimpunan aman dan rusuhan serta mengekalkan sikap neutral dalam melindungi keselamatan peserta dan orang awam sekiranya perhimpunan awam tersebut melibatkan dua atau lebih kumpulan berbeza di dalam kawasan yang sama;

- PDRM perlu mengkaji semula dan meminda Prosedur Standard Operasi (SOP)/Perintah Tetap dalam menyuraikan perhimpunan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa seperti Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Konvenen Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Konvensyen Eropah dan Amerika mengenai Hak Asasi Manusia, dan mencontohi amalan terbaik Pasukan Polis lain di dunia;
- PDRM perlu memastikan bahawa peserta diberi masa yang mencukupi dan munasabah untuk bersurai dalam cara yang teratur dan selamat, dan laluan keluar yang betul boleh diakses bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Cara alternatif dalam memberi amaran dan menyuraikan peserta juga perlu dikaji semula;
- PDRM perlu mengelak sebarang kejadian yang tidak diinginkan atau arahan yang bercanggah dengan memastikan semua arahan yang dikeluarkan oleh Komander Lapangan dan, sekiranya terdapat tugas perlu diserahkan kepada pegawai lain, maklumat tersebut hendaklah disampaikan kepada kakitangan polis yang bertugas semasa perhimpunan;
- PDRM perlu menggunakan cara komunikasi tambahan atau yang lain bagi memastikan para pegawai polis dapat mengekalkan komunikasi antara satu sama lain dan untuk mengelak sebarang kekeliruan berhubung perintah atau tindakan yang diambil oleh mana-mana pasukan di lapangan;
- Pegawai yang melakukan penahanan perlu mengamalkan sikap berhati-hati dan mengelakkan penggunaan kekerasan yang tidak wajar atau tidak seimbang dalam melakukan tangkapan serta perlu memaklumkan kepada orang yang ditahan mengenai sebab mereka ditahan serta memastikan hak mereka untuk mendapatkan akses kepada pegawai perundangan;
- Orang ramai terutamanya peserta perhimpunan tidak seharusnya mengambil tindakan undang-undang di tangan sendiri dan perlu menghargai dan menghormati sepanjang masa peranan dan tanggungjawab polis dalam mengekalkan dan memelihara keselamatan, undang-undang dan ketenteraman;
- Polis perlu memakai tag nama atau nombor badan sepanjang masa menjalankan tugas manakala pegawai yang berpakaian preman yang ditugaskan untuk memantau, memerhati dan merekod peristiwa tidak boleh terlibat di dalam proses penyuraian dan penahanan, melainkan mereka memperkenalkan identiti mereka;
- PDRM perlu mengkaji semula SOP dan mewajibkan setiap anggota untuk membuat laporan selepas menjalankan tugas mereka yang mana semua butir-butir tindakan yang diambil semasa bertugas;
- Pihak berkuasa yang berkaitan dan media disyorkan untuk merujuk kepada Laporan Khas Organisasi untuk Keselamatan dan Kerjasama di Eropah: Pengurusan media ketika demonstrasi politik (OSCE's Special Report on the Handling of the Media), yang mana mengandungi garis panduan berkenaan cara layanan pihak berkuasa terhadap media semasa perhimpunan serta persiapan media dalam membuat liputan sesuatu peristiwa;
- Komunikasi atau taklimat di antara pihak polis dan media perlu diadakan sebelum perhimpunan dalam membantu kedua-dua belah pihak memahami peranan dan tugas masing-masing pada hari perhimpunan, dan menjangka apa-apa keadaan yang tidak diduga;

- Wartawan perlu memastikan pakaian mereka tidak sama dengan pakaian para peserta dan tag media hendaklah dipakai dan diperlihatkan sepanjang masa. Mereka juga tidak seharusnya menyertai para peserta di dalam aktiviti-aktiviti seperti berdirid dan menyanyi bagi mengelakkan daripada dikenalpasti sebagai peserta;
- PDRM perlu menjalankan dan menyelesaikan siasatan ke atas laporan polis yang dibuat oleh orang awam berhubung tindakan yang dilakukan oleh kakitangan polis bagi mengelakkan tuduhan berat sebelah dan tidak telus;
- Pihak berkuasa perlu lebih berhati-hati ketika mengeluarkan kenyataan yang boleh disalahtafsir sebagai membenarkan atau memperjuangkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia dan pelanggaran mana-mana undang-undang di negara ini; dan
- Pihak berkuasa perlu bertindak secara profesional, adil dan saksama pada setiap masa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka agar tidak kelihatan memihak atau bersikap berat sebelah kepada mana-mana pihak atau kumpulan tertentu.

Berdasarkan kepada penemuan tersebut, Panel berharap agar pihak berkuasa mengambil langkah-langkah yang perlu dalam melaksanakan syor-syornya dan menunjukkan sikap profesionalisme dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab oleh semua peringkat dalam mana-mana perhimpunan awam. Oleh yang demikian, Suruhanjaya sekali lagi memuji pihak polis yang berjaya dalam mengendali dan mengurus perhimpunan aman "Himpunan Kebangkitan Rakyat" yang diadakan di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur pada 12 Januari 2013.

Walaupun Panel mengakui bahawa setiap individu berhak kepada hak asasi dan kebebasan untuk berhimpun termasuklah hak untuk berhimpun seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, APA 2012 dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Suruhanjaya berharap agar semua pihak memainkan peranan yang seimbang dalam mengamalkan hak dan kebebasan masing-masing dan tidak menafikan hak dan kebebasan orang lain.

Panel ingin menekankan bahawa skop Siasatan Awam adalah terhad kepada isu-isu pelanggaran hak asasi manusia semasa dan selepas perhimpunan pada 28 April. Oleh itu, Panel tidak menyiasat perkara-perkara seperti justifikasi disebalik perhimpunan itu sendiri; komposisi dan objektif peserta dan penganjur dalam perhimpunan; pihak bertanggungjawab atau punca kepada kejadian yang berlaku sekitar 3.00 petang pada hari itu atau motif mereka untuk bertindak demikian; atau keputusan dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa, melainkan perkara yang berkaitan dengan skop terma rujukan.

Kesimpulannya, Panel ingin merakamkan penghargaannya kepada semua saksi, pemerhati, Pejabat Ketua Polis Negara (KPN), Sekretariat BERSIH 2.0 serta media, di atas kerjasama, sokongan dan bantuan yang diberikan kepada Panel sepanjang perjalanan Siasatan Awam.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pengerusi Panel Inkuiri/Naib-Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
17 April 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

LAPORAN SUHAKAM BERHUBUNG INKUIRI NASIONAL KE ATAS HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) melahirkan kebimbangannya ke atas spekulasi yang dibuat oleh pelbagai pihak termasuk Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan "Sarawak Report" berhubung, antara lain, dakwaan mengenai penangguhan pengeluaran Laporan Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (Inkuiri Nasional).

Suruhanjaya selaku Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), ingin menyatakan bahawa hak untuk mengeluarkan sebarang penerbitan laporan Suruhanjaya merupakan satu-satunya prerogatif eksklusif Suruhanjaya. Semenjak penubuhannya pada 1999, Suruhanjaya, atas kehendak sendiri, telah mengeluarkan pelbagai laporan termasuklah laporan berhubung siasatan awam sebelum ini tentang dakwaan pencabulan hak asasi manusia.

Berhubung dengan Laporan Inkuiri Nasional, meskipun terdapat amalan yang lepas, Suruhanjaya, setelah membuat pertimbangan yang serious, memutuskan untuk menangguhkan pengeluaran rasmi Laporan ini selepas penyerahan pertamanya kepada Parlimen Persekutuan. Keputusan ini dibuat berdasarkan seksyen 21(3) Akta Suruhanjaya yang menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh, bila mana dianggapnya perlu berbuat demikian, mengemukakan laporan khas kepada Parlimen berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu yang dirujuk kepadanya dan tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara itu".

Memandangkan pentingnya dapatan dan syor Laporan ini kepada kesejahteraan komuniti Orang Asli/Asal di Malaysia, Suruhanjaya melihat pentingnya untuk menyerahkan Laporan Inkuiri Nasional berhubung hak tanah Orang Asli/Asal yang pertama ini kepada Parlimen Persekutuan, Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri yang berkaitan bagi membolehkan para Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pembuat dasar untuk membicarakan isu dan syor yang terkandung dalam Laporan. Walaubagaimanapun, disebabkan Pilihanraya Umum yang menjelang dan juga pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menangguhkan pengeluaran laporan tersebut sehingga satu Parlimen dan Kerajaan Persekutuan serta Dewan Undangan Negeri yang baru dibentuk. Memandangkan pentingnya dapatan dan syor yang kukuh dalam Inkuiri Nasional, adalah menjadi hasrat Suruhanjaya agar ia akan dibincangkan sepenuhnya di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seterusnya disusuli dengan langkah susulan yang cepat dan berkesan dalam pelaksanaan pelbagai syor dan cadangan yang dikandung dalam laporan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri demi kepentingan komuniti Orang Asli/Asal.

Sebagai sebuah NHRI yang mematuhi Prinsip-prinsip Paris, Suruhanjaya ingin menekankan kesaksamaan dan kebebasannya dalam menjalankan mandat berkanunnya berhubung promosi dan perlindungan hak asasi manusia untuk semua orang di Malaysia.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

25 April 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU AGAR PERLINDUNGAN DIBERIKAN KEPADA MANGSA PEMERDAGANGAN DAN PENYELUDUPAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) melahirkan kebimbangan bahawa sekali lagi, bagi tahun keempat berturut-turut, Malaysia diletakkan di Kedudukan Kedua, Senarai Pemerhatian (Tier 2, Watch List) oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) dalam laporan Antipemerdagangan Orang (ATIP) 2013 kerana kegagalan mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras pemerdagangan di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000 (TVPA). Pihak Jabatan Negara AS mengaitkan kedudukan Malaysia dengan kekurangan kemajuan signifikan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani pemerdagangan orang di Malaysia berbanding tahun sebelumnya.

Dalam laporan ATIP 2013 tersebut, Jabatan Negara AS memberikan penilaiannya terhadap rekod pemerdagangan orang di Malaysia termasuk usaha yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam tiga aspek utama iaitu, pendakwaan, perlindungan dan pencegahan yang sebahagian daripada isu-isu tersebut pernah diutarakan oleh Suruhanjaya menerusi laporan tahunan, dan juga dialog serta perbincangan meja bulat bersama agensi-agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain.

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi melalui sesi dialog bersama pelbagai pihak berkepentingan dan lawatan ke rumah perlindungan mangsa pemerdagangan, pihak Suruhanjaya telah menghasilkan syor berikut:

- Bahawa Kerajaan mengukuhkan mekanisme berhubung dengan pendakwaan ke atas pesalah, perlindungan ke atas mangsa dan pencegahan insiden-insiden baru penyeludupan melalui kerjasama dengan kumpulan masyarakat sivil dan misi diplomatik, serta pihak-pihak berkepentingan serantau dan antarabangsa;
- Bahawa Badan Bukan Kerajaan (NGO) perlu disediakan satu saluran untuk menawarkan kepakaran mereka kepada Majlis bagi Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) kerana ramai mangsa lebih cenderung mendapatkan khidmat mereka untuk bantuan;
- Bahawa semua mangsa disediakan dengan pemeriksaan kesihatan serta-merta setibanya di pusat-pusat perlindungan, serta lawatan berkala oleh kakitangan perubatan;
- Bahawa mangsa dimaklumkan status kes mereka dan sebuah mahkamah khas diwujudkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes berkaitan anti-pemerdagangan orang;

- Bahawa Kerajaan menyediakan latihan yang ekstensif untuk meningkatkan kemahiran pegawai penguatkuasa undang-undang di seluruh negara, terutamanya di barisan hadapan, mengenai cara-cara untuk mengenal pasti mangsa yang disyaki terbabit dalam penyeludupan manusia;
- Bahawa Kerajaan meminda Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) dengan membenarkan mangsa untuk menerima pampasan dan untuk bekerja sementara menunggu penyelesaian kes-kes mereka; mewartakan rumah-rumah perlindungan yang dikendalikan oleh NGO, memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai kes-kes penyeludupan manusia dan penyeludupan migran iaitu seksyen 12 dan 13 di bawah Akta ATIP; serta penjelasan mengenai peranan Suruhanjaya dan keanggotaannya dalam Majlis;
- Bahawa Kerajaan mengkaji semula seksyen 2(1) Akta Kerja 1955 yang membenarkan "kontraktor bagi buruh" yang mungkin boleh mengakibatkan eksploitasi pekerja oleh pihak agensi pengambilan pekerja dan majikan; dan
- Bahawa Kerajaan menyertai Konvensyen Antarabangsa Hak Asasi Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka serta Konvensyen Berkaitan dengan Status Pelarian.

Memandangkan Malaysia merupakan negara destinasi dan transit bagi kebanyakan pekerja migran, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan mempertingkatkan usahanya dalam memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan di semua peringkat, selari dengan standard antarabangsa yang ditentukan oleh Protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang terutama di kalangan Wanita dan Kanak-kanak.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
21 Jun 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MAKLUM BALAS SUHAKAM TERHADAP CADANGAN PELAKSANAAN SEMULA ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN PENCEGAHAN JENAYAH) (EO)

Suruhanjaya amat bimbang dengan laporan mengenai peningkatan kadar jenayah yang melibatkan bekas tahanan EO sejak pemansuhan EO pada tahun 2012 yang mendorong kepada cadangan daripada segelintir rakyat yang prihatin termasuk ahli akademik dan penyelidik agar EO dilaksanakan semula atau satu undang-undang penahanan pencegahan yang serupa digubal bagi menangani elemen yang mengugat ketenteraman negara dan keselamatan masyarakat di Negara ini.

Walaupun Suruhanjaya mengakui perlunya isu ini ditangani demi ketenteraman sosial, ia berpendapat bahawa pelaksanaan semula EO merupakan satu langkah retrogresif kerana sebarang tahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip asas hak asasi manusia, khususnya Artikel 8(1) dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 7 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) yang memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan samarata di sisi undang-undang. Keputusan penting Kerajaan atas inisiatif Perdana Menteri berkenaan penggubalan undang-undang selaras dengan keperluan masyarakat kontemporari merupakan satu kemenangan bagi pejuang-pejuang hak asasi manusia – yang mana kita semua adalah atau seharusnya menjadi seperti itu sebagai rakyat kepada sebuah negara yang berhasrat mencapai demokrasi yang berfungsi sepenuhnya – dan oleh itu, kita haruslah menyokong keputusan berkenaan ke arah mencapai taraf negara-negara maju.

Peningkatan kadar jenayah berlaku di negara - negara lain dan ianya bukan perkara unik di Malaysia; namun demikian, ini tidak memberi justifikasi ke atas penggunaan kaedah mundur/ retrogresif yang hanya akan membawa Malaysia terkebelakang dari segi rekod hak asasi manusianya. Suruhanjaya berpandangan bahawa dakwaan kesalahan jenayah boleh ditangani oleh undang-undang keseksaan termasuk Kanun Keseksaan yang membenarkan suspek penjenayah didakwa menerusi pembicaraan awam yang adil di mahkamah.

Suruhanjaya juga berpandangan bahawa pihak berkuasa perlu meningkatkan keberkesanan mekanisme siasatan, pencegahan dan pemantauan jenayah, serta program pemulihan untuk bekas tahanan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
27 Jun 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYAMBUT BAIK LANGKAH KERAJAAN MEMBENARKAN PELARIAN UNTUK BEKERJA DI MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memuji keputusan Kerajaan untuk mengeluarkan permit pekerjaan kepada pelarian di Malaysia. Langkah positif ini adalah selari dengan seruan konsisten Suruhanjaya pada tahun-tahun sebelum ini agar perlindungan hak asasi manusia yang lebih baik diberikan kepada pelarian dan pencari suaka di Negara ini.

Suruhanjaya, selama ini, telah menerima banyak aduan tentang isu-isu yang dihadapi oleh pelarian dan pencari suaka, khususnya berkenaan sekatan ke atas hak asasi mereka untuk mendapat pekerjaan, pendidikan formal dan perkhidmatan kesihatan. Dari aspek pekerjaan, pelarian sentiasa menderita akibat eksploitasi oleh sesetengah majikan disebabkan status mereka dan juga ketiadaan permit pekerjaan. Sehubungan dengan ini, Suruhanjaya berharap agar, pihak Kerajaan akan melindungi pelarian daripada sebarang bentuk eksploitasi oleh majikan.

Dalam mengalu-alukan perkembangan positif ini yang merupakan satu langkah utama untuk memperbaiki kesejahteraan pelarian di Malaysia, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan terus merapatkan hubungan kerjasama dengan UNHCR dalam memperbaiki keadaan pelarian dan perlindungan terhadap hak asasi manusia mereka, selaras dengan kedudukannya sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Hak Asasi Manusia yang bertanggungjawab dan aktif. Suruhanjaya akan terus melahirkan harapannya agar Kerajaan akan mengambil langkah tambahan ke arah menyertai Konvensyen Berkaitan dengan Status Pelarian 1951.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

12 Julai 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) pada hari ini dengan besar hati mengemukakan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia kepada pihak Kerajaan Malaysia dan awam.

Sepertimana yang umum sedia maklum, Inkuiri Nasional ini julung kali diadakan oleh Suruhanjaya. Suruhanjaya memutuskan untuk mengadakan Inkuiri Nasional ini setelah menerima banyak aduan secara berterusan berhubung isu tanah daripada masyarakat Orang Asli/Asal sejak penubuhannya.

Justeru, Suruhanjaya melihat pentingnya penglibatan semua pihak berkepentingan bagi memastikan keberkesanan Inkuiri ini. Inisiatif pertama Suruhanjaya adalah untuk memaklumkan pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan mengenai niat dan objektif inkuiri ini. Ini diikuti pula oleh sesi konsultasi dimana pihak berkepentingan yang lain termasuk masyarakat Orang Asal/Asli dan masyarakat madani (civil society) diberi peluang untuk mengemukakan isu-isu berkaitan. Turut hadir semasa sesi konsultasi ini adalah wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Bagi memastikan Suruhanjaya mendapat gambaran menyeluruh dan adil mengenai isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi konsultasi, Suruhanjaya telah menjalankan sesi pendengaran awam dimana kes-kes yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu telah didengar. Semasa sesi pendengaran awam ini, semua pihak termasuk masyarakat Orang Asal/Asli, sektor swasta dan Kerajaan dijemput untuk memberikan keterangan di hadapan Panel Inkuiri. Keseluruhan proses Inkuiri Nasional ini memakan masa lebih 18 bulan dan peruntukan sebanyak RM1,235,508.61 telah dibelanjakan bagi menjayakan Inkuiri Nasional ini.

Hasil daripada proses Inkuiri Nasional ini, satu Laporan telah disediakan yang merangkumi isu-isu yang telah dibangkitkan. Laporan ini telah dibahagikan kepada beberapa bab termasuk tiga bab berasingan bagi merekodkan isu-isu yang bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Suruhanjaya ingin menarik perhatian kepada isu-isu am (common) yang melibatkan keseluruhan Orang Asal/Asli di Malaysia. Ini termasuklah dakwaan bahawa pihak bertanggungjawab gagal memberi pengiktirafan sebenar terhadap konsep pemilikan tanah mengikut adat turun-temurun Orang Asal/Asli dan kelemahan pentadbiran tanah Orang Asal/Asli oleh pihak Kerajaan. Selain itu, isu-isu lain yang dibangkitkan adalah melibatkan dakwaan kegiatan pembalakan dan perladangan dijalankan diatas tanah adat Orang Asal/Asli. Di samping itu, terdapat juga dakwaan tanah adat Orang Asal/Asli telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan (rizab hutan simpan atau kawasan perlindungan hidupan liar). Isu yang kerap ditimbulkan adalah ketiadaan sesi konsultasi yang menyeluruh dan telus dengan Orang Asal/Asli mengenai pembangunan tanah adat di kawasan mereka.

Dalam Laporrannya itu, Suruhanjaya telah menyenaraikan 18 syor-syor berkaitan dengan enam isu utama seperti berikut:-

1. Pengiktirafan Hak Adat Orang Asal/Asli terhadap tanah
2. Remedi bagi tanah yang hilang
3. Menangani isu-isu / ketidakseimbangan pembangunan tanah
4. Mencegah kehilangan tanah adat Orang Asal/Asli di masa hadapan
5. Menangani isu-isu pentadbiran tanah
6. Mengiktiraf tanah sebagai nadi kepada identiti Orang Asal/Asli

Suruhanjaya berharap agar Kerajaan dapat mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh Suruhanjaya dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Adat Orang Asal/Asli ini. Antara syor-syor khusus atau spesifik yang diharapkan akan mendapat sokongan daripada pihak Kerajaan adalah berkaitan penubuhan satu Suruhanjaya Kebangsaan yang bebas mengenai Orang Asal yang fungsinya antara lain akan meneliti pengiktirafan secara berkesan serta mempromosi dan melindungi hak Orang Asal/Asli terhadap tanah dan identiti mereka. Penubuhan Suruhanjaya yang dicadangkan ini perlu dilihat sebagai satu tindakan afirmatif yang terikat dengan jangka masa tertentu dan melibatkan penyertaan meluas pihak-pihak berkepentingan bagi pembangunan dan kesejahteraan hidup Orang Asal/Asli di Malaysia.

Suruhanjaya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya daripada wakil Kerajaan, masyarakat Orang Asal/Asli dan sektor swasta, atas kerjasama dan maklum balas dalam Inkuiri Nasional ini.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

5 Ogos 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMUJI JAMINAN PM UNTUK TIDAK MEMPERKENALKAN UNDANG-UNDANG MENYEKAT HAK ASASI MANUSIA DAN KEBEBASAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) berbesar hati dan menyambut baik jaminan Perdana Menteri bahawa undang-undang yang akan menyekat hak asasi manusia dan kebebasan mahupun memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk menahan individu tanpa bicara tidak akan diperkenalkan dalam usaha Kerajaan memerangi jenayah. Suruhanjaya juga memuji Perdana Menteri kerana mengiktiraf keperluan untuk memastikan keseimbangan di antara hak asasi manusia dan kepentingan awam. Pendapat ini adalah selaras dengan pendirian konsisten Suruhanjaya dalam maklum balasnya ke atas cadangan untuk melaksana semula undang-undang penahanan pencegahan bagi menangani peningkatan jenayah dan juga amat selari dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah demokrasi yang menonjol dan berfungsi sepenuhnya serta sebuah negara maju dalam jangka masa yang tidak lama lagi.

Dalam menyokong janji Kerajaan untuk bertindak ke atas peningkatan kadar jenayah dan juga untuk memulihkan keselamatan awam, Suruhanjaya mengulangi harapannya agar sebarang langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih selamat, tidak dilaksanakan menerusi undang-undang penahanan pencegahan yang menjejaskan hak asasi orang ramai kepada kebebasan dan percibaraan yang adil.

Suruhanjaya turut menyeru agar Kerajaan menjalankan satu kajian yang teliti dan mengkaji semula dasar keselamatan negara sebagai satu langkah bagi tempoh panjang untuk melindungi keselamatan awam sekiranya ia berpandangan bahawa undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengatasi peningkatan kadar jenayah.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Ogos 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

KEPENTINGAN TERBAIK KANAK-KANAK HARUS DIPELIHARA DAN DIHORMATI

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) melahirkan rasa bimbang dan tidak senang hati terhadap tindakan pihak polis baru-baru ini dalam menemuramah beberapa pelajar SK Seri Pristana tanpa persetujuan dan kehadiran ibu bapa mereka. Suruhanjaya juga amat bimbang dengan kegagalan pihak berkuasa sekolah menunaikan tanggungjawab serta kewajipan mereka terhadap pelajar-pelajar di bawah jagaan mereka dan dalam mencegah insiden tersebut daripada berlaku.

Sesungguhnya tiada peruntukkan khas di bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang mengkehendaki kehadiran bersama ibu bapa atau penjaga sebelum seseorang kanak-kanak ditemuramah atau disoal semasa siasatan oleh mana-mana pihak berkuasa. Suruhanjaya berpendapat bahawa tindakan pihak telah mencabuli semangat asas Akta Kanak-kanak yang jelas dalam memperuntukkan, antara lain, bahawa seseorang kanak-kanak, atas sebab kurang matang dari segi fizikal, mental dan emosi, memerlukan pemeliharaan, penjagaan dan bantuan yang khas, serta perlindungan dalam semua keadaan dan sepanjang masa. Akta Kanak-kanak juga selari dengan empat prinsip asas Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang mana Malaysia merupakan sebuah Negara Anggota. Prinsip-prinsip ini termasuk: tiada-diskriminasi; hak kepada nyawa; kelangsungan dan perkembangan serta tumpuan terhadap kepentingan terbaik kanakkanak. Artikel 5 CRC juga menekankan keperluan untuk Kerajaan menghormati hak dan tanggungjawab ibu bapa untuk memberi arah tuju dan panduan yang bersesuaian kepada anak mereka dengan cara yang selaras dengan keupayaan berkembang mereka. Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Keadilan dalam Hal-hal berkenaan Mangsa dan Saksi Kanak-kanak bagi Jenayah juga menekankan keperluan untuk menguruskan mangsa dan saksi jenayah secara berhati-hati sepertimana yang terdapat dalam Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak.

Suruhanjaya menggesa pihak polis and semua sekolah supaya bertindak dan menegakkan sepanjang masa dasar kepentingan terbaik mana-mana kanak-kanak, dan memastikan bahawa tindakan sedemikian tidak berlaku pada masa hadapan dan sekiranya wujudnya sebarang keperluan untuk menyoal mana-mana kanak-kanak, temuramah tersebut harus dijalankan atas persetujuan dan dengan kehadiran ibu bapa atau penjaga mereka serta menerusi satu kaedah yang "sensitif terhadap kanak-kanak" oleh personel yang terlatih secara profesional.

Bagi memastikan perlindungan dan pemeliharaan, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan mengkaji amalan baik tempat-tempat lain tentang prosedur berkenaan temuramah polis ke atas pelajar-pelajar yang bersesuaian di samping mempertimbangkan untuk menggubal undang-undang bersesuaian dan sementara ini, mengeluarkan panduan yang bersesuaian untuk menangani isu ini.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

6 September 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PRINSIP HAK ASASI MANUSIA HARUS DICERMINKAN DALAM RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013

Dalam mengulangi sokongan terhadap usaha berterusan Kerajaan dalam menangani jenayah serius di negara ini, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) melahirkan rasa bimbang ke atas cadangan pindaan Kerajaan ke atas Akta Pencegahan Penjenayah (PAC) 1959 sepertimana yang dicerminkan dalam Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 yang dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 25 September 2013.

Setelah mengkaji Rang Undang-undang tersebut, Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat beberapa peruntukan terutama sekali berkenaan dengan penahanan tanpa bicara dan perwakilan undang-undang, yang tidak selari dengan prinsip asas hak asasi manusia seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Walaupun adalah diperhatikan bahawa Rang Undang-undang tersebut mencadangkan satu pindaan ke atas Seksyen 9(1) menjadikannya satu keperluan untuk laporan-laporan siasatan dikemukakan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (Lembaga) dan bukannya Menteri, Suruhanjaya memandang serius terhadap cadangan seksyen 9(5) dan seksyen 9A(2) yang menafikan hak seseorang untuk perwakilan undang-undang seperti yang terjamin di bawah Perkara 5(3) dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 7 dalam UDHR.

Suruhanjaya juga bimbang dengan cadangan seksyen 7C yang memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengeluarkan perintah tahanan terhadap seseorang yang telah melakukan dua atau lebih kesalahan yang serius, sama ada dia telah disabitkan atau tidak, dan semata-mata berdasarkan kecukupan bukti. Suruhanjaya berpendapat bahawa peruntukan ini mencabuli hak seseorang kepada percabaran yang adil, perlindungan terhadap percabaran berulang serta hak untuk kesaksamaan di sisi undang-undang dan hak untuk dipertimbangkan tidak bersalah sehingga terbukti bersalah, seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 7(2) dan Perkara 8(1) dalam Perlembagaan Persekutuan.

Suruhanjaya juga melahirkan rasa kecewa ke atas cadangan seksyen 15A yang menghalang semakan kehakiman ke atas keputusan Lembaga melainkan perkara-perkara yang berkenaan prosedur seterusnya menafikan hak seseorang individu untuk mendapatkan percabaran yang adil di mahkamah dengan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.

Dalam usaha Kerajaan memerangi jenayah, adalah penting untuknya memastikan bahawa undang-undang yang digubal adalah progresif dan tidak mundur, menyedari akan kedudukan Malaysia sebagai ahli kepada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa yang

mengkehendaknya menegakkan piawaian tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini. Oleh itu, Suruhanjaya berpendapat adalah penting untuk Kerajaan menengguhkan pembentangan kali kedua rang undang-undang tersebut dan menjalankan kajian semula ke atas cadangan-cadangan pindaan dengan mengambil kira prinsip-prinsip hak asasi manusia berikut:

- Bahawa penahanan tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya;
- Bahawa penahanan mestilah berdasarkan sebab dan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang;
- Bahawa maklumat tentang sebab-sebab penahanan mesti diperuntukkan; dan
- Bahawa hak untuk perbicaraan yang adil dan akses kepada perwakilan undang-undang mesti diperuntukkan.

Suruhanjaya berpendapat bahawa selaras dengan matlamat ternyata Kerajaan untuk menggerakkan negara ke arah mencapai status negara maju pada masa akan datang, adalah penting untuk Malaysia menunjukkan pematuhan sepenuhnya dengan norma-norma hak asasi manusia di samping memastikan penglibatan yang bermakna bersama pelbagai pihak berkepentingan di dalam proses kajian semula undang-undang dan perancangan dasar yang mana Kerajaan komited untuk menjalankan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

28 September 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

REKOD HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA BAKAL DISEMAK UNTUK KALI KEDUA PADA 24 OKTOBER 2013

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menyeru orang ramai untuk mengambil maklum tentang Rekod Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia bagi semakan kedua, yang akan dijalankan pada 24 Oktober 2013 di Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Switzerland.

UPR merupakan satu mekanisme yang ditubuhkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) pada tahun 2007 yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia di setiap negara melibatkan 193 Negara Anggota PBB. Di bawah UPR, rekod hak asasi manusia Negara-negara Anggota akan dinilai semula setiap empat tahun setengah oleh Kumpulan Kerja UPR yang terdiri daripada 47 ahli HRC.

Dalam tempoh ini, setiap Negara Ahli perlu menunaikan komitmen mereka terhadap masyarakat antarabangsa dengan melaksanakan syor-syor yang telah diterima semasa sesi UPR, dengan sasaran untuk mencapai rekod hak asasi manusia yang lebih baik sebelum penilaian seterusnya dijalankan. Malaysia telah dinilai dalam kitaran pertama UPR pada 11 Februari 2009 dan bakal dinilai bagi kali kedua oleh Kumpulan Kerja UPR pada 24 Oktober 2013.

Pada penilaian kitaran pertama, Malaysia telah menerima 62 daripada 103 syor yang dikemukakan oleh Kumpulan Kerja UPR dalam pelbagai isu hak asasi manusia termasuklah, penyertaan kepada triti hak asasi manusia antarabangsa; kajian semula undang-undang yang sedia ada dan sistem kehakiman; hak asasi golongan rentan termasuk Orang Asli/Asal, wanita dan kanak-kanak; pekerja asing; pemerdagangan orang; serta hak-hak pendidikan, ekonomi dan kesihatan.

Memandangkan bahawa Kumpulan Kerja akan menilai pelaksanaan Malaysia terhadap hasil penilaian sebelumnya dan juga syor-syor yang diterima serta perkembangan mengenai situasi hak asasi manusia di negara ini, Suruhanjaya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa inisiatif perundangan semasa yang dilakukan demi kepentingan keselamatan, ketenteraman awam atau pencegahan jenayah, khususnya pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang bersifat mundur dan tidak selaras dengan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia, akan membawa kepada penelitian dan kritikan masyarakat antarabangsa terhadap Negara yang secara tidak langsung akan menjejaskan rekod hak asasi manusia Malaysia di forum antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk menunjukkan pematuhan sepenuhnya dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa dan memenuhi janji dan komitmen secara sukarela yang dikemukakan semasa mempertahankan pencalonannya untuk keahlian HRC, yang mana kesemuanya adalah asas UPR.

Suruhanjaya juga menyeru pihak-pihak berkepentingan yang lain, terutamanya media dan ahli-ahli pertubuhan masyarakat sivil untuk memainkan peranan masing-masing dalam menyokong usaha merealisasikan hasil penilaian ke arah meningkatkan situasi hak asasi manusia di Malaysia.

Bersempena UPR kali kedua Malaysia, Suruhanjaya dan 10 pihak berkepentingan yang lain telah mengemukakan laporan masing-masing kepada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) yang mana kesemuanya telah digabungkan sebagai salah satu daripada tiga dokumen utama yang akan dikaji semula oleh Kumpulan Kerja. Dokumen-dokumen ini boleh didapati di laman web Majlis Hak Asasi Manusia di <http://www.ohchr.org/EN/HRBodies/UPR/Pages/MYSession17.aspx>.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

7 Oktober 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMBANTAH PENDEKATAN POLIS UNTUK "TEMBAK DAHULU"

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) kecewa dengan kenyataan disampaikan oleh Menteri Dalam Negeri di satu majlis taklimat keselamatan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat di Ayer Keroh, Melaka pada 6 Oktober 2013, bahawa anggota gangster akan "ditembak dahulu" tanpa sebarang amaran, sekiranya bukti diperolehi oleh pihak Polis.

Pendekatan yang digalakkan oleh Menteri itu adalah bertentangan sepenuhnya dengan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia, terutamanya hak kepada nyawa dan hak-hak kepada percibaraan yang adil dan mendapat perlindungan samarata di sisi undang-undang sepertimana yang dijamin oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan tersebut yang membenarkan pihak berkuasa melaksanakan undang-undang di tangan mereka sendiri, juga menjejaskan prinsip kedaulatan undang-undang dan sistem pengadilan jenayah yang wajib ditegakkan oleh pihak Kerajaan dengan niat baik dalam sistem demokrasi.

Kenyataan Menteri tersebut adalah amat dikesali dimana rekod hak asasi manusia Malaysia akan diteliti di bawah Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) di Majlis Hak Asasi Manusia pada hujung bulan ini dan kemungkinan besar akan menerima kritikan yang serius oleh komuniti antarabangsa, begitu juga dengan pindaan Kerajaan baru-baru ini ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PCA) yang membenarkan penahanan individu-individu tanpa percibaraan.

Pihak SUHAKAM menggesa agar pihak Kerajaan menegakkan piawaian yang tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dalam segala tindakannya yang bertujuan untuk melindungi keselamatan dan ketenteraman awam.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Oktober 2013



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SEMAKAN KEDUA PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR) MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merakamkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia di atas pembentangannya di sesi Semakan Kedua Rekod Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) pada 24 Oktober 2013 di Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva.

Suruhanjaya yang menghadiri sesi tersebut sebagai pemerhati, mengambil maklum tentang pelbagai komen dan syor yang ditujukan kepada Malaysia oleh kira-kira seratus Negara Ahli PBB semasa sesi dialog interaktif UPR. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa kebanyakan komen yang dikemukakan oleh Negara Ahli adalah bersifat positif dan pujian dimana sebilangan besar daripada mereka memuji Malaysia atas pencapaian mempromosikan hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, terutama sekali dalam aspek-aspek pembasmian kemiskinan dan akses kepada pendidikan serta kesihatan. Komen-komen yang positif juga diberikan berkenaan tindakan Kerajaan memansuhkan beberapa undang-undang penahanan pencegahan termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah (EO) walaupun beberapa Negara Ahli menyuarakan kebimbangan mereka terhadap pindaan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini terhadap Akta Pencegahan Jenayah (PCA) yang bersifat mundur dan tidak selaras dengan prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya mengalu-alukan syor-syor yang dikemukakan oleh Negara Ahli berkenaan isu-isu hak wanita, hak kanak-kanak, hak pekerja asing, hak pelarian dan pemohon suaka, Orang Asli, pemerdagangan manusia dan pemansuhan hukuman mati. Walaubagaimanapun, Suruhanjaya kecewa dengan ketiadaan syor berkenaan isu perniagaan dan hak asasi manusia yang merupakan satu aspek hak asasi manusia yang baru dan penting bagi Negara Ahli di seluruh dunia termasuk Malaysia. Ini menggambarkan kekurangan pengiktirafan oleh pihak Kerajaan Negara-Negara Ahli terhadap peranan dan tanggungjawab entiti perniagaan dalam mwempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Walaupun Suruhanjaya bersetuju dengan komen-komen positif beberapa Negara Ahli bahawa Malaysia telah menunjukkan kemajuan dalam bidang hak asasi manusia melalui pelbagai inisiatif dan pendekatan berikutan penilaian yang dijalankan pada tahun 2009, ia berpendapat bahawa komen-komen dan syor-syor yang kritikal dan membina perlu ada untuk dijadikan peringatan kepada Kerajaan Malaysia bahawa ia perlu menggandakan usaha-usaha mempromosi dan melindungi keadaan hak asasi manusia di dalam negara.

Menyedari bahawa proses UPR membenarkan Negara di bawah Penilaian untuk menyokong atau tidak menyokong sesuatu syor, Suruhanjaya menggesa agar pihak Kerajaan mempertimbangkan secara positif untuk menyokong sebanyak mungkin yang boleh, syor-syor yang membina dan praktikal, dan melaksanakan syor-syor tersebut secara sepenuhnya dalam tempoh masa empat tahun setengah yang akan datang, sebelum dinilai untuk kali ketiga pada tahun 2018, apabila ia menjelang menjadi negara maju.

Suruhanjaya mengalu-alukan penerimapaikapan hasil laporan Malaysia pada peringkat awal yang akan berlangsung pada 31 Oktober 2013 di Geneva. Suruhanjaya berharap agar laporan yang akan menekankan komitmen Kerajaan di bawah semakan kedua UPR tersebut, akan menjadi satu dokumen asas dalam menentukan tindakan susulan pihak Kerajaan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Secara keseluruhannya, Suruhanjaya yakin bahawa sesi UPR tersebut adalah satu kejayaan yang besar bagi pihak Kerajaan yang turut dipuji oleh Suruhanjaya. Namun, Suruhanjaya berpendapat bahawa satu perbincangan yang lebih berfokus dan mendalam tentang situasi hak asasi manusia di negara ini akan mendatangkan lebih banyak manfaat kepada Malaysia dalam mengambil langkah-langkah untuk memenuhi komitmennya bagi menambahbaik situasi hak asasi manusia di negara ini dalam tempoh empat tahun setengah yang akan datang sebelum semakan kedua dijalankan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
26 Oktober 2013

LAMPIRAN II

KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA

NO	TARIKH	TAJUK
1.	Mac	Laporan kepada Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia Oktober 2013
2.	September	Transkrip Kenyataan Video bagi Laporan Pelapor Khas bagi Hak Orang Asal: Industri Ekstraktif dan Orang Asal Sesi Tetap ke-24 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, September 2013
3.	September	Transkrip Kenyataan Video bagi Ringkasan Laporan Konsultasi untuk Promosi dan Perlindungan Hak Warga Emas Sesi Tetap Ke-24 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, September 2013

Laporan kepada Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia Oktober 2013

(Diserahkan pada 11 Mac 2013)

A. PENGENALAN

1. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) berstatus "A". Ia ditubuhkan pada tahun 1999 melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597).
2. Laporan bebas ini mencerminkan pandangan SUHAKAM, berdasarkan perbincangan dan pemantauannya terhadap tindakan susulan proses UPR. Dalam menyediakan laporan ini, SUHAKAM juga telah mengambil kira maklumat yang diperolehi melalui beberapa sesi rundingan¹ dengan pihak berkepentingan.
3. Semenjak UPR pertama Malaysia pada bulan Februari 2009, terdapat beberapa perkembangan positif yang telah menyumbang kepada kemajuan dalam situasi hak asasi manusia di negara ini. Berdasarkan pemerhatian SUHAKAM, kebanyakan pencapaian tersebut berkait dengan hak sivil dan politik. SUHAKAM juga mendapati bahawa kebanyakan daripada pencapaian signifikan berkait dengan syor UPR yang tidak diterima oleh Kerajaan seperti pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan undang-undang pencegahan lain; kajian semula ke atas Akta Polis; dan cadangan bagi mengkaji semula hukuman mati mandatori.

B. ISU-ISU HAK ASASI MANUSIA (Berkaitan dengan Syor UPR)

I. Penyertaan kepada Triti-triti Hak Asasi Manusia Antarabangsa

4. SUHAKAM mengalu-alukan penyertaan Malaysia kepada dua daripada Protokol-protokol Pilihan² CRC³ pada bulan April 2012 serta penarikan balik reservasi-reservasi⁴ tertentu terhadap CRC dan CEDAW⁵ pada tahun 2010.
5. SUHAKAM memuji inisiatif Kerajaan dalam menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Teknikal untuk mengkaji kesesuaian menyertai ICCPR, ICESCR, CAT dan ICERD.⁶
6. SUHAKAM menggesa agar Kerajaan mempercepatkan proses bagi menyertai enam triti-triti hak asasi manusia antarabangsa teras yang masih belum disertai oleh Malaysia. Undang-undang, dasar dan amalan sedia ada yang tidak selari dengan triti-triti tersebut tidak sepatutnya dilihat sebagai penghalang kepada penyertaan. Sebaliknya, penyertaan sepatutnya dijadikan asas bagi pematuhan secara beransur-ansur.

II. Strategi Kebangsaan dan Rangka Kerja Institusi mengenai Hak Asasi Manusia⁷

7. SUHAKAM memuji keputusan Kerajaan yang dibuat pada bulan Oktober 2010 untuk membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) untuk Malaysia. Namun demikian, SUHAKAM berasa bimbang dengan perkembangan yang kurang memberangsangkan meskipun terdapat kenyataan awal bahawa ianya akan dilaksanakan dengan segera. Meskipun SUHAKAM mengakui keperluan mengadakan perbincangan secara meluas dalam merangka NHRAP, ia percaya bahawa NHRAP perlu disiapkan dalam jangka masa yang singkat. SUHAKAM juga menyeru agar Kerajaan mengadakan rundingan yang meluas dan bermakna dengan semua pihak berkepentingan dalam membangunkan NHRAP.
8. SUHAKAM berharap agar cadangan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai Hak Asasi Manusia dapat dilaksanakan, sebagai satu badan yang akan membincangkan Laporan Tahunan SUHAKAM⁸ serta isu-isu hak asasi manusia lain.

III. Golongan Terpinggir

Kanak-kanak

9. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi melindungi hak kanak-kanak dan menangani isu penderaan kanak-kanak⁹ seperti memperkenalkan Dasar Perlindungan Kanak-kanak dan Pelan Tindakan Negara, Talian Kanak-kanak 15999, Kuala Lumpur Crash Pad, sistem National Urgent Response Alert (NUR Alert) dan Pasukan SCAN (Suspected Child Abuse and Neglect).
10. SUHAKAM menyeru agar Kerajaan memberikan perhatian sewajarnya ke atas hak kanak-kanak golongan terpinggir¹⁰ seperti kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak tanpa status kewarganegaraan, kanak-kanak jalanan, kanak-kanak migran, kanak-kanak orang asal dan kanak-kanak pelarian, terutamanya dari segi akses kepada pendidikan yang berkualiti,¹¹ penjagaan kesihatan dan perlindungan daripada penderaan.

Wanita

11. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan ke arah memperkasakan golongan wanita¹² terutamanya dalam mempromosikan kesaksamaan gender dan penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan,¹³ di sektor awam dan swasta.
12. SUHAKAM mengalu-alukan pindaan kepada Akta Keganasan Rumahtangga pada tahun 2012, yang telah memperluaskan takrifan 'keganasan rumahtangga' bagi merangkumi kecederaan psikologi dan emosi. Pindaan yang dibuat juga telah menjadikan keganasan rumahtangga sebagai satu kesalahan yang boleh ditahan, yang membolehkan pihak polis menyasat dan membuat tangkapan segera.¹⁴
13. SUHAKAM menyeru agar Kerajaan meneliti ketiadaan Akta Kesaksamaan Gender; dwi standard berkenaan dengan hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan;

penderaan dan keganasan seksual dalam rumahtangga; penggubalan undang-undang gangguan seksual; jumlah hari cuti bersalin yang dihadkan; pemerdagangan wanita; hak ibu tunggal; wanita pelarian/pencari suaka dan Protokol Pilihan kepada CEDAW.¹⁵

Orang Kurang Upaya¹⁶

14. Kerajaan perlu mempertingkatkan usaha dalam menangani isu hak orang kurang upaya (OKU) terutamanya yang berkaitan dengan pendaftaran OKU; akses kepada pendidikan, khususnya bagi mereka yang mempunyai masalah pembelajaran; akses kepada kemudahan, bangunan dan pengangkutan awam; serta peluang pekerjaan.

Orang Asal/Asli

15. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program bagi menjana peluang ekonomi yang lebih baik serta menyediakan pendidikan¹⁷ yang sama rata bagi komuniti orang asal/asli. Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli telah dilancarkan bagi menyediakan pendidikan yang mampu memberikan orang asal/asli pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memperolehi peluang pekerjaan yang lebih baik.
16. SUHAKAM, melalui Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, mendapati bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah undang-undang, dasar dan pentadbiran bagi menangani isu-isu berkaitan hak tanah orang asal/asli. Isu-isu ini termasuk kekurangan pengiktirafan terhadap konsep Hak Tanah Adat Orang Asal/Asli; kemasukan tanah adat orang asal/asli ke dalam kawasan larangan dan projek pembangunan; serta pampasan yang tidak setimpal dengan kehilangan tanah, kawasan, tanaman dan sumber orang asal/asli. Selain itu, adalah amat penting bagi Kerajaan mengamalkan prinsip keizinan berasaskan maklumat awal, bebas dan telus apabila berhadapan dengan isu-isu berkaitan komuniti orang asal/asli.

Pekerja Migran

17. SUHAKAM mengalu-alukan program 6P Kerajaan yang dijalankan pada tahun 2011, yang bertujuan untuk mendapatkan jumlah bilangan sebenar pekerja migran yang tidak berdokumen di Malaysia dan mengeluarkan dokuman bagi membolehkan mereka bekerja atau kembali ke negara asal dengan kos yang ditanggung oleh mereka sendiri tanpa sebarang penalti.
18. Namun demikian, langkah yang lebih kukuh perlu diambil bagi memastikan hak pekerja migran, khususnya pekerja yang tidak berdokumen, dilindungi. Antara masalah yang dihadapi oleh pekerja migran adalah waktu bekerja yang terlalu panjang dan tidak menentu; pembayaran gaji yang tidak penuh dan tidak menentu; keadaan tempat tinggal yang tidak selesa; dan ketiadaan kad pengenalan diri yang sesuai semasa pasport mereka dipegang oleh majikan.

***Orang Pelarian dan Pencari Suaka*¹⁸**

19. Kerajaan tidak mengiktiraf status orang pelarian dan tidak membuat pembezaan antara orang pelarian, pencari suaka dan pendatang asing yang tidak berdokumen. Tidak ada undang-undang yang mentadbir orang pelarian dan pencari suaka serta hak mereka sangat terhad terutamanya dari segi akses kepada pendidikan rasmi, peluang pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. SUHAKAM mengesyorkan agar Kerajaan menyertai Konvensyen dan Protokol mengenai Status Orang Pelarian.

IV. Pembaharuan Kehakiman¹⁹

20. SUHAKAM memuji penubuhan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman (JAC) pada bulan Februari tahun 2009, bagi mewujudkan satu mekanisme yang lebih telus dalam perlantikan para hakim; serta usaha memperkenalkan subjek hak asasi manusia dalam program latihan yang dikendalikan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bagi pegawai kehakiman dan pendakwa raya. SUHAKAM mengalu-alukan tindakan para hakim untuk merujuk kepada konvensyen-konvensyen hak asasi manusia antarabangsa semasa membuat keputusan, dalam kes-kes yang relevan, dan berharap agar badan kehakiman akan terus mengambil kira standard hak asasi manusia dalam penghakiman yang dibuat.

V. Pemerdagangan Orang

21. SUHAKAM mengalu-alukan inisiatif Kerajaan memperkenalkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010-2015. SUHAKAM mengambil maklum mengenai pindaan yang dibuat ke atas Akta Antipemerdagangan Orang 2010, yang memperuntukkan, antara lain, pengenaan denda yang lebih tinggi ke atas sesiapa yang disabitkan mengaut keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan; serta Perintah Perlindungan Interim mandatori bagi sesiapa yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan orang.
22. SUHAKAM bimbang kerana pindaan yang dibuat telah meluaskan skop Akta tersebut bagi merangkumi penyeludupan migran. Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu dianggap sebagai isu yang berasingan bagi mengelakkan masalah dalam mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang. Selain itu, Akta ini sepatutnya membenarkan mangsa untuk bekerja sementara menunggu kes mereka diselesaikan. SUHAKAM juga mendapati bahawa terdapat kekurangan kesedaran, kemahiran dan sumber di kalangan agensi penguatkuasaan dalam menangani isu tersebut.

VI. Hak kepada Pendidikan

23. SUHAKAM memuji tindakan Kerajaan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 sebagai usaha bagi memperkukuhkan lagi sistem pendidikan.²⁰ Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dari segi akses kepada pendidikan bagi kanak-kanak golongan terpinggir seperti kanak-kanak kurang upaya,²¹ kanak-kanak orang asal/asli, kanak-kanak migran, kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. SUHAKAM mengesyorkan agar Kerajaan menarik balik, antara lain,

reservasi terhadap Artikel 28(1)(a) CRC yang menyeru agar negara anggota menjadikan pendidikan rendah sebagai pendidikan wajib dan percuma bagi semua kanak-kanak. Ini juga selari dengan Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa semua kanak-kanak berhak mendapat perlindungan dan bantuan dalam apa jua keadaan tanpa mengira sebarang perbezaan.

VII. Pembasmian Kemiskinan²²

24. SUHAKAM mendapati bahawa program-program yang dijalankan oleh Kerajaan melalui agensi-agensinya, terutamanya di bawah Program Transformasi Kerajaan, telah membawa kepada hasil yang positif dalam membasmi kemiskinan serta bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.
25. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berasa bimbang kerana dasar dan program pembasmian kemiskinan hanya memberi tumpuan kepada meningkatkan kadar pendapatan dan masih tidak mempunyai pengukuran dan matlamat yang menyeluruh, yang mengambil kira aspek sosial, kebudayaan dan pegangan tanah. Tiada rundingan yang berkesan dan bermakna dengan komuniti atau individu yang terjejas, atau penilaian berkala bagi membolehkan penyesuaian program-program tersebut dan bagi mengatasi kesan negatif.

VIII. Penjagaan Kesihatan

26. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang boleh diakses dan murah, termasuk dengan memperkenalkan Klinik 1Malaysia dan program seperti klinik dan doktor bergerak. Namun demikian, SUHAKAM menyeru agar Kerajaan mengambil langkah bagi memastikan golongan terpinggir seperti pencari suaka, migran yang tidak berdokumen dan orang tanpa kewarganegaraan juga mempunyai akses yang sama rata terhadap penjagaan kesihatan.
27. SUHAKAM bimbang akan kesan-kesan yang mungkin berlaku hasil daripada cadangan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Kesatuan Eropah (EU) dan cadangan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dengan Amerika Syarikat, ke atas ubatan yang telah dipatenkan, yang mungkin membawa kepada peningkatan yang tinggi dalam kos penjagaan kesihatan dan seterusnya menjejaskan akses kepada penjagaan kesihatan. SUHAKAM menyeru agar rundingan yang telus dan bermakna diadakan dengan semua pihak berkepentingan.

IX. Perumahan²³

28. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menangani isu berkaitan hak kepada perumahan terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah. Ini termasuk Program Perumahan Rakyat; Projek Bantuan Perumahan Bandar; Projek Bantuan Sewa Rumah; Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah; dan Skim Rumah Pertamaku. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kes di mana program-program tersebut tidak mendatangkan manfaat kepada kumpulan sasaran atas sebab kegagalan mereka mendapat kelulusan pinjaman, kekurangan unit rumah mampu milik dan sistem pengagihan rumah kos rendah yang tidak cekap.

X. Undang-undang Penahanan Pencegahan

29. SUHAKAM menyambut baik pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1969,²⁴ Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhadap 1933 serta pembatalan tiga Perisytiharan Darurat, yang kesemuanya memperuntukkan penahanan tanpa bicara. Meskipun SUHAKAM mengalu-alukan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), yang menggantikan ISA, ia berpendapat bahawa seksyen 4, 5, 6, dan 30²⁵ Akta tersebut boleh membawa kepada pencabulan hak asasi manusia.

XI. Kebebasan Berhimpun

30. Pemansuhan seksyen 27, 27A dan 27B Akta Polis²⁶ dan pemakaian Akta Perhimpunan Aman pada tahun 2012 merupakan langkah positif yang diambil oleh Kerajaan berkaitan dengan hak untuk berhimpun secara aman. Walaupun Akta Perhimpunan Aman meletakkan tanggungjawab kepada polis untuk memastikan perhimpunan aman dikendalikan dengan lancar, ia juga memberikan kuasa kepada pihak polis untuk mengenakan syarat-syarat tertentu, yang berpotensi untuk menjejaskan hak orang awam untuk berhimpun secara aman.

XII. Kebebasan Bersuara dan Memperoleh Maklumat

31. Kerajaan telah mengambil langkah progresif ke arah menghormati sepenuhnya hak kebebasan bersuara dan memperoleh maklumat. Pindaan yang dibuat ke atas Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada tahun 2012 telah menggugurkan budi bicara mutlak Menteri berkenaan pengeluaran lesen; dan memansuhkan keperluan memperbaharui lesen tersebut setiap tahun. Walaupun SUHAKAM mengalu-alukan pindaan tersebut, ia berpendapat bahawa pembaharuan tidak harus dihadkan untuk menangani perkara-perkara prosedur.
32. SUHAKAM mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 yang lapuk, yang menyekat kebebasan untuk bersuara. SUHAKAM berharap agar cadangan undang-undang yang akan menggantikannya – Akta Keharmonian Negara – akan mewujudkan keseimbangan antara jaminan dalam kebebasan bersuara dan keperluan untuk menangani kompleksiti yang wujud dalam masyarakat majmuk di negara ini.
33. SUHAKAM bimbang dengan kemasukan seksyen 114A dalam Akta Keterangan. SUHAKAM percaya bahawa seksyen 114A Akta tersebut, yang berkaitan dengan anggapan fakta dalam penerbitan, boleh menjejaskan kebebasan bersuara, terutamanya di Internet, dan mungkin mengalihkan beban pembuktian dalam hal jenayah dan sivil.

XIII. Hukuman Mati

34. SUHAKAM mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk mengkaji semula hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah. Ini akan membenarkan mahkamah menggunakan budi bicara dalam menentukan hukuman berdasarkan tahap keseriusan kesalahan setiap kes. SUHAKAM berharap langkah ini akan lama-kelamaan membawa kepada pemansuhan²⁷ hukuman mati.

XIV. Orientasi Seksual dan Identiti Gender²⁸

35. SUHAKAM bimbang dengan layanan buruk, diskriminasi, pembulian, kecaman, penghinaan dan ugutan terhadap kumpulan minoriti seksual. Tanpa mengira orientasi seksual dan identiti gender, semua individu berhak kepada kebebasan asasi.

XV. Cadangan Meminda Akta SUHAKAM

36. Akta Penubuhan SUHAKAM telah dipinda dua kali pada tahun 2009 sebagai maklum balas kepada syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa NHRI (ICC) berkaitan dengan status akreditasi SUHAKAM. Pindaan tersebut memperuntukkan, antara lain, satu proses pemilihan dan pelantikan Pesuruhjaya yang lebih telus.
37. Bagi mengukuhkan²⁹ lagi keberkesanan dalam melaksanakan fungsinya, SUHAKAM telah mencadangkan satu pindaan bagi membenarkan SUHAKAM melawat tempat tahanan tanpa memberi notis terlebih dahulu, sepertimana keperluan sedia ada untuk berbuat demikian.

XVI. Prosedur Khas PBB³⁰

38. Kumpulan Kerja tentang Penahanan Arbitrari, yang mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada bulan Jun tahun 2010, merupakan satu-satunya Pemegang Mandat Prosedur Khas PBB (SPMH) yang telah diundang oleh Kerajaan. SUHAKAM menyeru agar Kerajaan mengundang SPMH lain yang berminat untuk membuat lawatan ke Malaysia, bagi membolehkan mereka menawarkan pandangan pakar mengenai cara menangani pelbagai isu hak asasi manusia di negara ini.

C. ISU HAK ASASI MANUSIA LAIN (Tidak Berkaitan dengan Syor UPR)

I. Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

39. SUHAKAM menyeru agar Kerajaan mengambil langkah bagi memastikan sektor swasta, termasuk syarikat transnasional dan perniagaan lain, memenuhi tanggungjawab mereka untuk mematuhi dan menghormati standard hak asasi manusia dalam operasi harian mereka. Langkah-langkah ini perlu mengambil kira standard yang ditekankan dalam Guiding Principles on Business and Human Rights: Implementing the United Nations "Protect, Respect and Remedy" Framework.
40. SUHAKAM bimbang dengan kemungkinan impak cadangan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Kesatuan Eropah (EU) dan cadangan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dengan Amerika Syarikat, ke atas hak asasi manusia di negara ini. Antara kebimbangannya adalah kekurangan rundingan dengan pihak berkepentingan; kemungkinan impak peningkatan perlindungan harta intelek terhadap akses kepada ubat-ubatan yang mampu dibeli; kesan kepada dagangan liberal ke atas beras dan produk pertanian; dan hak pekerja.

II. Hak Warga Emas

41. SUHAKAM memuji Kerajaan atas Dasar Warga Emas dan Pelan Tindakan yang telah diterima pakai pada tahun 2011. SUHAKAM menyeru agar peruntukan dan program yang dicadangkan dalam Dasar tersebut dilaksanakan dengan berkesan supaya hak warga emas dilindungi. Selain itu, SUHAKAM menyeru agar Kerajaan memberikan perhatian yang khusus kepada isu berkaitan perkhidmatan jagaan, peluang pekerjaan dan keselamatan sosial warga emas.

III. Tindakan Susulan UPR

42. SUHAKAM percaya bahawa proses UPR akan menjadi satu mekanisme yang berkesan dalam menambah baik keadaan hak asasi manusia sesebuah negara hanya sekiranya kesemua pihak berkepentingan memainkan peranan yang aktif sepanjang proses UPR. Berdasarkan rundingan yang telah diadakan, SUHAKAM berasa kecewa kerana kebanyakan pihak berkepentingan di peringkat akar umbi, termasuk agensi Kerajaan dan organisasi-organisasi masyarakat sivil, mempunyai tahap kesedaran dan pemahaman yang rendah tentang proses UPR, lebih-lebih lagi tentang syor yang diterima atau ditolak oleh Kerajaan.
43. SUHAKAM mengesyorkan agar Kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan semua pihak berkepentingan, terutamanya agensi Kerajaan di peringkat negeri, bukan sahaja sedar tentang UPR tetapi juga terlibat secara langsung dengan pelaksanaan syor-syor UPR. Dalam masa yang sama, SUHAKAM akan meningkatkan usahanya dalam mempromosikan kesedaran dan pemahaman mengenai UPR.

D. KESIMPULAN

